Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Meneroka Isu Perkahwinan Bawah Umur Dari Perspektif Undang-Undang Perkahwinan Adat di Sarawak

Flavia Ary Sahwa Anak Kemarau

Sarjana Sains Sosial
2025

Meneroka Isu Perkahwinan Bawah Umur Dari Perspektif Undang-Undang Perkahwinan Adat di Sarawak

Flavia Ary Sahwa Anak Kemarau

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains Sosial

(Kerja Sosial)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2025

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

Flavia

……

Tandatangan

Nama: Flavia Ary Sahwa Anak Kemarau

No. Matrik: 21020034

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 11 Mac 2025

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana akhirnya saya dapat menghabiskan kajian saya dengan jayanya. Sekalung penghargaan buat penyelia utama saya Dr Tharshini Sivabalan yang sentiasa membantu dan membimbing saya sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kerana sering memberi kata-kata semangat dan sokongan moral dalam meyakinkan saya untuk menghabiskan pengajian saya. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr Faizah Binti Hj Mas'ud selaku penyelia kedua saya di atas tunjuk ajar serta bimbingan sepanjang saya melakukan kajian saya. Tanpa bantuan dan bimbingan daripada kalian berdua, saya tidak yakin dapat menghabiskan kajian saya.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada ibu bapa saya Encik Kemarau Akam dan Puan Adon Lindang yang sentiasa memberikan sokongan penuh dan dorongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini dan selalu mendoakan agar kajian saya berjalan dengan lancar. Terima kasih juga buat kedua ibu bapa saya yang sentiasa berada di sisi apabila saya memerlukan bantuan sepanjang kajian ini terutama semasa menemani saya ke lokasi kajian dijalankan. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang lain yang sentiasa memberi sokongan moral untuk mendorong saya sepanjang menjalankan kajian ini.

Saya juga ingin meramkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak memberi sokongan dan hiburan apabila saya merasa tertekan dalam proses menyiapkan kajian saya. Terima kasih juga kerana sudi berkongsi ilmu dengan saya berkaitan dengan penulisan tesis.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneroka isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Kajian ini memberi fokus kepada perkahwinan bawah umur yang berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Seramai sepuluh orang informan yang terbahagi kepada dua kategori iaitu enam individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban dan kategori empat orang tuai rumah dan penghulu kampung terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologikal bagi memahami pengalaman informan berkaitan dengan isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Hasil kajian mendapati majoriti daripada informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban kurang mempunyai pengetahuan dan pemahaman terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa kesemua informan kategori tuai rumah dan penghulu kampung mempunyai pengetahuan serta pemahaman yang agak baik terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban dan sangat berpengalaman dalam mengendalikan perkahwinan di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan kajian ini, diharapkan supaya cadangan untuk melaksanakan kursus pra-perkahwinan kepada individu yang berhasrat untuk berkahwin menggunakan adat Iban bagi membantu memperkenalkan undang-undang perkahwinan adat Iban serta mempersiapkan pasangan tersebut untuk menghadapi kehidupan selepas berkahwin.

Kata kunci: Bawah umur, perkahwinan, undang-undang, adat, Iban

Exploring the Issue of Underage Marriage from the Perspective of Customary Marriage Law in Sarawak

ABSTRACT

This research was conducted to explore the issue of underage marriage from the perspective of customary marriage law in Sarawak. This research focuses on underage marriage using Iban customary marriage law. There are ten informants who are divided into two categories which are six individuals who get married underage using Iban customary marriage law and category of four 'tuai rumah' (head of the longhouse) and 'penghulu kampung' (chief of the village) are involved in this research. This study employs a qualitative research approach using a phenomenological design to explore the informant's experiences related to the issue of underage marriage from the perspective of Iban customary marriage law in Sarawak. Results of the research shows that majority of the informants category of individual who get married underage using Iban customary marriage law are lack of knowledge and understanding toward this law. Beside that, the finding also shows that all of the informants from category of 'tuai rumah' and 'penghulu kampung' have good understanding and knowledge about the Iban customary marriage law and also have a great experienced in handling the underage marriage under Iban customary marriage law. Based on this research, it is expected that the recommendation to carry out a pre-marriage course for individuals who intend to get married using Iban's law in helping introduce the Iban customary marriage law as well preparing the couple to face life after marriage.

Keywords: *Underage, marriage, laws, customary, Iban*

ISI KANDUNGAN

		Mukasurat
PERAKUAN		i
PENGHARGAAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		iv
ISI KANDUNGAN		v
SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		xi
SENARAI SINGKATAN		xii
BAB 1:	**PENGENALAN**	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Persoalan Kajian	14
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Kepentingan Kajian	15
1.5.1	Masyarakat Iban di Sarawak	15
1.5.2	Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS)	16
1.5.3	Pengkaji Akan Datang	18
1.6	Definisi Secara Konseptual dan Operasional	19
1.6.1	Perkahwinan Bawah Umur	19
1.6.2	Undang-Undang	20
1.6.3	Perkahwinan Adat	21
1.7	Kesimpulan	21

BAB 2: SOROTAN LITERATUR 23

2.1 Pengenalan 23

2.2 Undang-Undang Perkahwinan di Malaysia 26

2.2.1 Perkahwinan Sivil 26

2.2.2 Perkahwinan Syariah 27

2.2.3 Perkahwinan Adat 28

2.3 Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban Sarawak, Malaysia 29

2.3.1 Ngayap 30

2.3.2 Bertunang 31

2.3.3 Mali Jadi 31

2.3.4 Melah Pinang/Bebiau 32

2.3.5 Sarak 32

2.4 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Negara Lain 33

2.4.1 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Afrika Selatan 33

2.4.2 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Pakistan 34

2.4.3 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Kenya 36

2.5 Sorotan Kajian Lepas 37

2.5.1 Sorotan Kajian Lepas di Luar Negara 37

2.5.2 Rumusan Sorotan Kajian Lepas di Luar Negara 42

2.5.3 Sorotan Kajian Lepas di Malaysia 42

2.5.4 Rumusan Sorotan Kajian di Malaysia 47

2.6 Teori Sistem Ekologikal 48

2.7 Kesimpulan 51

BAB 3: METODOLOGI 52

3.1 Pengenalan 52

3.2 Reka Bentuk Kajian 52

3.2.1 Kedudukan Pengkaji 53

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian 54

3.3.1 Pemilihan Populasi Kajian 54

3.3.2 Pemilihan Sampel Kajian 54

3.4 Lokasi Kajian 56

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 59

3.5.1 Proses Temu Bual Secara Mendalam 59

3.5.2 Garis Panduan Soalan Temu Bual 60

3.6 Prosedur Pengumpulan Data 63

3.7 Kaedah Analisis Data 65

3.7.1 Peringkat Pengumpulan Data 66

3.7.2 Peringkat Transkripsi 66

3.7.3 Peringkat Mengenalpasti Tema 66

3.7.4 Peringkat Strategi Analisis Data 68

3.8 Isu Kebolehpercayaan 69

3.8.1 Kredibiliti 69

3.8.2 Kebolehgunaan (Transferability) 69

3.8.3 Kebolehpercayaan (Dependability) 69

3.8.4 Pengesahan (Confirmability) 70

3.9 Pertimbangan Etika 70

3.9.1 Etika Bersama Informan 71

3.9.2 Etika Penyimpanan Data Kajian 71

3.10 Kesimpulan 72

BAB 4: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN 73

4.1 Pengenalan 73

4.2 Demografi Responden 73

4.2.1 Jantina 73

4.2.2 Umur 74

4.2.3 Tahap Pendidikan 75

4.2.4 Lokasi Kajian 77

4.2.5 Pekerjaan 78

4.2.6 Umur Semasa Berkahwin dan Usia Perkahwinan 79

4.3 Pengetahuan dan Pemahaman Individu yang Telah Berkahwin Bawah Umur Terhadap Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban di Sarawak 80

4.3.1 Pemahaman Terhadap Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban 80

4.3.2 Prosedur Perkahwinan Bawah Umur Menggunakan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban 83

4.3.3 Pemahaman Terhadap Had Umur Untuk Berkahwin 88

4.4 Hak dan Keistimewaan yang Diperolehi Individu yang Berkahwin di Bawah Umur dengan Menggunakan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban di Sarawak 90

4.4.1 Pengetahuan Terhadap Hak dan Keistimewaan yang Terdapat dalam Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban 90

4.4.2 Pandangan Terhadap Perkahwinan yang Menggunakan Undang-

	Undang Perkahwinan Adat Iban	92
4.5	Pengetahuan Serta Pengalaman Tuai Rumah dan Penghulu Kampung Terhadap Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban	93
4.5.1	Pemahaman Tentang Konsep Perkahwinan Bawah Umur	94
4.5.2	Pemahaman Tentang Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban	95
4.5.3	Pengalaman Mengendalikan Perkahwinan Bawah Umur	98
4.5.4	Prosedur dan Had Umur Berkahwin Muda	100
4.5.5	Hak dan Keistimewaan	105
4.6	Strategi Pemantauan Individu yang Telah Berkahwin di Bawah Umur	107
4.6.1	Pemantauan Berkala	107
4.6.2	Pengendalian Kursus Pra Perkahwinan	111
4.6.3	Kerelevanan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban	114
4.7	Kesimpulan	118
BAB 5:	**CADANGAN DAN KESIMPULAN**	119
5.1	Pengenalan	119
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	119
5.3	Limitasi Kajian	126
5.3.1	Keterhadapan Data atau Saiz Sampel yang Kecil	126
5.3.2	Lokasi Kajian	127
5.3.3	Kekangan Sumber	127
5.4	Cadangan Kajian	127
5.4.1	Tuai Rumah dan Penghulu Kampung	127
5.4.2	Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS)	129

5.4.3 Pengkaji Akan Datang 131

5.5 Kesimpulan 131

RUJUKAN 133

LAMPIRAN 147

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 1.1	Statistik Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Etnik (Perempuan)	9
Jadual 3.1	Statistik Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Bahagian	58
Jadual 3.2	Tema dan Sub-tema	67
Jadual 4.1	Jantina Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur	74
Jadual 4.2	Jantina Kategori Penghulu dan Tuai Rumah	74
Jadual 4.3	Umur Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur	75
Jadual 4.4	Umur Kategori Penghulu dan Tuai Rumah	75
Jadual 4.5	Tahap Pendidikan Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur	76
Jadual 4.6	Tahap Pendidikan Kategori Penghulu dan Tuai Rumah	76
Jadual 4.7	Lokasi Kajian Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur	77
Jadual 4.8	Lokasi Kajian Kategori Penghulu dan Tuai Rumah	77
Jadual 4.9	Pekerjaan Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur	78
Jadual 4.10	Pekerjaan Kategori Penghulu dan Tuai Rumah	78
Jadual 4.11	Umur Semasa Berkahwin dan Usia Berkahwin	79

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 2.1 Sistem Ekologikal Bronfrenner 48

Rajah 3.1 Peta Negeri Sarawak 57

Rajah 3.2 Ringkasan Prosedur Pengumpulan Data 63

SENARAI SINGKATAN

UNICEF	United Nations Children's Fund
MAIS	Majlis Adat Istiadat Sarawak
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Perkahwinan adalah suatu ikatan yang formal yang mempunyai dokumen yang sah di antara seorang lelaki dan seorang wanita bagi memulakan kehidupan mereka sebagai pasangan secara sah (Stritof & Blomquist, 2024). Di Malaysia, terdapat tiga jenis perkahwinan yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia iaitu perkahwinan Sivil, perkahwinan Syariah dan perkahwinan Adat. Perkahwinan Sivil adalah sebuah perkahwinan yang digunakan oleh rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam dan dikendalikan dengan menggunakan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Seterusnya, perkahwinan Syariah di Malaysia hanya diperuntukkan kepada rakyat yang beragama Islam sahaja yang dikendalikan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam di Mahkamah Syariah. Akhir sekali, perkahwinan Adat di Malaysia dilakukan di bawah Undang-Undang Perkahwinan Adat mengikut kaum masing-masing di setiap negeri di Malaysia.

Perkahwinan bawah umur atau lebih dikenali sebagai perkahwinan kanak-kanak boleh didefinisikan sebagai perkahwinan kanak-kanak lelaki atau perempuan yang berada di bawah umur 18 tahun, mempunyai ikatan yang sah sama ada berkahwin secara formal atau tidak formal dan tinggal dengan pasangan masing-masing (UNICEF, 2023). Isu perkahwinan bawah umur ini adalah satu perkara yang tidak asing lagi kerana ia berlaku di seluruh dunia serta melibatkan ramai kanak-kanak bawah umur yang dikahwinkan pada usia yang muda. Di Malaysia dianggarkan sebanyak 1,500 orang kanak-kanak telah berkahwin di bawah umur yang melibatkan kanak-kanak Islam dan bukan Islam sehingga

tahun 2018 (UNICEF, n.d). Sebanyak 5,362 permohonan telah dibuat untuk meminta kebenaran berkahwin bagi kanak-kanak beragama Islam di Malaysia sejak dari Januari 2013 sehingga Disember 2018 dengan Sarawak mencatatkan permohonan tertinggi sebanyak 918 permohonan (Pilus, 2018). Selain itu, seramai 1,845 kanak-kanak telah berkahwin dengan orang dewasa pada tahun 2017 dan daripada jumlah tersebut, seramai 968 kanak-kanak terdiri daripada mereka yang bukan Islam (Roselly, 2018).

Secara global, perkahwinan bawah umur berlaku disebabkan terdapat segelintir masyarakat yang berpendapat bahawa perkahwinan dalam kalangan remaja yang berumur 18 tahun ke bawah adalah sesuatu perkara yang normal serta diterima oleh semua lapisan masyarakat manakala ada segelintir daripada masyarakat yang berfikir bahawa kanak-kanak perempuan yang sudah mengalami akil baligh boleh berkahwin tanpa mengira umur (Girls Not Brides, n.d). Demi menjaga maruah keluarga, berkahwin di bawah umur merupakan sebahagian daripada budaya bagi sesetengah golongan masyarakat seperti di negara Timur Laut Afrika dan di negara Timur Tengah di mana mereka akan mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia muda bagi memastikan anak perempuan mereka masih suci serta mengelakkan daripada hamil luar nikah (Lee, 2013).

Secara amnya, implikasi yang diperolehi menerusi perkahwinan bawah umur akan menyebabkan zaman kanak-kanak seseorang remaja perempuan itu berakhir (Save The Children, 2025). Berakhirnya zaman kanak-kanak juga bererti hak yang sewajarnya diterima oleh mereka sebagai kanak-kanak juga telah dirampas. Berkahwin pada usia yang belum matang menyebabkan remaja perempuan merisikokan kehidupan mereka sebagai kanak- kanak dan berubah ke arah kehidupan berumah tangga yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Antara hak yang telah hilang bagi kanak-kanak apabila berkahwin awal adalah kehilangan hak untuk mendapatkan pendidikan. Sebagai contoh,

remaja perempuan yang berasal daripada keluarga yang miskin terpaksa melupakan hasrat untuk mendapatkan pendidikan di sekolah disebabkan ibu bapa mereka tidak mampu untuk membiayai yuran persekolahan serta mengahwinkan anak mereka pada usia muda manakala terdapat juga segelintir daripada remaja perempuan yang terpaksa berhenti sekolah kerana sudah mengandung di luar nikah dan akhirnya berkahwin di bawah umur (Mughal & Awan, 2020). Pendidikan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun adalah hak yang wajib diberikan kepada mereka seperti yang dinyatakan di *Convention on the Rights of the Children* pada perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 November 1989, dimana pendidikan dilihat sebagai suatu platform dalam membantu membentuk perkembangan personaliti, mental dan psikologi sebagai persiapan untuk menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab dalam kehidupan apabila mencapai usia dewasa.

Di samping itu, perkahwinan bawah umur juga menyebabkan tahap kesihatan remaja perempuan terancam di mana berkahwin pada usia yang muda akan memberi kesan kepada kesihatan mereka secara fizikal dan psikologi (Ponnupillai & Shanmuganathan, 2022). Semestinya apabila sudah berkahwin, setiap pasangan akan melakukan hubungan seks walaupun belum bersedia secara fizikal dan mental dan ini akan menyebabkan kesihatan mereka berada di tahap yang berisiko kerana mereka mungkin mempunyai sedikit pengetahuan yang rendah atau tidak mengetahui tentang hubungan seks sehingga boleh mengganggu kesihatan reproduktif remaja perempuan (Girls Not Bride, n.d). Selepas melahirkan anak, banyak cabaran dan dugaan yang akan dihadapi oleh remaja perempuan yang bergelar ibu muda sehingga meletakkan mereka dalam keadaan yang berisiko seperti mengalami gangguan mental dan emosi, mengalami kekeliruan peranan, beban tanggungjawab yang ditanggung akan bertambah serta

mengalami masalah kesihatan fizikal akibat daripada kehamilan, kelahiran anak dan penyusuan badan (Mangeli et al., 2017). Secara biologikal, usia pada peringkat remaja adalah waktu dimana mereka mempunyai tahap kesuburan yang paling tinggi dan risiko untuk hamil adalah sangat tinggi (Sinrich, 2024). Walaupun begitu, Sinrich (2024) juga mengatakan bahawa sistem daya tahan remaja perempuan di bawah 18 tahun tidak sekuat wanita dewasa dan mereka berisiko untuk mengalami "praeklampsia" semasa hamil. Di samping itu, remaja perempuan yang berkahwin di bawah umur juga cenderung untuk terlibat dengan kes keganasan rumah tangga seperti didera secara fizikal, emosi dan seksual (Ajayi, 2021).

Di samping itu, perkahwinan bawah umur bukan sahaja berlaku dalam kalangan kanak- kanak perempuan sahaja malah ia turut melibatkan kanak-kanak lelaki. Sama seperti kanak- kanak perempuan, perkahwinan bawah umur yang melibatkan kanak-kanak lelaki juga telah menyebabkan mereka kehilangan hak sebagai kanak-kanak (Gaston et al., 2019). Walaupun begitu, jumlah kanak-kanak lelaki yang terlibat dengan perkahwinan bawah umur agak kurang berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dibuat oleh Gaston et al. (2019) yang menganalisis data sedia ada yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur yang melibatkan kanak-kanak lelaki dan hasilnya menunjukkan bahawa prevalens perkahwinan bawah umur bagi kanak-kanak perempuan adalah 2.5 kali jauh lebih tinggi berbanding kanak-kanak lelaki di bahagian Asia Timur dan Pasifik manakala di bahagian Barat dan Afrika Tengah, prevalens bagi perkahwinan bawah umur bagi kanak-kanak perempuan adalah 10 kali ganda lebih tinggi daripada kanak-kanak lelaki. Justeru itu, tumpuan banyak diberikan kepada kanak-kanak perempuan yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun.

Dalam konteks Malaysia, negeri Sarawak merupakan salah sebuah negeri terbesar

di Malaysia yang mempunyai keluasan seluas 124, 449.51 kilometer persegi dengan jarak 600km Laut China Selatan daripada Semenanjung Malaysia dan berjiran dengan Negeri Sabah dan Negara Brunei Darussalam (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak, 2023). Perkahwinan bawah umur juga turut berlaku di Sarawak lebih-lebih lagi individu yang berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat. Selain daripada undang-undang perkahwinan adat, Sarawak juga mempunyai dua lagi sistem perkahwinan iaitu perkahwinan Sivil bagi mereka yang bukan beragama Islam dan perkahwinan Syariah bagi mereka yang beragama Islam. Bagi undang-undang perkahwinan adat di Sarawak, ianya dibahagikan mengikut etnik-etnik yang terdapat di Sarawak dimana setiap etnik di Sarawak mempunyai undang-undang perkahwinan adat tersendiri sebagai contoh etnik Iban yang berlandaskan Adat Iban 1993. Etnik Iban atau juga dipanggil sebagai Sea Dayak merupakan etnik terbesar di Sarawak dengan jumlah 723400 penduduk pada tahun 2020 (Lim, 2022). Selain itu, orang Iban dipercayai telah berhijrah dari Sungai Kapuas di tanah tinggi tengah Borneo ke seluruh Sarawak kira-kira 400 tahun yang lalu dan disebabkan itu, setiap bahagian atau kawasan yang terdapat di Sarawak mempunyai Etnik Iban yang menetap di sana sehingga ke hari ini (Simonson et al., 2011).

Selain itu, pada zaman dahulu, orang Iban sering berhijrah dari satu tempat ke satu tempat untuk mencari tanah yang subur untuk dijadikan sebagai tempat untuk mereka bercucuk tanam dan membuka kawasan tempat tinggal yang baharu (Liddy & Wahab, 2021). Menurut Liddy dan Wahab (2021), aktiviti seperti bercucuk tanam merupakan sumber ekonomi utama bagi orang Iban untuk menampung kehidupan seharian mereka dan mereka terkenal dengan penanaman padi sehingga ke hari ini. Selepas masuk ke alam kemodenan, etnik Iban terutama sekali kaum lelaki yang sudah berkahwin akan membawa isteri mereka untuk berhijrah ke bandar bagi mencari peluang pekerjaan yang

lebih bagus untuk mencari wang yang lebih banyak agar mampu untuk menampung kehidupan seharian keluarga yang masih tinggal di kampung (Ryoji, 2001). Seterusnya, orang Iban juga boleh berkahwin di bawah dua jenis perkahwinan iaitu perkahwinan sivil dan juga perkahwinan adat. Menurut Edward (2021), konsep perkahwinan pada zaman dahulu kala adalah sebuah perkahwinan yang membina sebuah keluarga yang mampu untuk melahirkan zuriat dan konsep ini telah dipraktikkan oleh orang Iban semenjak dahulu lagi apabila mereka perlu mengembangkan populasi bagi menyokong usaha mereka untuk mendapatkan tanah baharu dan bergelut untuk bertahan dalam peperangan puak di Borneo.

Bagi undang-undang perkahwinan adat untuk etnik Iban, ianya telah dimasukkan ke dalam Adat Iban 1993. Di dalam Adat Iban 1993, pasangan yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat perlu mendaftarkan perkahwinan mereka di Pejabat Daerah atau dikenali sebagai Mahkamah Penghulu dan hanya penghulu kampung sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sijil pernikahan yang dipanggil sebagai Surat Tikah dalam bahasa Iban. Antara sebab kenapa pasangan yang berkahwin perlu mempunyai Surat Tikah adalah supaya senang untuk membuat sijil lahir serta kad pengenalan anak-anak pada masa hadapan, memudahkan urusan untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan dan juga supaya pasangan ini tidak mempermainkan satu sama lain kerana Adat Iban mempunyai cara tersendiri untuk menyelesaikan masalah rumahtangga yang dihadapi oleh pasangan suami isteri.

Undang-undang perkahwinan adat Iban membenarkan wanita atau lelaki berbangsa Iban berkahwin dengan individu yang sama bangsa atau boleh berkahwin dengan etnik bumiputera yang lain kecuali orang yang beragama Islam. Selain itu, undang-undang perkahwinan adat Iban juga meletakkan syarat yang perlu dituruti oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin

menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Selain itu, pasangan yang ingin berkahwin menggunakan adat ini juga perlu menyediakan dokumen yang diminta oleh pejabat daerah. Di samping itu, terdapat had umur minimum yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban dan ianya berbeza bagi lelaki dan perempuan. Untuk perempuan, had minimum yang dibenarkan untuk berkahwin adalah 16 tahun manakala untuk lelaki, had umur minimum yang dibenarkan untuk berkahwin adalah 18 tahun. Namun begitu, sekiranya ada pasangan yang ingin berkahwin di bawah umur yang telah ditetapkan dalam adat Iban ini, mereka perlu mendapatkan persetujuan daripada ketua masyarakat. Terlebih dahulu, ibu bapa bagi kedua-dua pihak pasangan yang ingin berkahwin di bawah umur tersebut perlu membawa surat keterangan yang dibuat oleh Tuai Rumah kepada Penghulu Kampung sebagai tanda ibu bapa bagi kedua-dua pihak bersetuju anak-anak mereka berkahwin di bawah umur. Remaja yang berumur di bawah 14 tahun tidak dibenarkan untuk berkahwin sama sekali di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban kerana ianya akan menjadi kes jenayah yang boleh disabitkan dengan kesalahan merogol di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan akan dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan disebat. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka tentang isu perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak.

1.2 Permasalahan Kajian

Sarawak adalah sebuah negeri besar di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan kaum yang tinggal bersama dalam suasana yang aman dan damai. Antara etnik yang terbesar di Sarawak adalah Iban, Bidayuh, dan Orang Ulu. Perkahwinan dan perceraian melalui cara adat telah lama digunakan oleh masyarakat peribumi di Sarawak selain daripada perkahwinan sivil untuk orang bukan Islam. Perkahwinan bawah umur di

Sarawak bagi kanak-kanak bukan Islam dibenarkan menggunakan perkahwinan adat dengan surat persetujuan bertulis daripada ibu bapa serta persetujuan daripada tuai rumah dan penghulu kampung. Selain itu, Sarawak merupakan salah sebuah negeri yang merekodkan jumlah yang agak tinggi bagi kes perkahwinan bawah umur yang menggunakan undang-undang perkahwinan adat. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Laporan Tahunan Majlis Adat Istiadat Sarawak (2021), didapati bahawa pada tahun 2016 sehingga Jun 2021, seramai 1,306 orang kanak–kanak perempuan telah didaftarkan untuk berkahwin di bawah perkahwinan adat di Sarawak.

Menurut Dato Sri Fatimah Abdullah yang merupakan Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak, dua daripada sistem perkahwinan di Sarawak iaitu perkahwinan di bawah undang-undang Sivil dan Syariah telah menetapkan had umur minimum untuk berkahwin manakala perkahwinan di bawah undang-undang adat tidak mempunyai had umur minimum untuk berkahwin (Mardzuki, 2019). Walaupun undang-undang perkahwinan adat di Sarawak tidak mempunyai had umur minimum, namun menurut Dato Sri Fatimah Abdullah, Majlis Adat Istiadat Sarawak kini sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan daripada semua etnik di Sarawak bagi tujuan menyelaraskan had umur minimum untuk berkahwin bagi masyarakat pribumi yang ingin berkahwin dibawah undang-undang perkahwinan adat (Mardzuki, 2019).

Walaupun perkahwinan bawah umur tidak dibenarkan dan hanya dihadkan bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas, namun masih berlaku peningkatan dalam jumlah kanak–kanak yang berusia di bawah 18 tahun yang telah berkahwin dengan menggunakan perkahwinan adat di Sarawak. Statistik perkahwinan bawah umur yang diperolehi daripada Laporan Tahunan Majlis Adat Istiadat Sarawak (2021) menunjukkan

bahawa pada tahun 2016, sebanyak 301 kes telah direkodkan. Seterusnya, berlaku penurunan pada tahun 2017 (292 kes) dan 2018 (231 kes) sebelum angka tersebut melonjak kembali kepada 391 kes pada tahun 2019 (Laporan Tahunan Majlis Adat Istiadat Sarawak, 2021). Secara keseluruhannya dari tahun 2016 sehingga Jun 2021, Bahagian Sri Aman telah mencatatkan jumlah tertinggi kanak–kanak perempuan yang berkahwin di bawah umur iaitu sebanyak 236 kes, diikuti dengan Bahagian Sarikei (187 kes) dan Bahagian Sibu (157 kes). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa trend perkahwinan bawah umur dengan menggunakan sistem perkahwinan adat di Sarawak dalam kalangan kanak-kanak perempuan adalah semakin serius.

Jadual 1.1: Statistik Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Etnik (Perempuan)

Bil.	**Etnik**	**Tahun**				**Jumlah**
		2018	**2019**	**2020**	**Jun 2021**	
1.	Bagatan	0	0	0	0	0
2.	Bidayuh	12	22	15	3	52
3.	Bisaya	0	2	0	0	2
4.	Iban	166	274	150	37	627
5.	Kajang	0	0	0	0	0
6.	Kayan	4	1	0	0	5
7.	Kelabit	2	2	2	1	7
8.	Kenyah	3	0	0	0	3
9.	Lunbawang	3	1	2	0	6
10.	Melanau	0	0	1	0	1
11.	Penan	2	12	14	2	30
12.	Punan	0	0	0	0	0

13.	Chinese	5	8	3	2	18
14.	Indian	0	0	0	0	0
15.	Kadazan	0	1	0	1	2
16.	N/A	8	6	1	0	15
	Jumlah	205	329	188	46	768

Sumber : Majlis Adat Istiadat Sarawak (2021)

Jadual 1.1 merujuk kepada statistik perkahwinan bawah umur mengikut etnik bagi golongan perempuan di Sarawak yang telah berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak dari tahun 2018 sehingga Jun 2021 (Laporan Tahunan Majlis Adat Istiadat Sarawak, 2021). Statistik menunjukkan bahawa etnik Iban mempunyai jumlah individu paling ramai dengan majoriti 627 individu di bawah umur memilih untuk berkahwin dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat. Seterusnya, kedua tertinggi adalah etnik Bidayuh dengan jumlah 52 individu dan diikuti oleh etnik Penan dengan jumlah 30 individu. Manakala etnik Bagatan, etnik Kajang, etnik Punan dan etnik India tidak mempunyai mana-mana individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Memandangkan statistik perkahwinan bawah umur dalam kalangan etnik Iban adalah paling tinggi maka kajian ini akan dijalankan dalam kalangan etnik Iban yang merupakan komposisi etnik terbesar di Sarawak.

Di samping itu, ramai lagi masyarakat di Sarawak yang masih tidak tahu dan keliru dengan had umur minimum yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah sistem perkahwinan adat. Kajian yang dilakukan oleh Saimon et al. (2021) menunjukkan bahawa majoriti (83.2%) daripada responden kajian tidak mengetahui tentang had umur minimum bagi seseorang individu untuk berkahwin di bawah undang–undang perkahwinan adat. Selain itu, Panting et al. (2019) juga menyatakan bahawa terdapat kekurangan di dalam

undang–undang perkahwinan adat iaitu apabila seorang lelaki dewasa yang sudah berkahwin menjalinkan hubungan dengan seorang kanak-kanak perempuan di bawah umur 18 tahun dan kanak- kanak perempuan tersebut didapati mengandung, mereka hanya dikenakan denda sahaja. Sebaliknya, sekiranya kes ini dibawa ke mahkamah sivil, lelaki dewasa tersebut akan didakwa dengan kesalahan rogol walaupun perbuatan itu berlaku dengan kerelaan gadis yang berumur di bawah 18 tahun tersebut. Akibat daripada masalah tersebut, remaja perempuan berkemungkinan untuk berhadapan dengan masalah sekiranya telah hamil kerana perkahwinan mereka tidak dapat didaftarkan kerana pemangsa masih mempunyai isteri yang sah. Perkara ini boleh mengundang kesukaran kepada remaja perempuan tersebut pada masa hadapan. Seterusnya, pasangan bawah umur yang sudah berkahwin melalui saluran perkahwinan adat tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka di perkahwinan sivil turut berhadapan dengan kesukaran untuk memperolehi sijil lahir bagi anak mereka serta hanya boleh berayahkan nama ibu sahaja (Panting et al., 2019). Justeru itu, remaja perempuan yang berkahwin di bawah umur menjadi tumpuan di dalam konteks kajian ini untuk mengkaji hak yang mereka akan dapat daripada undang-undang perkahwinan adat.

Kajian terdahulu yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur di Sarawak hanya memfokuskan kepada perkara-perkara umum seperti meneroka faktor yang membawa kepada perkahwinan bawah umur (Kohno et al., 2020), faktor yang mempengaruhi amalan perkahwinan bawah umur khasnya dalam kalangan orang asal di kawasan luar bandar bagi kajian yang dijalankan oleh Saimon et al. (2021), serta pandangan remaja terhadap perkahwinan bawah umur (Saim et al., 2018). Justeru itu, dalam konteks kajian ini, tumpuan akan diberikan bagi meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang

perkahwinan adat Iban di Sarawak.

Menurut Saimon et al. (2021), kajian terhadap perkahwinan bawah umur dalam kalangan masyarakat peribumi yang berkahwin di bawah perkahwinan adat masih lagi terhad. Kajian terhadap perkahwinan bawah umur di negeri Sarawak yang berkaitan dengan undang-undang perkahwinan adat Iban kurang diberikan tumpuan. Oleh yang demikian, menerusi kajian ini, pengkaji akan mengenalpasti hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Individu yang berkahwin bawah umur perlu mengetahui hak dan keistimewaan mereka adalah untuk memastikan mereka memperolehi setiap hak yang wajar mereka dapatkan terutama sekali yang berkaitan dengan kemudahan atau bantuan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Di samping itu, pengetahuan individu yang telah berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat terhadap hak dan keistimewaan yang perlu diperolehi oleh mereka dapat membantu memudahkan urusan sekiranya mereka ingin menuntut atau memohon hak atau keistimewaan dari segi proses permohonan serta kriteria yang perlu ada untuk permohonan.

Statistik perkahwinan bawah umur yang dikeluarkan oleh Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) dari tahun 2018 sehingga Jun 2021 menunjukkan bahawa terdapat 768 individu telah berkahwin di bawah umur di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Daripada 768 individu tersebut, sejumlah 205 individu telah berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat pada tahun 2018 diikuti oleh 329 individu yang berkahwin di bawah umur pada tahun 2019, 188 individu pada tahun 2020 dan 46 individu pada tahun 2021 daripada bulan Januari sehingga Jun 2021. Antara bahagian di Sarawak yang mempunyai jumlah paling tinggi

bagi perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak adalah Bahagian Sri Aman dengan jumlah 177 individu, diikuti oleh Bahagian Sarikei dengan jumlah 91 individu dan Bahagian Sibu dengan jumlah 80 individu. Sebaliknya, jumlah paling sedikit direkodkan di Bahagian Kapit iaitu hanya sebanyak 10 orang individu sahaja. Walaupun berlaku peningkatan dan penurunan dalam jumlah individu yang berkahwin di bawah umur mengikut undang-undang perkahwinan adat, namun masih terdapat ramai daripada warga peribumi yang memilih untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Justeru itu, kajian yang bakal dilakukan ini akan dilakukan di bahagian yang merekodkan jumlah perkahwinan bawah umur yang tinggi di bawah undang-undang perkahwinan adat iaitu Bahagian Sarikei yang berada di tempat kedua teratas dan Bahagian Sibu yang berada di tempat ketiga teratas. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian bagi individu yang telah berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak menerusi temu bual bersama informan kategori tuai rumah dan penghulu kampung yang pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat.

Kajian terdahulu yang dilakukan oleh Edward (2020) yang bertajuk *Adat Iban : A Living Traditional Wisdom* telah meneroka kebijaksanaan adat dan mengkaji sama ada adat dan kebijaksanaan yang berasaskan adat masih diterapkan dalam kehidupan seharian masyarakat Iban pada zaman sekarang. Perkahwinan yang berpandukan adat Iban juga ada dinyatakan oleh Edward (2020) di dalam kajiannya tetapi hanya membincangkan tentang kebijaksanaan adat dalam mengatur perkahwinan dan perceraian seperti majlis akad nikah, tempat tinggal bagi pasangan yang baru berkahwin, jenis akad nikah dalam adat Iban, peranan ibu bapa dalam perkahwinan anak-anak, perceraian, hak penjagaan

anak selepas bercerai, serta pembahagian harta selepas bercerai. Namun begitu, kajian ini tidak menyatakan tentang kebijaksanaan Adat Iban dalam mengendalikan perkahwinan bawah umur. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada permasalahan dan jurang kajian yang telah diketengahkan, kajian ini dijalankan untuk meneroka isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat di Sarawak yang memberi fokus kepada undang-undang perkahwinan adat Iban.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan utama iaitu:

i. Sejauhmanakah pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak?

ii. Apakah hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak?

iii. Berdasarkan pandangan daripada tuai rumah dan penghulu kampung, apakah cadangan strategi pemantauan dan penilaian bagi individu yang telah berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak?

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

i. Meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

ii. Mengenalpasti hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat

Iban di Sarawak.

iii. Mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian melalui pendapat tuai rumah dan penghulu kampung bagi individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Masyarakat Iban di Sarawak

Hasil kajian ini dijangka akan memberikan manfaat kepada masyarakat peribumi atau orang asal di Sarawak sebagai rujukan bagi menambahkan lagi pengetahuan dan pemahaman mereka berkaitan dengan undang-undang perkahwinan adat terutama sekali kepada etnik Iban di Sarawak. Salah satu aspek utama yang akan ditanya kepada informan dalam kajian ini adalah prosedur menguruskan perkahwinan menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak khususnya untuk perkahwinan di bawah umur. Melalui kajian ini, masyarakat peribumi boleh merujuk kepada maklumat yang diberikan oleh informan sekiranya ada masyarakat peribumi yang ingin berkahwin menggunakan perkahwinan adat. Selain itu, hasil kajian ini juga akan membantu organisasi dalam sesebuah kampung untuk mengadakan program seperti ceramah atau sesi berbual tentang undang-undang perkahwinan adat Iban bagi penduduk kampung berdasarkan kepada pengetahuan dan pemahaman informan di dalam kajian mengenai undang-undang perkahwinan adat Iban.

Di samping itu, objektif kedua untuk kajian ini adalah untuk mengenalpasti hak dan keistimewaan individu yang berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Melalui objektif ini, hasil kajian ini dapat memberikan pandangan kepada calon- calon individu yang ingin berkahwin pada usia muda dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban kerana hasil kajian ini akan membincangkan

tentang hak dan keistimewaan yang diperolehi individu yang berkahwin bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Setelah merujuk kepada hak dan keistimewaan yang akan diperolehi dapat meyakinkan individu lain yang telah berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Justeru itu, hasil kajian ini dapat membantu masyarakat Iban di Sarawak terutama sekali kepada individu lain yang telah berkahwin di bawah umur yang masih kurang berpengetahuan tentang hak dan keistimewaan yang sewajarnya mereka perolehi.

1.5.2 Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS)

Kajian ini dijangka akan memberikan sumbangan kepada Majlis Adat Istiadat Sarawak bagi mempromosikan serta memperkenalkan undang-undang perkahwinan adat Iban kepada dunia luar terutama sekali kepada komuniti di luar Sarawak. Majlis Adat Istiadat Sarawak adalah sebuah organisasi yang mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan undang-undang adat mengikut etnik di Sarawak termasuk perkahwinan yang ingin didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat. Kajian ini dijangka akan memberikan sumbangan kepada Majlis Adat Istiadat Sarawak bagi mempromosikan serta memperkenalkan undang-undang perkahwinan adat Iban kepada dunia luar terutama sekali kepada orang bukan Sarawak. Di samping itu, data serta maklumat yang akan diberikan oleh informan dapat membantu organisasi ini untuk mencari alternatif untuk mengukuhkan lagi hak individu yang berkahwin bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban seperti melindungi hak mereka sepanjang tempoh perkahwinan atau perceraian, membimbing mereka untuk bertahan menempuhi dugaan yang akan mendatang. Tambahan pula, dapatan kajian ini dijangka akan membantu organisasi ini untuk mengadakan program seperti kursus tentang undang-undang perkahwinan adat kepada ibu bapa dan penduduk kampung dan melalui program seperti

ini, nescaya ramai penduduk akan mengetahui dan memahami undang-undang perkahwinan adat supaya dapat membantu penduduk kampung yang masih belum mengetahui cara menggunakan perkahwinan adat serta prosedur-prosedur yang perlu diikuti agar hak dan kebajikan mereka kekal terjamin.

Seterusnya, menerusi hasil kajian ini juga, Majlis Adat Istiadat Sarawak boleh bekerjasama dengan organisasi sesebuah kampung untuk mengadakan program seperti kursus kepada penghulu kampung serta ibu bapa dan juga individu yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban khususnya kepada individu yang ingin berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun. Perkara ini dapat membantu Majlis Adat Istiadat Sarawak untuk mempromosikan undang-undang perkahwinan adat Iban di samping untuk menambahkan pengetahuan serta pemahaman penghulu kampung, ibu bapa dan individu yang ingin berkahwin untuk mempersiapkan diri untuk mendaftarkan perkahwinan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban atau sebaliknya. Selain itu, hasil kajian yang akan diperolehi daripada kajian ini menerusi objektif ketiga itu, mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian daripada tuai rumah dan penghulu kampung bagi individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Antara aspek utama yang akan ditanya kepada tuai rumah dan penghulu kampung yang merupakan informan dalam kajian ini berdasarkan objektif ketiga ini adalah pendapat serta cadangan mereka kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk membuat pemantauan dan penilaian kepada individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang- undang perkahwinan adat Iban sebelum dan selepas berkahwin. Oleh sebab itu, hasil kajian ini boleh digunakan oleh Majlis Adat Istiadat Sarawak untuk membuat satu dasar atau pelan tindakan khas di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban bagi membantu individu yang berkahwin di bawah umur

dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Seperti contoh, pelan tindakan khas dan dasar yang dibina di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban hendaklah memantau dan menilai individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban sebelum berkahwin dan selepas berkahwin dan dipantau sehingga mereka dapat berdikari dan mampu untuk menanggung keluarga kecil bagi meneruskan kelangsungan hidup pada masa hadapan.

1.5.3 Pengkaji Akan Datang

Kajian ini juga diharap akan memberikan sumbangan yang besar kepada pengkaji baharu pada masa akan datang sekiranya mereka ingin membuat kajian yang berkaitan dengan undang-undang perkahwinan adat lebih-lebih lagi melibatkan remaja yang berkahwin di bawah umur. Hasil kajian yang akan diperolehi di dalam kajian ini akan dapat membantu pengkaji baharu untuk mencari maklumat yang baru untuk dijadikan sebagai rujukan di dalam kajian mereka. Di samping itu, kajian ini dapat membantu pengkaji akan datang untuk mengendalikan kajian mereka dengan berhati-hati dan sentiasa peka terhadap isu sensitif supaya tidak mendatangkan kemudaratan kepada responden di dalam kajian mereka. Kajian ini juga dapat membimbing pengkaji baharu untuk melakukan kajian mereka dengan merujuk kepada segala prosedur yang ada di dalam kajian ini.

Selain itu, hasil kajian ini mampu untuk membantu pengkaji akan datang untuk mencari idea-idea baharu untuk melakukan kajian yang berlainan dengan kajian yang akan dijalankan ini bagi memperolehi jurang kajian di dalam kajian baharu yang bakal dilakukan oleh pengkaji akan datang. Hasil kajian ini juga dapat mempromosikan keunikan undang-undang perkahwinan adat Iban kepada pengkaji akan datang supaya mereka berminat untuk meneruskan kajian ini dengan mencari idea baharu untuk

mengembangkan kajian sebegini pada masa hadapan. Tambahan pula, pengkaji akan datang juga boleh merujuk kepada hasil kajian berdasarkan objektif ketiga kajian iaitu, mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian berdasarkan pendapat daripada tuai rumah dan penghulu kampung bagi individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak dan melalui ini, pengkaji akan datang juga boleh mencadangkan kerangka kerja untuk membantu individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban mengekalkan hak dan keistimewaan mereka sebagai masyarakat Iban yang telah berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban.

1.6 Definisi Secara Konseptual dan Operasional

1.6.1 Perkahwinan Bawah Umur

Perkahwinan bawah umur boleh ditakrifkan sebagai sebarang perkahwinan yang melibatkan individu di bawah umur 18 tahun walaupun salah seorang daripada pasangan tersebut berumur di bawah 18 tahun (United Nations Human Rights, n.d). UNICEF (2023) juga menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur berlaku di antara seorang kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain atau seorang kanak-kanak dengan seseorang yang sudah dewasa sama ada perkahwinan secara formal atau tidak formal.

Selain itu, Helbling (2005) memberi pendapat bahawa perkahwinan kanak-kanak berlaku apabila dua insan yang sekurang-kurangnya seorang daripada mereka yang berada di bawah umur 18 tahun disatukan. Definisi yang hampir sama juga diberikan oleh Girls Not Bride (n.d) iaitu, perkahwinan kanak-kanak adalah suatu perkahwinan yang dijalankan secara formal atau tidak formal dimana pasangan ini disatukan sama ada satu atau kedua- dua mereka yang masih berumur di bawah 18 tahun.

Di dalam konteks kajian ini, perkahwinan bawah umur bermaksud remaja atau kanak-kanak asal Sarawak yang telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun yang meliputi kanak-kanak perempuan dan lelaki. Di samping itu, perkahwinan bawah umur dalam konteks kajian ini juga boleh ditakrifkan sebagai kanak-kanak yang berada di bawah umur 18 tahun yang merupakan penduduk asal Sarawak.

1.6.2 Undang-Undang

Menurut Cornell Law School (n.d), undang-undang bermaksud peraturan atau perintah yang dibuat oleh pihak berkuasa untuk mengawal masyarakat dan hukuman denda akan diberikan kepada masyarakat yang melanggar undang-undang. Undang-undang juga boleh didefinisikan sebagai peraturan yang digubal oleh kerajaan yang mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan di dalam sesebuah negara yang dibuat oleh parlimen (Kamus Bahasa Melayu, 2017). Kedua-dua definisi ini mempunyai maksud yang hampir sama apabila kedua-duanya menyebut tentang peraturan yang wajib dituruti oleh masyarakat di sesebuah negara.

Di Malaysia, undang-undang digubal di bawah dua pentadbiran iaitu di bawah undang-undang persekutuan oleh penggubal undang-undang yang merupakan ahli parlimen dan undang-undang ini digunakan di seluruh Malaysia dan satu lagi adalah undang-undang negeri yang dibuat oleh Adun di dalam Dewan Undangan Negeri dan undang-undang negeri ini hanya boleh diguna untuk sesebuah negeri sahaja (The University of Melbourne, 2025).

Di dalam konteks kajian ini, undang–undang adat Iban 1993 akan digunakan sebagai garis panduan yang perlu dipatuhi oleh masyarakat Iban bagi menjamin kesejahteraan hidup dalam kalangan masyarakat Iban di seluruh Sarawak, Malaysia.

1.6.3 Perkahwinan Adat

Perkahwinan adat adalah perkahwinan yang berasaskan adat resam dalam sesebuah komuniti (Legal Assistance Centre, 2005). Di Afrika Selatan, perkahwinan adat adalah sesuatu penyatuan di antara seorang lelaki dan wanita yang telah dirancang dan diraikan dalam kalangan orang asal Afrika berdasarkan undang-undang adat mereka (Law for All, 2025). Berdasarkan dua definisi di atas, perkahwinan adat adalah perkahwinan yang berpandukan pegangan kaum sejak dari turun temurun yang sememangnya berasal daripada orang asal sesebuah komuniti tersebut. Menurut Laws of Sarawak (2003), perkahwinan adat boleh ditakrifkan sebagai perkahwinan yang didaftarkan dan diraikan di bawah kerajaan negeri berdasarkan mana-mana sistem perundangan adat peribadi seperti contoh mengikut kaum masing-masing.

Di dalam konteks kajian ini, perkahwinan adat adalah sebuah perkahwinan yang digunakan oleh masyarakat bukan Islam atau peribumi Sarawak untuk mendaftarkan perkahwinan mereka selain daripada perkahwinan sivil. Sarawak merupakan negeri yang besar dan terdiri daripada pelbagai kaum dan majoriti daripada mereka adalah orang asal Sarawak dan semestinya mempunyai undang-undang mereka sendiri terutama sekali berkaitan dengan perkahwinan adat dimana dalam kajian ini, fokus akan diberikan kepada undang-undang Adat Iban 1993.

1.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, perkahwinan bawah umur dalam kalangan individu yang telah berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Selain itu, etnik Iban mempunyai jumlah indvidu yang berkahwin di bawah umur paling tinggi dari tahun 2016 sehingga Jun 2021 berdasarkan statistik yang diberikan oleh Majlis Adat Istiadat Sarawak. Oleh yang demikian, kajian sebegini perlu

diteruskan bagi mengkaji pengetahuan dan pemahaman individu yang berkahwin di bawah umur mengenai undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak, mengenalpasti hak dan keistimewaan individu yang berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak agar strategi pemantauan dan penilaian dapat dicadangkan bagi individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Di peringkat global, seramai 650 juta golongan wanita telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun dan seramai 12 juta kanak-kanak perempuan berkahwin pada setiap tahun (O'Shea, n.d). Dianggarkan 120 juta kanak-kanak perempuan akan berkahwin sebelum berumur 18 tahun menjelang 2030 sekiranya tiada tindakan yang cepat diambil bagi mencegah isu perkahwinan bawah umur ini (United Nation of Human Rights, n.d). Isu perkahwinan bawah umur dalam kalangan kanak-kanak sangat serius di seluruh dunia kerana perkahwinan tersebut melanggar atau mengancam peluang kanak-kanak di bawah 18 tahun untuk mendapatkan hak sewajarnya yang bersesuaian dengan umur mereka. Perkahwinan bawah umur ini juga menyebabkan berlakunya ketidaksamarataan terhadap kanak-kanak perempuan kerana mereka tidak diberikan peluang untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara kehidupan mereka sendiri (Save The Children, 2018).

Niger merupakan negara yang mempunyai kes perkahwinan bawah umur yang paling tinggi di peringkat global (United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs, 2021). Negara ini berada pada sepuluh tangga teratas dalam kategori negara termiskin di dunia akibat terkesan daripada bencana alam dan ketidakstabilan di dalam sistem pemerintahan kerajaan tersebut (Benson, 2021). Menurut Psaki et al. (2021), tahap kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk di Niger dan budaya sosial yang dipraktikkan telah menyumbang kepada isu perkahwinan bawah umur. Selain itu, Niger masih mengamalkan sistem patriarki dimana kaum lelaki sahaja yang diberikan

peluang untuk bekerja manakala remaja perempuan dan wanita perlu berada di bawah tanggungan kaum lelaki sepenuhnya (Psaki et al., 2021). Oleh sebab itu, ramai kanak-kanak perempuan dikahwinkan oleh keluarga mereka supaya mereka dapat ditanggung oleh suami masing-masing selepas berkahwin. Psaki et al. (2021) juga menjelaskan bahawa norma sosial dan budaya penduduk di Niger menyumbang kepada isu perkahwinan bawah umur seperti mengadakan perkahwinan di dalam kumpulan iaitu berkahwin secara beramai-ramai dengan pasangan masing-masing selepas festival menuai. Satu lagi budaya yang diamalkan oleh penduduk di Niger adalah ketaatan kepada setiap arahan dimana setelah menerima lamaran, pengantin perempuan perlu taat kepada suami, keluarga mertua, dan komuniti di sekeliling mereka. Jelas sekali faktor kemiskinan, norma sosial dan budaya yang diamalkan oleh penduduk di Niger mempengaruhi isu perkahwinan bawah umur berleluasa sehingga menyebabkan negara ini mempunyai kes yang agak tinggi berbanding dengan negara lain.

India juga merupakan salah sebuah negara yang mempunyai kes perkahwinan bawah umur yang agak tinggi iaitu sekurang-kurangnya 1.5 juta kanak-kanak perempuan berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun dimana jumlah tersebut adalah jumlah terbesar bagi pengantin kanak-kanak di seluruh dunia (UNICEF, n.d). Seperti di Niger, di India juga wujud ketidaksamarataan jantina di antara lelaki dan wanita kerana mereka lebih mengutamakan kaum lelaki lebih-lebih lagi di dalam sektor ekonomi (Youth Policy. Org, 2013). Di samping itu, Youth Policy. Org (2013) juga menyatakan bahawa majoriti daripada golongan wanita yang sudah berkahwin di India hanya menjadi suri rumah tangga. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak perempuan di dalam sesebuah keluarga kurang menyumbang kepada pembangunan perkembangan ekonomi sehingga menyebabkan ibu bapa kurang membelanjakan wang untuk menyekolahkan anak

perempuan sebaliknya mencarikan suami untuk mereka kerana sekiranya berkahwin di usia muda, mas kahwin bagi pihak perempuan akan lebih kecil nilainya.

Perkahwinan bawah umur turut berlaku di Malaysia seperti yang berlaku di negara-negara lain. Walaupun Malaysia tidak berada di dalam kelompok teratas di peringkat global namun kes perkahwinan bawah umur di Malaysia mencatatkan kes yang agak tinggi secara keseluruhannya dari tahun 2007 sehingga tahun 2017 iaitu sebanyak 15,000 kes manakala perangkaan statistik pada tahun 2018 menunjukkan bahawa 90% daripada jumlah kanak- kanak yang berkahwin di bawah umur di Malaysia adalah kanak-kanak perempuan (Unicef Malaysia, 2021). Perkahwinan bawah umur bukan sahaja berlaku di kawasan luar bandar, malahan ia turut berlaku di kawasan bandar tanpa mengira faktor kaum dan agama kanak- kanak tersebut (Selan, 2021). Antara faktor utama yang menyebabkan perkahwinan bawah umur di Malaysia adalah disebabkan kes kehamilan luar nikah dimana mereka terpaksa berkahwin bagi menutup aib keluarga di atas prinsip kepercayaan agama, sebagai contoh agama Islam melarang umatnya daripada melakukan hubungan seks sebelum berkahwin. Ada sesetengah daripada ibu bapa yang memaksa anak mereka berkahwin sebelum berumur 18 tahun kerana takut anak mereka akan melakukan hubungan seks sebelum berkahwin. Seterusnya, faktor kemiskinan yang dihadapi oleh sesetengah keluarga menyebabkan anak perempuan dihentikan daripada bersekolah dan dibenarkan untuk berkahwin sebelum berumur 18 tahun bagi mengurangkan beban tanggungan di dalam keluarga tersebut (Girls Not Brides, n.d).

Malaysia pernah digemparkan dengan satu berita yang kurang menyenangkan iaitu seorang kanak-kanak perempuan yang berumur 11 tahun telah berkahwin dengan seorang lelaki dewasa yang berumur 41 tahun di Selatan Thailand (Razali, 2018). Menurut Astro Awani (2018), kanak-kanak perempuan ini berkahwin dengan

suaminya atas dasar percintaan dimana mereka berkahwin tanpa pengetahuan ibu bapa kanak-kanak perempuan tersebut dan didapati bahawa kanak-kanak perempuan tersebut tidak bersekolah. Lelaki dewasa ini yang dikenali sebagai pembeli getah di kampung tempat tinggalnya telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM1800 oleh Mahkamah Rendah Syariah Gua Musang di atas dua pertuduhan iaitu berkahwin dan berpoligami tanpa kebenaran daripada ibu bapa kanak-kanak perempuan tersebut (Ibrahim, 2018). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa isu perkahwinan bawah umur di Malaysia merupakan sesuatu isu yang kompleks serta memerlukan perhatian yang lebih daripada semua pihak bagi mencari jalan untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku lagi pada masa akan datang.

2.2 Undang-Undang Perkahwinan di Malaysia

Bahagian ini akan membincangkan tentang tiga jenis perkahwinan yang terdapat di Malaysia. Antaranya adalah perkahwinan Sivil, perkahwinan Syariah dan perkahwinan Adat.

2.2.1 Perkahwinan Sivil

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 adalah undang-undang yang digunakan di dalam perkahwinan Sivil. Akta ini adalah undang-undang yang diperuntukkan untuk membincangkan tentang perkahwinan secara monogami, upacara perkahwinan, pendaftaran perkahwinan serta perceraian yang perlu dipatuhi oleh masyarakat di Malaysia yang berkahwin menggunakan undang-undang ini. Selain itu, akta ini juga hanya boleh diguna pakai oleh masyarakat bukan Islam yang merupakan warganegara Malaysia. Dalam perkahwinan secara monogami, seseorang yang sudah sah berkahwin di bawah undang-undang, agama atau adat tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan orang lain sehingga perkahwinan yang sah tersebut dibubarkan.

Setiap perkahwinan yang didaftarkan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 hanya boleh di upacarakan oleh seorang pendaftar sahaja. Akta ini juga melarang perkahwinan yang melibatkan tali persaudaraan di antara pasangan pengantin. Di samping itu, upacara perkahwinan hendaklah dilakukan di pejabat pendaftar atau di tempat beribadah mengikut agama masing-masing atau di pejabat adat dan juga memerlukan dua orang saksi selain daripada pendaftar untuk mengesahkan upacara perkahwinan tersebut menjadi sah di sisi undang-undang.

Bagi perkahwinan bawah umur, akta ini tidak membenarkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun untuk berkahwin namun sekiranya pasangan tersebut adalah seorang perempuan yang genap berumur 16 tahun, pengecualian dapat diberikan dimana mereka perlu meminta kebenaran daripada Ketua Menteri sebelum meneruskan perkahwinan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

2.2.2 Perkahwinan Syariah

Perkahwinan Syariah dikendalikan di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan hanya digunakan oleh masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Akta ini diperuntukkan untuk masyarakat Islam sebagai garis panduan yang perlu dipatuhi bagi menjaga batasan setiap perkara terutamanya yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan keluarga. Perkahwinan yang telah di akadnikahkan di bawah akta ini akan berterusan dan hanya boleh dibubarkan atau ditamatkan di bawah akta ini juga.

Sebuah perkahwinan yang menggunakan akta ini hendaklah di akadnikahkan mengikut Hukum Syara' dimana, wali atau wakil diperlukan untuk berada di hadapan pendaftar perkahwinan semasa majlis akad nikah. Akta Undang-Undang Keluarga Islam

(Wilayah Persekutuan) 1984 ini juga melarang perkahwinan yang melibatkan tali persaudaraan diantara pasangan. Selain itu, perkahwinan yang ingin didaftarkan di bawah akta ini perlu dipersetujui oleh kedua-dua pihak atau pasangan yang ingin berkahwin terutama sekali persetujuan daripada wali pihak perempuan.

Bagi pertunangan mengikut Hukum Syara', mana-mana pihak yang ingin memutuskan ikatan pertunangan akan bertanggungjawab untuk memulangkan semula pemberian-pemberian semasa majlis pertunangan dan membayar segala wang yang telah dibelanjakan untuk membuat persediaan untuk berkahwin. Di samping itu, di bawah akta ini juga, mas kahwin akan dibayar oleh pihak pengantin lelaki.

Seterusnya, bagi perkahwinan bawah umur, akta ini telah menetapkan had umur minimum untuk masyarakat Islam yang ingin berkahwin menggunakan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 iaitu bagi lelaki had umur minimum adalah 18 tahun dan perempuan adalah 16 tahun. Untuk lelaki yang berumur di bawah 18 tahun dan perempuan di bawah umur 16 tahun yang ingin berkahwin di bawah akta ini, mereka perlu meminta kebenaran secara bertulis daripada Hakim Syarie.

2.2.3 Perkahwinan Adat

Perkahwinan adat di Malaysia berlaku mengikut negeri dan kaum yang terdapat di dalamnya seperti contoh di Sarawak yang menggunakan *Native Customary Marriage (Maintenance) Ordinance* 2003 dan di Sabah yang menggunakan *Native Courts (Native Customary Laws) Rules* (1995). Mengikut undang-undang perkahwinan adat di Sarawak, perkahwinan adat bermaksud mana-mana perkahwinan yang didaftarkan atau diraikan di dalam negeri mengikut adat kaum masing-masing (Native Customary Marriage (Maintenance) Ordinance 2003). Menurut undang-undang ini juga, perkahwinan adat hanya untuk pasangan yang berkahwin mengikut undang-undang setiap kaum di Sarawak

atau mana-mana undang-undang adat yang diiktiraf di bawah ordinan ini. Selain itu, perkahwinan adat tidak dibenarkan bagi mana-mana pasangan yang beragama Islam dan juga bagi pasangan yang berkahwin dan berdaftar di bawah Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian [Akta 164] 1976).

Seterusnya, perkahwinan adat di Sabah menggunakan *Native Courts (Native Customary Laws) Rules* (1995) yang menjelaskan tentang kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dilakukan oleh masyarakat asal Sabah berkaitan dengan perkahwinan adat. Menurut *Native Courts (Native Customary Laws) Rules* (1995), pasangan yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan saudara sendiri dan sekiranya berlaku, mereka dikatakan telah melanggar undang-undang adat negeri yang dipanggil "Pitas" dan denda akan dikenakan terhadap individu tersebut. Selain itu, di bawah undang-undang ini juga, ikatan pertunangan tidak boleh dibatalkan tanpa ada alasan dan bukti kukuh. Sekiranya tiada alasan yang kukuh, pihak yang membatalkan pertunangan akan dikenakan denda manakala bagi situasi berpoligami pula, mereka akan dikenakan denda iaitu membayar "Lapau" kepada isteri dan membayar setiap seorang anak hasil dari perkahwinannya sebelum ini yang dipanggil "Sogit".

2.3 Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban Sarawak, Malaysia

Suku kaum Iban merupakan etnik terbesar di Sarawak. Justeru itu, etnik Iban mempunyai undang-undang perkahwinan adat tersendiri yang dikendalikan di bawah Adat Iban 1993. Adat Iban 1993 ditubuhkan bertujuan untuk menjaga keamanan serta keharmonian dalam kalangan masyarakat Iban agar membawa keberkatan, kesihatan dan kesenangan kepada masyarakat Iban. Di samping itu, adat ini ditubuhkan supaya tidak memecahbelahkan masyarakat Iban dan melatih mereka untuk menjadi orang yang baik di hadapan '*Petara*' (Tuhan) supaya keadaan di kampung berada dalam keadaan yang

tenteram dan harmoni. Siapa yang melanggar adat akan membuat keadaan di tempat tersebut tidak tenteram. Oleh itu, mana-mana individu yang melanggar adat akan dikenakan tindakan atau melakukan upacara pengampunan dengan membuat '*piring*' kepada '*Petara*' dengan serta merta. Undang-undang perkahwinan adat Iban dipanggil sebagai '*Adat Melaki Bini*' dan terdapat beberapa bahagian yang berkaitan dengan perkahwinan di bawah adat ini. Antaranya, '*ngayap*', '*beterang*', '*mali jadi*', '*melah pinang/bebiau*', dan '*sarak*'.

2.3.1 Ngayap

Adat '*ngayap*' merupakan adat asal bagi etnik Iban. '*Ngayap*' adalah tradisi mencari jodoh yang disukai oleh kaum lelaki dan bagi memikat dan berkenalan dengan melawat rumah wanita tersebut (Rosli & Shah, 2024; Ismail, 2023). Walaupun begitu, adat '*ngayap*' ini tidak boleh dilakukan dengan sesuka hati dan mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi dan jika ada sesiapa yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan atau hukuman mengikut Adat Iban 1993. Adat '*ngayap*' hanya dilakukan oleh masyarakat Iban sahaja dan jika terdapat masyarakat yang berbangsa selain daripada Iban melakukan '*ngayap*', mereka akan dikenakan tindakan adat. Ibu bapa bagi pihak wanita mempunyai hak untuk melarang lelaki yang datang '*ngayap*' daripada melakukannya banyak kali dan sekiranya lelaki tersebut melanggar aturan ini, tindakan akan diambil terhadap lelaki tersebut.

Adat '*ngayap*' di dalam Adat Iban 1993 juga menerangkan sekiranya sesiapa yang datang '*ngayap*' ke rumah wanita merosakkan harta benda semasa masuk ke dalam rumah wanita tersebut akan dikenakan tindakan dan diminta untuk menggantikan barang yang telah dirosakkan. Di samping itu, lelaki yang datang '*ngayap*' ke rumah wanita tersebut tidak boleh membawa lari wanita tersebut keluar dari rumah secara paksa dan

sekiranya melanggar peraturan ini, lelaki tersebut akan dikenakan adat.

2.3.2 Bertunang

Terdapat dua perkara yang dibangkitkan di dalam '*Adat Melaki Bini*' (Adat Iban 1993) yang berkaitan dengan adat bertunang dalam kalangan masyarakat Iban. Pertama adalah peraturan yang berkaitan dengan pasangan yang membatalkan ikatan pertunangan. Sebarang siapa di antara lelaki atau wanita yang sudah bertunang dan telah menetapkan tarikh perkahwinan tetapi ingin memutuskan ikatan pertunangan tanpa mempunyai alasan yang kukuh, pihak yang ingin memutuskan pertunangan tersebut hendaklah memulangkan semula cincin pertunangan dan memulangkan pemberian barangan yang diberi semasa bertunang dan juga akan dikenakan tindakan adat. Kedua, sekiranya kedua-dua pihak lelaki dan wanita yang telah bertunang ingin memutuskan pertunangan disebabkan tidak saling suka sesama sendiri, mereka tidak akan dikenakan tindakan adat dan cincin pertunangan boleh disimpan atau dikembalikan kepada empunya cincin sebagai tanda pertunangan.

2.3.3 Mali Jadi

'*Jadi mali*' di dalam '*Adat Melaki Bini*' (Adat Iban 1993) adalah perkahwinan yang dilarang dimana melibatkan tali persaudaraan. Adat Iban 1993 melarang keras perkahwinan yang melibatkan tali persaudaraan kerana boleh mendatangkan bencana kepada kampung tersebut. Namun begitu, sekiranya sepupu sekali ingin berkahwin dengan sepupu dua kali atau sepupu sekali ingin berkahwin dengan sepupu empat kali, mereka dibenarkan untuk berkahwin namun perlu memenuhi permintaan adat iaitu membunuh dua ekor babi, seekor dibunuh di kaki tangga rumah dan seekor lagi dibunuh di air sungai dan pasangan tersebut akan mandi menggunakan darah babi yang dibunuh. Seterusnya, sepupu dua kali yang ingin berkahwin dengan sepupu tiga kali juga

dibenarkan berkahwin di bawah adat ini namun perlu memenuhi permintaan adat dengan membunuh seekor babi di kaki tangga halaman rumah dan mereka perlu memijak darah babi tersebut.

2.3.4 Melah Pinang/Bebiau

Melah pinang/bebiau merupakan upacara pernikahan di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Untuk menjadi suami isteri dan berkahwin di bawah adat ini, mereka perlu mengumumkan perkahwinan mereka di depan khalayak ramai semasa upacara perkahwinan berlangsung. Pengeluaran sijil kahwin di bawah '*Adat Melaki Bini*' (Adat Iban 1993) akan dikeluarkan dan diberikan kepada pasangan yang baru berkahwin oleh Penghulu Kampung.

Selain itu, lelaki dan perempuan yang sudah tidur bersama selama enam hari berterusan, mereka akan dikira sudah berkahwin dan akan dikumpulkan di depan tuai rumah untuk mengumumkan perkahwinan mereka di khalayak ramai dan sekiranya tidak melakukan pengumuman selepas enam hari tidur bersama, ibu bapa pasangan tersebut akan dikenakan tindakan adat.

2.3.5 Sarak

'*Sarak*' bermaksud perceraian di dalam Adat Iban 1993. Di dalam adat ini, Mahkamah Penghulu akan membenarkan pasangan yang berkahwin di bawah adat ini untuk bercerai berdasarkan perkara-perkara seperti '*sarak manis*' iaitu pasangan suami isteri suami tersebut sudah tidak sehaluan dan kedua-duanya bersetuju untuk bercerai. Perceraian juga dibenarkan sekiranya suami atau isteri meninggalkan pasangan masing-masing atau tidak memberi belanja selama lebih dari dua tahun. Adat ini juga membenarkan perceraian berlaku sekiranya suami atau isteri menghidap masalah mental

dan juga sekiranya isteri atau suami ditahan di dalam penjara melebihi dua tahun.

Selain itu, Mahkamah Penghulu juga membenarkan pasangan suami isteri bercerai sekiranya salah seorang daripada mereka menghidap penyakit yang tidak dapat disembuhkan tetapi, suami atau isteri yang meminta untuk diceraikan akan dikenakan tindakan adat serta memberi belanja untuk anak-anak yang ditinggalkan. Seterusnya, sekiranya suami atau isteri berlaku curang terhadap pasangan mereka, Mahkamah Penghulu juga membenarkan mereka untuk bercerai.

2.4 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Negara Lain

Bahagian ini akan membincangkan mengenai undang-undang perkahwinan adat di pelbagai negara iaitu di Afrika Selatan, Pakistan, dan Kenya. Bahagian ini bertujuan untuk meneroka sistem perkahwinan adat di setiap negara bagi melihat persamaan dan perbezaan yang terdapat di dalam undang-undang perkahwinan adat.

2.4.1 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Afrika Selatan

Di Afrika Selatan, undang-undang adat merujuk kepada suatu sistem perkahwinan yang dikenali sebagai “perkahwinan tradisional”. Perkahwinan mengikut undang-undang adat di Afrika Selatan dikenalpasti melalui Akta Pengiktirafan Perkahwinan Adat (Department of Home Affairs Republic of South Africa, 2025). Perkahwinan di bawah undang-undang adat perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang adat seperti : (i) pernikahan mesti diraikan, dikahwinkan, dirundingkan menggunakan undang-undang adat, (ii) pasangan yang ingin berkahwin mestilah sudah dewasa dan berumur 18 tahun ke atas, (iii) tidak dibenarkan untuk berkahwin dengan darah daging sendiri serta tidak mempunyai kaitan tali persaudaraan, (iv) kedua-dua pihak pengantin tidak berada dalam perkahwinan sivil dan (v) *lobola* hendaklah tetap

seperti yang dibincangkan (Mokoena, 2020). Secara amnya, *lobola* merupakan salah satu tradisi yang perlu diamalkan oleh pasangan yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat dan tradisi *lobola* di Afrika Selatan dimana calon suami atau ketua keluarga calon suami perlu memberi jaminan harta berbentuk wang atau barang-barangan kepada ketua keluarga calon isteri sebagai pertimbangan untuk berkahwin dengan menggunakan undang-undang adat.

Secara amnya, pasangan yang ingin berkahwin dibawah undang-undang adat di Afrika Selatan perlu mendaftarkan perkahwinan mereka di Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri (Department of Home Affairs) dalam tempoh tiga bulan selepas semua urusan perkahwinan adat diselesaikan (Honey Attorneys, 2021). Menurut Department of Home Affairs Republic of South Africa (2025), pasangan yang ingin mendaftarkan perkahwinan mereka di bawah undang-undang adat di bawah Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri perlu membawa buku identiti dan perjanjian *lobola*, mempunyai sekurang-kurangnya seorang saksi daripada kedua-dua pihak lelaki dan wanita, dan juga wakil daripada ahli keluarga kedua-dua pasangan tersebut. Bagi kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat di Afrika Selatan pula, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sah atau pesuruhjaya kebajikan kanak-kanak yang akan memberikan kebenaran untuk pasangan bawah umur untuk berkahwin sebagai pengganti ibu bapa atau penjaga sah (Department of Home Affairs Republic of South Africa, 2025).

2.4.2 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Pakistan

Perkahwinan kanak-kanak turut berlaku secara berleluasa di Pakistan kerana perkahwinan bawah umur ini adalah tradisi, budaya serta adat yang diamalkan oleh masyarakat di negara tersebut (United Nations Population Funds, 2024). Terdapat lima

jenis perkahwinan adat di bawah undang-undang perkahwinan adat Pakistan iaitu "*Swara"*, "*Vani"*, "*Watta Satta"*, "*Pait Likhai"/ "Pait Likhi"/ "Chatti"* dan berkahwin dengan Quran (Rehan et al., 2017). "*Swara*" adalah perkahwinan adat yang memberi atau menghadiahkan gadis untuk berkahwin dengan keluarga yang terkilan sebagai pampasan atas pembunuhan yang dilakukan oleh keluarga gadis tersebut (The New Humanitarian, 2003). Menurut Rehan et al. (2017), "*Swara*" juga adalah adat yang terikat dengan pertelingkahan darah di antara suku atau puak yang berbeza di mana gadis-gadis dipaksa untuk berkahwin dengan ahli puak musuh untuk mengimbangi jenayah yang dilakukan terhadap ahli puak itu. Seterusnya adalah perkahwinan adat "*Vani*" di mana gadis-gadis membayar atau menyelesaikan jenayah yang dilakukan oleh kaum lelaki di dalam keluarga tersebut dimana gadis-gadis yang berada dalam lingkungan usia 4 tahun sehingga 14 tahun dipaksa untuk berkahwin dengan lelaki daripada pihak keluarga yang menjadi mangsa jenayah. (Islam, 2014). Menurut Rehan et al., (2017), perkahwinan adat "*Vani*" ini boleh dielakkan sekiranya keluarga perempuan membayar wang darah yang dipanggil sebagai "*Diyat*" kepada keluarga mangsa.

Ketiga adalah perkahwinan adat "*Watta Satta*" yang merupakan sistem perkahwinan barter di antara dua buah keluarga contohnya pasangan adik-beradik di dalam satu keluarga perlu berkahwin dengan pasangan adik-beradik daripada keluarga yang lain (Haider, 2011). Bagi perkahwinan adat *"Pait Likhai"/ "Pait Likhi"/ "Chatti"* pula, perkahwinan ini berlaku apabila seorang kanak-kanak perempuan yang sudah bertunang semenjak lahir dikahwinkan dengan lelaki tersebut apabila sudah besar dan mencapai akil baligh manakala perkahwinan adat yang terakhir adalah berkahwin dengan Quran iaitu ada sesetengah gadis yang berkahwin dengan Quran di beberapa kawasan di Pakistan terutama sekali di kawasan pedalaman (Rehan et al., 2017). Berkahwin dengan

Quran yang dikenali sebagai "*Haq Bakshish*" yang memberi maksud mengalah kepada hak untuk berkahwin adalah tradisi yang diamalkan oleh penduduk kawasan pedalaman lebih-lebih lagi di Sindh seperti contoh ada sesebuah keluarga yang memaksa kaum wanita untuk kekal tidak berkahwin kerana harta milik kaum wanita masih berada di bawah kawalan ayah atau abang kepada kaum wanita di dalam keluarga tersebut dan sekiranya kaum wanita tersebut berkahwin, harta milik mereka akan dikawal sepenuhnya oleh suami mereka (United Nations High Commissioner for Refugees, 2023).

2.4.3 Undang-Undang Perkahwinan Adat di Kenya

Kenya menggunakan undang-undang perkahwinan adat mereka sendiri iaitu *The Marriage (Customary Marriage) Rules* 2017. Menurut Lawyer Wangu (2025), pasangan yang ingin berkahwin di bawah undang-undang adat perlu membuat permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka dalam tempoh enam bulan selepas selesai upacara adat yang mengesahkan bahawa mereka adalah pasangan suami-isteri. Selain itu, perkahwinan adat ini perlu dilangsungkan mengikut adat istiadat masyarakat salah satu atau kedua-dua pihak (Lawyer Wangu, 2025). Untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Kenya, pasangan yang ingin berkahwin perlu mempunyai kelayakan seperti berikut: (i) kedua-dua lelaki dan perempuan berumur 18 tahun dan ke atas, (ii) pasangan tidak boleh masuk ke dalam perkahwinan sivil, Kristian, Islam dan Hindu pada masa perkahwinan, (iii) pasangan ini tidak boleh mempunyai ikatan persaudaraan, (iv) kedua-dua pasangan bersetuju untuk mendaftarkan perkahwinan mereka, dan (v) pendaftaran perkahwinan adat ini adalah hanya untuk orang Kenya yang sudah mempunyai ikatan adat (Lawyer Wangu, 2025).

Owino (2019) menjelaskan formaliti-formaliti yang perlu diikuti di dalam perkahwinan undang-undang adat Kenya iaitu pasangan yang ingin berkahwin perlu

bertunang dahulu dan majlis pertunangan tersebut akan diadakan mengikut adat perkahwinan Kenya. Semasa majlis pertunangan, niat untuk berkahwin akan diberitahu dan persetujuan daripada kedua-dua pihak diperlukan untuk memastikan perkahwinan terjamin (Owino, 2019). Formaliti yang kedua adalah pembayaran mas kahwin akan dilakukan selepas bertunang dan jumlahnya adalah berbeza dalam kalangan komuniti mengikut adat kaum masing-masing (Owino, 2019). Contohnya, kaum Taneta mempunyai mas kahwin yang tetap dan mereka perlu menghadiahkan seekor lembu, tiga ekor kambing betina, dua ekor kerbau dan sebuah rumah untuk diberikan kepada ayah pengantin perempuan manakala bagi kaum Kisii pula, mas kahwin akan dibayar mengikut tahap pendidikan pengantin perempuan (Owino, 2019).

2.5 Sorotan Kajian Lepas

2.5.1 Sorotan Kajian Lepas di Luar Negara

Di Kenya, Warria (2019) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk "Perkahwinan Kanak-kanak, Perlindungan Kanak-kanak dan Pembangunan Mampan di Kenya: Adakah Perundangan Mencukupi"? Objektif bagi kajian ini adalah untuk menganalisis rangka kerja perundangan Kenya yang sedia ada bagi melindungi kanak-kanak daripada terlibat dengan perkahwinan di bawah umur dan kajian ini dijalankan dengan menggunakan rangka kerja perundangan yang berkaitan dengan kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kenya mempunyai rangka undang-undang yang kuat untuk melawan isu perkahwinan kanak-kanak dan pesalah boleh didakwa. Seterusnya, hasil kajian juga mendapati bahawa rangka undang- undang yang kuat masih belum mampu untuk mencegah isu perkahwinan di Kenya kerana perkahwinan kanak-kanak masih berleluasa sehingga jumlah perkahwinan kanak-kanak di sesetengah kawasan masih meningkat.

Di Sumenep Indonesia, perempuan dan wanita perlu meneruskan tradisi untuk berkahwin di bawah umur. Oleh yang demikian, satu kajian telah dibuat oleh Nurmala et al. pada tahun 2020 untuk mencari faktor yang menyebabkan mereka untuk meneruskan tradisi tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan dikendalikan melalui temubual secara mendalam. Seramai 31 orang responden ditemubual dalam kajian ini. Hasil kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu peringkat individu-keluarga dan peringkat masyarakat. Pada peringkat individu dan keluarga, responden menjelaskan bahawa tradisi ini perlu diteruskan bagi merapatkan hubungan kekeluargaan di antara dua buah keluarga yang sudah berkawan dan saling mengenali semenjak mereka masih kecil. Seterusnya, perkahwinan juga diatur disebabkan oleh penampilan fizikal yang dilihat oleh kaum lelaki pada gadis-gadis di bawah umur apabila tubuh fizikal mereka sudah besar tinggi, mencapai akil baligh dan masih subur. Di peringkat masyarakat pula, responden menyatakan bahawa tradisi berkahwin di bawah umur diteruskan kerana umur 14 sehingga 17 tahun dikatakan sebagai tahap umur yang sesuai untuk berkahwin. Selain itu, pengaruh daripada persekitaran sosial juga telah menyebabkan responden untuk berkahwin awal di mana segelintir daripada masyarakat berpendapat bahawa perkahwinan pada usia yang muda adalah suatu yang bagus.

Abera et al. (2020) telah membuat kajian yang bertajuk ‘Perkahwinan awal dan pemerkasaan wanita: Kes perkahwinan dalam kalangan kanak-kanak di negeri serantau kebangsaan Ethiopia. Kajian ini dibuat untuk menilai kesan daripada perkahwinan awal terutamanya yang berkaitan dengan pemerkasaan dan membuat keputusan selepas berumah- tangga. Di dalam komuniti Ethiopia termasuk wilayah Amhara, seorang isteri yang baik adalah seorang isteri yang taat dan setia kepada suami, anak-anak, orang tua

dalam keluarga dan juga saudara-mara. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan komuniti di pedalaman wilayah Barat Amhara terutama sekali kanak-kanak yang berkahwin di bawah umur berkahwin tanpa meminta persetujuan daripada kanak-kanak tersebut kerana keputusan untuk berkahwin telah dibuat oleh ibu bapa mereka. Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berkahwin awal tunduk dan menurut perintah daripada suami mereka berkaitan dengan pengurusan di dalam rumahtangga mereka. Kanak- kanak yang berkahwin awal kurang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan bagi menguruskan hal berkaitan pengurusan rumahtangga berbanding dengan individu yang berkahwin selepas berumur 18 tahun. Kajian ini juga menunjukkan bahawa wilayah Amhara mengamalkan sistem patriarki apabila kanak-kanak perempuan berkahwin dengan lelaki yang mempunyai jarak yang jauh dengan umur mereka dan untuk membuat keputusan dalam pengurusan berkaitan rumahtangga perlu dibuat oleh suami mereka.

Kajian mengenai persimpangan normatif dalam hak harta wanita berkahwin di Selatan Nigeria (Diala dan Diala, 2020). Kajian ini dilakukan untuk memperkenalkan persimpangan normatif sebagai kerangka teori untuk memahami secara mendalam tentang bagaimana undang-undang dan sosioekonomi berinteraksi dalam suasana pasca kolonial. Persimpangan normatif dalam hak wanita berkahwin dalam kajian ini melihat kepada stratifikasi sosial seperti bangsa, kekayaan, jantina, umur, agama dan keupayaan wanita untuk mempunyai kuasa selepas berkahwin. Hasil kajian menunjukkan bahawa persimpangan normatif sangat berguna untuk menangani undang-undang tradisional Igbo mengenai harta sepencarian yang menganggap hak harta wanita yang sudah berkahwin seperti yang terkandung dalam hak suami mereka seperti contoh menganggap isteri sebagai sebahagian daripada harta suami. Di dalam kajian ini, persimpangan normatif

kebanyakkan berlaku dalam perceraian undang-undang adat kerana wanita yang ingin bercerai akan menuntut hadiah perkahwinan yang diterima daripada keluarga serta harta yang dibeli atas nama mereka sendiri sebelum berkahwin dengan suami. Di samping itu, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa wanita mempunyai kesukaran untuk menuntut harta mereka kerana selepas berkahwin, harta tersebut akan menjadi hak milik bersama dengan suami mereka.

Satu lagi kajian dilakukan oleh Masele dan Lakshmanan (2021) yang bertajuk 'Manifestasi kuasa dan marginaliti dalam amalan perkahwinan: Analisis kualitatif lagu Sukuma di Tanzania'. Kajian ini akan mengkaji tentang peranan lagu-lagu Sukuma dalam memanifestasikan kuasa dalam amalan perkahwinan. Menurut hasil kajian, kebanyakkan lagu perkahwinan Sukuma hanya dituju kepada pengantin perempuan sahaja yang menerangkan peranan serta perkara yang perlu dilakukan oleh pengantin perempuan untuk menempuhi kehidupan selepas berkahwin. Lagu perkahwinan Sukuma juga berlaku disebabkan oleh norma budaya dan adat dalam perkahwinan tradisional yang meminggirkan kaum wanita. Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa lagu perkahwinan Sukuma ini telah meningkatkan ketidaksamaan jantina yang membawa kepada subordinasi wanita dan kuasa lelaki ke atas wanita dalam masyarakat Sukuma seperti contoh, kaum wanita kurang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan kebebasan untuk membuat pilihan berbanding dengan kaum lelaki selepas berkahwin.

Perkahwinan kanak-kanak di Thailand merupakan suatu isu sosial yang masih kurang mendapat perhatian dalam bidang akademik walaupun mempunyai kesan yang signifikan terhadap kesejahteraan kanak-kanak khususnya kanak-kanak perempuan. Kajian yang dilakukan Taesilapasathit (2024) meneliti penentu utama amalan ini melalui kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan teori berasaskan landasan

konstruktivitis dalam kalangan komuniti Hmong di Utara dan komuniti Muslim di Selatan Thailand. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan perkahwinan kanak-kanak dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu sistem patriarki dan budaya tempatan yang memperkukuh kedudukan subordinat wanita, tabu terhadap hubungan seks pra-nikah dan kehamilan luar nikah yang mendorong perkahwinan awal sebagai usaha menjaga maruah keluarga serta penindasan antara generasi yang mengekalkan nilai tradisional secara turun-temurun. Walaupun terdapat persamaan dari segi faktor penentu, perbezaan utama terletak pada asas doktrinal di mana komuniti Muslim lebih berlandaskan ajaran agama. Hasil kajian ini juga menegaskan bahawa perkahwinan kanak-kanak merupakan fenomena berstruktur yang berakar dalam sistem sosial dan budaya, justeru usaha pencegahannya memerlukan pendekatan dasar yang kontekstual, peka terhadap budaya dan agama serta melihatkan penyertaan aktif komuniti setempat.

Thalib dan Latumaten (2025) telah membuat satu kajian bagi meneliti isu perkahwinan bawah umur di Indonesia melalui tiga kerangka perundangan utama iaitu Undang-Undang Adat, Syariah dan Undang-Undang Sivil. Walaupun statistik menunjukkan penurunan kadar perkahwinan bawah umur, amalan tersebut masih berterusan akibat faktor budaya, ekonomi serta ketidakjelasan dalam sistem perundangan. Hasil kajian mendapati bahawa Undang-Undang Adat memberikan penekanan terhadap tanda akil baligh sebagai ukuran kematangan sekaligus menghalalkan perkahwinan tanpa mengambil kira aspek kebajikan kanak-kanak. Dalam konteks Syariah klasik pula, perkahwinan bawah umur dibenarkan namun ianya tidak selaras dengan kriteria hak asasi manusia zaman moden.

2.5.2 Rumusan Sorotan Kajian Lepas di Luar Negara

Sorotan kajian lepas di peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa perkahwinan kanak-kanak merupakan isu global yang berkait rapat dengan faktor perundangan, budaya, adat, jantina dan sistem sosial. Walaupun beberapa negara mempunyai rangka undang-undang yang kukuh untuk menentang amalan ini, pelaksanaannya masih lemah dan perkahwinan bawah umur terus berlaku secara meluas. Dalam sesetengah komuniti, perkahwinan awal dianggap sebagai satu tradisi turun-temurun untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan, menjaga maruah dan memenuhi norma sosial. Faktor budaya dan sistem patriarki turut memainkan peranan besar dalam mengekalkan amalan ini dengan meletakkan wanita pada kedudukan subordinat dan menghadkan kuasa mereka dalam membuat keputusan selepas berkahwin. Dalam konteks adat dan norma masyarakat, usia muda sering dianggap sesuai untuk perkahwinan, manakala dalam kerangka perundangan, ketidakseragaman dan ruang pengecualian umur perkahwinan menyebabkan undang-undang kurang berkesan. Amalan ini juga memberi kesan besar terhadap pemerkasaan wanita, hak ke atas harta, peluang pendidikan, kebebasan peribadi dan kesejahteraan hidup. Sorotan kajian lepas di luar negara turut menekankan keperluan reformasi undang-undang yang lebih tegas, penyelarasan dasar, pendekatan pencegahan yang peka budaya dan agama serta penglibatan aktif komuniti bagi memastikan perlindungan hak kanak-kanak dan menghapuskan perkahwinan bawah umur secara menyeluruh.

2.5.3 Sorotan Kajian Lepas di Malaysia

Kajian perbandingan diantara enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dan Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 telah dibuat oleh Hassim et al. pada tahun 2020. Kajian ini bertujuan untuk menerangkan dan membuat perbandingan mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan

orang Islam dan kanak-kanak bukan Islam dalam kes perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah doktrinal dengan mengkaji dan menganalisis pelbagai instrumen undang-undang perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Pengkaji juga telah menggunakan penyelidikan perpustakaan untuk mencari jurnal-jurnal yang berkaitan dengan isu perkahwinan kanak-kanak. Hasil analisis mendapati bahawa mengikut undang- undang Syariah bagi kanak-kanak Islam, mereka dibenarkan untuk berkahwin pada umur 18 tahun bagi remaja lelaki dan 16 tahun bagi remaja perempuan. Selain itu, mereka juga dibenarkan berkahwin di bawah umur sekiranya mendapat kebenaran daripada ibu bapa dan Mahkamah Syariah. Bagi orang bukan Islam pula, had umur minimum untuk berkahwin berdasarkan Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 adalah 18 tahun ke atas. Bagi kanak-kanak bukan Islam yang ingin berkahwin, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa serta kelulusan daripada Ketua Menteri. Untuk negeri Sabah, Sarawak dan Orang Asli, mereka mempunyai mahkamah adat yang membenarkan anak negeri itu sendiri berkahwin mengikut perkahwinan adat kaum masing- masing. Perkahwinan kanak-kanak sekiranya mengikut perkahwinan adat, tiada had umur yang diberitahu untuk mereka berkahwin tetapi perlu meminta kebenaran daripada ibu bapa dan juga daripada ketua masyarakat.

Edward (2020) telah melakukan satu kajian untuk mentafsir semula Adat Iban bagi menjelaskan secara rasional dan kebijaksanaan adat-adat yang terdapat di dalam Adat Iban ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa Adat Iban ini berpotensi untuk terus kekal dalam kehidupan seharian kaum Iban dengan mengikuti peraturan yang terdapat di dalam adat ini. Dalam Adat Iban, pasangan suami isteri yang melahirkan anak serta cucu yang ramai dianggap sebagai sebuah perkahwinan dan keluarga yang berjaya di

dalam kehidupan. Majlis perkahwinan bagi kaum Iban mengikut adat tidak boleh dirahsiakan tetapi perlu diumumkan kepada semua orang untuk menjadikan perkahwinan tersebut adalah sah dan semua tetamu yang hadir ke majlis perkahwinan merupakan saksi kepada perkahwinan pasangan yang berkahwin pada hari tersebut. Di samping itu, kajian ini juga ada menjelaskan beberapa perkara lain yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian mengikut Adat Iban iaitu seperti tempat tinggal kekal untuk pasangan selepas berkahwin, halangan perkahwinan yang perlu dipatuhi, hak penjagaan anak selepas perceraian, hak pembahagian harta semasa perkahwinan dan selepas perceraian, pembayaran untuk perbelanjaan anak selepas perceraian dan juga hak yang diperolehi sekiranya salah seorang pasangan meninggal dunia. Oleh yang demikian, adat amat penting bagi kaum Iban kerana ianya melambangkan identiti sebagai orang Iban dan adat ini dibuat khas untuk kaum Iban dan penggunaan Adat Iban perlu diteruskan oleh masyarakat Iban walaupun sudah berada pada zaman moden.

Malayandi dan Ismail (2021) telah melakukan satu kajian yang berkaitan dengan pencegahan untuk amalan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia bagi melindungi hak kanak-kanak. Perkahwinan bawah umur telah banyak melanggar hak kanak-kanak terutama sekali hak untuk mendapatkan pendidikan dan juga kebebasan daripada keganasan. Kajian ini dijalankan untuk membuat penilaian terhadap undang-undang kerajaan Malaysia bagi melindungi kanak-kanak daripada terlibat dengan perkahwinan bawah umur dan adakah undang-undang tersebut memadai untuk mencegah perkahwinan bawah umur. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia perlu untuk meminda undang-undang atau akta bagi memastikan kanak-kanak di Malaysia dapat dilindungi daripada terlibat dengan perkahwinan bawah umur. Antara cadangan yang diberikan di dalam kajian ini bagi mencegah perkahwinan bawah umur adalah, membuat

pembaharuan dalam sistem perundangan seperti menetapkan had umur minimum untuk berkahwin adalah 18 tahun untuk kesemua undang-undang perkahwinan yang terdapat di Malaysia. Selain itu, kerajaan Malaysia perlu mewajibkan semua kanak-kanak di Malaysia untuk diberikan pendidikan kerana ianya penting untuk membantu kanak-kanak di masa hadapan untuk meneruskan kehidupan sepanjang hayat.

Saimon et al. (2021) telah membuat satu kajian berkaitan dengan prevalens dan faktor yang mempengaruhi amalan perkahwinan bawah umur dalam kalangan orang asal luar bandar di Sibu, Sarawak. Seramai 244 responden telah dipilih menggunakan teknik persampelan berperingkat bersama responden yang berumur di antara 13 hingga 50 tahun. Data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21. Hasil kajian mendapati majoriti daripada responden menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur boleh melindungi gadis-gadis daripada terlibat dengan hubungan seks luar nikah yang boleh menimbulkan risiko hamil luar nikah. Selain daripada itu, kajian tersebut menunjukkan bahawa 82% daripada responden memilih untuk berhenti daripada sekolah disebabkan berkahwin di bawah umur. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa 83.2% daripada responden tidak mengetahui had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat manakala seramai 91% daripada responden menyatakan bahawa mereka salah faham tentang had umur yang ditetapkan untuk berkahwin di bawah perkahwinan sivil.

Pada tahun 2007, Thambapillay telah menjalankan satu kajian berkaitan dengan dilema tentang pendaftaran perkahwinan adat untuk orang bukan Islam di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang kedudukan perkahwinan adat sebelum dan selepas penguatkuasaan Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) Akta 164 khususnya tafsiran mahkamah terhadap Seksyen 34. Hasil kajian ini

menunjukkan bahawa, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan selepas daripada tarikh 1 Mac 1982, perkahwinan adat yang tidak didaftarkan tidak diiktiraf dalam undang-undang. Terdapat satu kajian kes yang dinyatakan di dalam kajian ini iaitu satu pasangan yang berkahwin dengan menggunakan perkahwinan adat Hindu dan didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat Hindu tetapi perkahwinan tersebut tidak didaftarkan di dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) Akta 164. Namun begitu, menurut kajian ini yang berdasarkan seksyen 34, perkahwinan adat yang diakadnikahkan dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Hindu, perkahwinan di antara pasangan tersebut adalah sah di sisi Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) Akta 164. Walau bagaimanapun, Seksyen 34 yang menerangkan tentang kesan undang-undang pendaftaran telah menyebabkan kecelaruan terhadap perkahwinan adat selepas tarikh yang tidak didaftarkan.

Artikel yang bertajuk Ringkasan Advokasi: Ke Arah Mengakhiri Perkahwinan Kanak-Kanak di Malaysia (Unicef Malaysia, 2022) membincangkan isu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia sebagai satu bentuk pelanggaran hak asasi kanak-kanak dan halangan terhadap pembangunan negara. Ia menekankan bahawa walaupun undang-undang Malaysia membenarkan perkahwinan bawah umur dengan kebenaran tertentu, amalan ini turut memberi kesan buruk terhadap kesihatan fizikal dan mental, pendidikan serta masa depan kanak-kanak terutama sekali kanak-kanak perempuan. Faktor utama yang menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak termasuk kemiskinan, norma sosial, budaya serta jurang dalam skop undang-undang. Artikel ini juga menggariskan keperluan reformasi menyeluruh seperti menaikkan umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun tanpa pengecualian, memperkukuh sistem pendidikan, memperluas akses kesihatan reproduktif dan meningkatkan kesedaran masyarakat.

2.5.4 Rumusan Sorotan Kajian Lepas di Malaysia

Sorotan kajian lepas di Malaysia menunjukkan bahawa isu perkahwinan kanak-kanak merupakan satu masalah yang kompleks yang melibatkan pelbagai faktor utama seperti undang-undang, adat, budaya, sosioekonomi dan hak kanak-kanak. Dari sudut perundangan, walaupun had umur minimum perkahwinan telah ditetapkan, kebenaran khas daripada mahkamah, ibu bapa atau pihak berkuasa tertentu membolehkan perkahwinan bawah umur diteruskan bagi masyarakat Islam, bukan Islam serta komuniti adat. Dalam konteks adat dan budaya pula, amalan perkahwinan awal masih diterima sebagai sebahagian daripada identiti dan tradisi masyarakat tertentu, termasuk dalam kalangan masyarakat di Sabah dan Sarawak. Faktor sosioekonomi seperti kemiskinan, perlindungan sosial, norma budaya serta kurangnya kesedaran undang-undang turut menyumbang kepada berlakunya perkahwinan awal, terutama dalam komuniti luar bandar. Amalan ini membawa kesan negatif yang ketara terhadap kanak-kanak, termasuk kehilangan peluang pendidikan, kesukaran ekonomi, masalah kesihatan mental dan fizikal, serta ketidaksediaan mengurus tanggungjawab rumah tangga. Walaupun ada segelintir masyarakat melihatnya sebagai cara menjaga maruah dan memelihara adat, secara keseluruhan ia memberi lebih banyak implikasi buruk kepada pembangunan kanak-kanak dan masyarakat. Justeru, kajian lepas menegaskan keperluan untuk melakukan reformasi undang-undang secara menyeluruh, meningkatkan akses pendidikan, memperkukuh kesedaran masyarakat serta melakukan perubahan sosial dan budaya bagi menghapuskan perkahwinan kanak-kanak dan melindungi hak serta masa depan mereka.

2.6 Teori Sistem Ekologikal



Rajah 2.1: Sistem Ekologikal Brofrenner

Teori sistem ekologikal telah diperkenalkan oleh Urie Bronfrenner yang merupakan seorang ahli psikologi Amerika bagi membincangkan bagaimana persekitaran sosial mempengaruhi pembangunan kanak-kanak dalam menghadapi perkara yang berada di sekeliling mereka (Evans, 2024). Terdapat lima sistem yang diperkenalkan oleh Urie Bronfrenner antaranya adalah mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Mikrosistem adalah lapisan sistem yang paling dekat dengan pembangunan kanak-kanak dimana ianya yang menghubungkan kanak-kanak terus kepada perkara di sekeliling mereka. Antara persekitaran sosial yang mempunyai hubungan rapat dengan kanak-kanak adalah keluarga, sekolah, jiran tetangga dan juga persekitaran pusat jagaan kanak-kanak.

Lapisan sistem kedua yang dekat dengan kanak-kanak adalah sistem mesosistem. Lapisan mesosistem adalah hubungan di antara dua mikrosistem seperti contoh hubungan interaksi di antara ibu bapa dengan sekolah, ibu bapa dengan jiran, ibu bapa dengan pusat jagaan anak-anak yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Antara contoh hubungan interaksi yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak adalah penglibatan ibu bapa dalam memberi sokongan moral kepada anak-anak mereka untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan menerusi aktiviti tersebut nescaya akan membantu membentuk tingkah laku yang baik dalam diri kanak-kanak. Lapisan sistem yang ketiga adalah eksosistem yang tidak melibatkan kanak-kanak tetapi mempunyai pengaruh terhadap kanak-kanak. Seperti contoh, peraturan ketat di tempat ibu bapa bekerja sehingga kurang menumpukan perhatian terhadap anak-anak dan memberi impak terhadap perkembangan kanak-kanak.

Makrosistem merupakan lapisan sistem yang keempat di dalam teori sistem ekologikal. Lapisan sistem ini dipengaruhi oleh elemen sosiobudaya dan kedudukan sosioekonomi dalam membantu perkembangan kanak-kanak. Elemen sosiobudaya seperti jantina, etnik, adat resam, norma dan amalan masyarakat mampu untuk mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Lapisan terakhir yang paling jauh dari kanak-kanak adalah kronosistem. Lapisan sistem ini terjadi daripada keadaan peristiwa yang melibatkan perkembangan kanak-kanak seperti contoh, kehadiran anak baru di dalam keluarga dapat memberi impak kepada perkembangan kanak-kanak dari sudut positif dan negatif. Contoh dari sudut positif, kehadiran anak baru di dalam keluarga mampu untuk membentuk kanak- kanak untuk menjadi seorang kakak atau abang yang baik untuk adik dan dari sudut negatif, kanak-kanak akan merasa cemburu terhadap kehadiran anak baru di dalam keluarga.

Di dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih lapisan sistem yang keempat iaitu makrosistem. Hal ini demikian kerana perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat dapat dikaitkan dengan elemen sosiobudaya adat resam. Kajian ini dapat dikaitkan dengan sistem lapisan makrosistem kerana kajian ini dijalankan untuk meneroka isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Selain itu, kajian ini akan menerangkan bagaimana undang-undang perkahwinan adat yang dibuat berdasarkan adat resam mengikut kaum masing-masing di Sarawak sehingga mempengaruhi perkahwinan bawah umur berlaku bagi perempuan yang tinggal di kawasan pedalaman. Melalui lapisan sistem makrosistem, kajian ini akan menerangkan perkaitan di antara perkahwinan bawah umur dan undang-undang perkahwinan adat daripada aspek hak dan keistimewaan yang diperolehi individu yang berkahwin di bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Di samping itu, melalui lapisan sistem makrosistem ini juga dapat membantu kajian ini untuk memperkenalkan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak dengan meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak terutama sekali terhadap individu yang berkahwin di bawah umur dan menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Justeru itu, lapisan sistem makrosistem dipilih oleh pengkaji kerana ianya melibatkan adat yang membenarkan perkahwinan bawah umur berlaku dalam kalangan individu dan didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Di samping itu, lapisan mikrosistem dan lapisan mesosistem ini juga dapat digunakan di dalam kajian ini kerana ianya melibatkan ibu bapa dengan kanak-kanak yang berada di bawah umur 18 tahun bagi persetujuan untuk berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat.

2.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, perkahwinan bawah umur tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja malahan ia turut berlaku di seluruh pelosok dunia. Di peringkat global, perkahwinan kanak- kanak atau perkahwinan bawah umur sering berlaku di negara yang mempunyai masalah kemiskinan dan kemunduran. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa perkahwinan mengikut adat juga turut berlaku di luar negara dan di dalam Malaysia serta mempunyai kesan yang baik mahupun buruk. Selain itu, undang-undang perkahwinan adat yang terdapat di seluruh negara juga mempunyai perbezaan mengikut adat kaum masing- masing. Di samping itu, perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat didapati turut memberi kesan kepada kanak-kanak yang berkahwin di bawah umur 18 tahun seperti kehilangan hak untuk mendapatkan pendidikan serta hak bebas untuk membuat keputusan sebelum dan selepas berkahwin.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Objektif bagi bab ini adalah untuk memberi penjelasan secara lebih lanjut tentang kerja penyelidikan, pengumpulan data dan menganalisis data bagi mendapatkan lebih banyak maklumat yang tepat berkaitan dengan kajian yang bertajuk "Meneroka Isu Perkahwinan Bawah Umur dari Perspektif Undang-Undang Perkahwinan Adat di Sarawak". Di dalam bab ini, perkara yang akan diterangkan secara terperinci adalah reka bentuk kajian, populasi dan persampelan kajian, lokasi kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur pengumpulan data, kaedah analisis data, isu kebolehpercayaan dan pertimbangan etika.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan aset penting untuk menjayakan sesuatu kajian bagi memperoleh maklumat yang boleh menjawab persoalan objektif kajian. Kajian ini telah dijalankan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologikal. Kajian fenomenologikal ini adalah sebuah reka bentuk kajian yang memberi fokus kepada kajian untuk memahami pengalaman kehidupan daripada perspektif seseorang individu yang berkaitan dengan topik kajian (McLeod, 2024). Pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan fenomenologikal kerana ia memberi tumpuan kepada pengalaman subjektif individu yang terlibat secara langsung dalam fenomena tersebut iaitu perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Melalui pendekatann ini, pengkaji boleh mendalami bagaimana informan mengalami dan memahami perkahwinan bawah

umur. Selain itu, pendekatan kajian fenomenologikal ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ianya melibatkan isu sensitif dan bersifat peribadi seperti perkahwinan bawah umur.

3.2.1 Kedudukan Pengkaji

Sebagai seorang pengkaji wanita yang berlatarbelakangkan kerja sosial, pengkaji memiliki minat yang mendalam terhadap isu-isu sosial yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan individu dan komuniti termasuk isu perkahwinan bawah umur. Latar belakang akademik pengkaji telah memberi pendedahan kepada pelbagai teori, prinsip dan nilai kerja sosial seperti keadilan sosial, hak asasi manusia dan advokasi terhadap golongan lemah yang secara tidak langsung mempengaruhi kefahaman dan keprihatinan pengkaji terhadap isu ini. Namun begitu, pengkaji menyedari kedudukan dalam kajian kualitatif yang memerlukan tahap kepekaan dan kesedaran kendiri yang tinggi terhadap potensi bias peribadi.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji tidak mempunyai hubungan peribadi dengan mana-mana informan yang pernah terlibat dalam perkahwinan bawah umur. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan pendekatan fenomenologikal untuk menyelami dan memahami pengalaman sebenar informan dengan memberi keutamaan kepada perspektif dan makna yang mereka berikan sendiri terhadap fenomena tersebut. Sebagai pengkaji dalam bidang kerja sosial, pengkaji meletakkan diri sebagai bukan penilai, tetapi sebagai pendengar dan pemerhati yang menghormati pengalaman serta naratif hidup informan kajian ini. Pengkaji percaya bahawa pendekatan ini selaras dengan etika kerja sosial yang menekankan nilai hormat terhadap martabat individu serta komitmen terhadap keadilan sosial terutamanya apabila melibatkan golongan yang terkesan oleh amalan budaya yang kompleks seperti perkahwinan bawah umur dalam konteks adat.

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian

3.3.1 Pemilihan Populasi Kajian

Menurut Kumar (2024), populasi adalah merujuk kepada keseluruhan item yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu sama ada sekumpulan individu, benda atau organisasi dimana populasi ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan data di dalam kajiannya. Di samping itu, Bhattacherjee (2012) juga memberi pendapat bahawa populasi adalah sejumlah orang dengan ciri-ciri sekumpulan individu yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan yang ingin dikaji oleh pengkaji. Pemilihan populasi di dalam kajian ini adalah berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Di dalam konteks kajian ini, populasi kajian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori pertama adalah semua remaja di bawah umur 18 tahun di negeri Sarawak yang telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak dan kategori kedua adalah semua tuai rumah dan penghulu kampung di negeri Sarawak yang pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

3.3.2 Pemilihan Sampel Kajian

Menurut Cherry (2019), sampel boleh ditakrifkan sebagai sebahagian daripada populasi yang digunakan dalam kajian untuk mewakili bilangan keseluruhan kumpulan. Dworkin (2012) juga turut memberikan pendapat tentang sampel kajian iaitu saiz sampel untuk kajian kualitatif selalunya kecil berbanding dengan kajian kuantitatif terutama sekali apabila kajian kualitatif menggunakan kaedah temu bual secara mendalam di mana pengkaji perlu meneroka dan mengupas dengan lebih mendalam terhadap isu yang diketengahkan di dalam sesuatu kajian. Bagi mencari informan kajian ini, pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan kerana pemilihan informan bagi kajian ini adalah

berdasarkan kepada kriteria tertentu yang bersifat spesifik. Secara amnya, sampel kajian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu remaja yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban dan kategori tuai rumah dan penghulu kampung yang pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Seramai sepuluh orang yang terdiri daripada enam orang individu yang telah berkahwin dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dan empat orang tuai rumah dan penghulu kampung telah dipilih untuk dijadikan sebagai informan dalam kajian ini. Berdasarkan Bernard (2013) dipetik dalam Bekele dan Ago (2022), jumlah sepuluh sehingga dua puluh responden sudah mencukupi untuk memahami data di dalam isu kajian yang melibatkan pengalaman hidup seperti di dalam konteks kajian ini iaitu isu perkahwinan bawah umur yang berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Di dalam konteks kajian ini, pengkaji telah mencari penghulu kampung di setiap lokasi kajian dan meminta mereka untuk membantu pengkaji mencari responden yang memenuhi kriteria yang diperlukan di dalam kajian ini. Antara kriteria-kriteria yang diperlukan untuk menjadi informan dalam kajian ini bagi kategori individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban adalah;

(i) Remaja perempuan yang sudah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun
(ii) Berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban
(iii) Berasal serta menetap di Sarikei dan Sibu
(iv) Berbangsa Iban

Untuk mengukuhkan maklumat yang ingin dicari oleh pengkaji, pengkaji juga akan menggunakan khidmat informan dari kategori tuai rumah dan penghulu kampung. Informan kategori ini dipilih berdasarkan keterlibatan serta pengalaman mereka terhadap pengurusan individu yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Antara kriteria-kriteria yang diperlukan untuk menjadi informan bagi kategori tuai rumah dan penghulu kampung adalah;

(i) Pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban

(ii) Berasal serta menetap di Sarikei dan Sibu

(iii) Berbangsa Iban

3.4 Lokasi Kajian

Sarawak merupakan sebuah negeri terbesar di Malaysia dengan mempunyai keluasan sebesar 124,449.51 kilometer persegi. Negeri Sarawak terletak di Pulau Borneo bersama- sama dengan negeri Sabah dan negara Brunei Darussalam (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak, 2022). Negeri Sarawak yang terletak di Pulau Borneo terpisah dengan Semenanjung Malaysia dengan jarak 600 km Laut Cina Selatan. Sarawak mempunyai 11 bahagian pentadbiran antaranya adalah Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang (eBuana Portal Gerbang Borneo, 2025). Pada tahun 2020, jumlah populasi penduduk Sarawak telah meningkat daripada 2,471,140 pada tahun 2010 kepada 2,907,500 (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak, 2022). Rajah 3.1 merujuk kepada peta negeri Sarawak.

Rajah 3.1: Peta Negeri Sarawak
Sumber: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak (2022)

Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Majlis Adat Istiadat Sarawak, bahagian Sri Aman (177 kes) merupakan bahagian di dalam Sarawak yang mempunyai jumlah paling tinggi remaja-remaja yang berkahwin di bawah umur menggunakan undang- undang perkahwinan adat di Sarawak dari tahun 2018 sehingga Jun 2021 dan diikuti oleh bahagian Sarikei (91 kes) seterusnya bahagian Sibu (80 kes) (Laporan Tahunan Majlis Adat Istiadat Sarawak, 2021). Justeru itu, bahagian Sri Aman, Sarikei dan Sibu telah dipilih oleh pengkaji sebagai lokasi kajian. Namun begitu, kajian ini tidak dapat dilakukan di bahagian Sri Aman walaupun bahagian ini mempunyai jumlah tertinggi remaja yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Hal ini demikian kerana, pengkaji telah melakukan lawatan untuk mengunjungi pejabat penghulu di Sri Aman dan telah berjumpa dengan beberapa penghulu kampung dan mereka belum pernah menguruskan remaja yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban disebabkan penukaran penghulu yang baharu. Pengkaji juga telah mencuba untuk

berhubung dengan penghulu yang telah bersara namun kurang memberikan respon untuk memberikan kerjasama kerana isu ini adalah isu yang sulit untuk dikongsikan. Justeru itu, pengkaji akan memilih lokasi kajian di bahagian Sarikei dan bahagian Sibu sahaja. Jadual 3.1 merujuk kepada statistik perkahwinan bawah umur yang menggunakan undang-undang perkahwinan adat dalam kalangan remaja perempuan di Sarawak mengikut bahagian dari tahun 2018 sehingga Jun 2021.

Jadual 3.1: Statistik Perkahwinan Bawah Umur Mengikut Bahagian

Bil.	**Bahagian**	**Tahun**				**Jumlah**
		2018	**2019**	**2020**	**Jun 2021**	
1.	Kuching	17	19	12	6	54
2.	Sri Aman	27	114	27	9	177
3.	Sibu	23	27	27	3	80
4.	Miri	17	23	26	6	72
5.	Limbang	8	7	8	0	23
6.	Sarikei	33	30	23	5	91
7.	Kapit	5	2	2	1	10
8.	Bintulu	22	31	16	8	77
9.	Samarahan	7	25	9	3	44
10.	Mukah	10	10	11	0	31
11.	Betong	31	20	13	1	65
12.	Serian	5	21	14	4	44

Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak (2021)

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

3.5.1 Proses Temu Bual Secara Mendalam

Pengkaji telah melakukan temu bual mendalam secara bersemuka bersama dengan setiap informan. Bagi mengendalikan sesi temu bual mendalam, pengkaji telah menerangkan jalan proses yang perlu dilakukan sepanjang mencari informan dan semasa proses temu bual dijalankan. Pengkaji telah mengikut lima langkah utama semasa proses temu bual dijalankan sepertimana yang dicadangkan oleh Ahmad et al. (2014). Langkah pertama adalah pengkaji telah mencari dan berkenalan dengan informan. Selepas mencari informan, pengkaji telah menetapkan tempat, tarikh dan masa mengikut waktu lapang para informan. Langkah kedua adalah pengkaji telah memberi penerangan kepada informan untuk memberi kerjasama semasa sesi temu bual. Semasa sesi temu bual sedang berlangsung, pengkaji kekal fokus dengan topik yang dibincangkan bersama dengan informan serta memberi sokongan dan galakan kepada mereka untuk bercakap dengan lebih banyak tentang perkara yang berkaitan dengan soalan yang ditanya oleh pengkaji.

Seterusnya adalah langkah ketiga dimana pengkaji cuba memahami maklumat yang diberikan oleh informan dengan bersikap sentiasa peka dengan segala jawapan yang diberikan oleh informan. Pengkaji juga telah menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami oleh informan agar boleh menjawab soalan yang ditanya dengan lancar. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menggunakan Bahasa Iban untuk berkomunikasi dengan informan kajian. Langkah keempat pula adalah pengkaji sentiasa peka dan melakukan pemerhatian tentang kualiti jawapan yang diberikan oleh para informan semasa sesi temu bual. Sebagai seorang pengkaji, kualiti jawapan yang diberikan oleh para informan perlu dipantau bagi mendapatkan informasi atau maklumat yang lebih baik daripada mereka. Akhir sekali adalah pengkaji telah mengekalkan emosi yang baik

sepanjang sesi temu bual berlangsung supaya ianya tidak memberi kesan kepada para informan untuk bercakap dan berkongsi pendapat serta idea mereka dengan lebih selesa.

3.5.2 Garis Panduan Soalan Temu Bual

Bagi memastikan sesi temu bual berjalan dengan lancar, pengkaji telah membuat satu garis panduan soalan temu bual yang digunakan semasa sesi temu bual. Sebagai panduan untuk temu bual, pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian terdahulu untuk mencari topik yang akan menjadi perbualan di antara pengkaji dan informan yang berkaitan dengan isu di dalam kajian ini. Garis panduan soalan temu bual ini telah digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini bagi menjawab objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Menurut Jasmi (2012), pengkaji perlu meletakkan segala kemungkinan jawapan yang diperoleh daripada kajian-kajian terdahulu. Garis panduan soalan temu bual juga diharapkan bagi memastikan bahawa soalan yang ditanya dan jawapan yang diberikan oleh informan adalah berkaitan dengan isu kajian ini supaya objektif kajian ini terjawab. Selain itu, dengan adanya garis panduan soalan semasa sesi temu bual, ianya telah membantu pengkaji untuk tidak terputus idea untuk menanyakan soalan dan membincangkannya dengan informan semasa sesi temu bual.

Temu bual secara mendalam separuh berstruktur digunakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini. Temu bual telah dilakukan secara bersemuka kerana menurut Ahmad et al. (2014), temu bual secara bersemuka penting bagi memahami dengan lebih baik dan mendalam mengenai situasi yang kompleks di dalam sesuatu kajian. Soalan terbuka ditanya semasa sesi temu bual bersemuka kerana melalui soalan terbuka ini, informan diberikan peluang untuk memberikan jawapan mereka tanpa sebarang limitasi dan ianya dapat membantu pengkaji untuk mengumpul

maklumat yang lebih terperinci mengenai isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat.

Temu bual ini menggunakan beberapa set soalan yang telah disediakan oleh pengkaji sebagai garis panduan untuk menjalankan sesi temubual bersama informan. Empat bahagian soalan temubual bagi kajian ini terdiri daripada:

- **Bahagian A**: Bahagian ini adalah berkaitan dengan demografi informan iaitu jantina, umur, tahap pendidikan, lokasi kajian, pekerjaan, umur semasa berkahwin, usia perkahwinan dan jumlah anak.
- **Bahagian B**: Bahagian ini adalah garis panduan soalan temu bual bersama informan berdasarkan objektif pertama kajian ini iaitu meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Dalam bahagian ini, maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini akan diperolehi daripada individu yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun dan berkahwin menggunakan undang-undang adat Iban. Antara aspek utama yang diberi penekanan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan prosedur, pengetahuan informan tentang undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak serta pengalaman informan dalam menguruskan perkahwinan di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban.
- **Bahagian C**: Bahagian ini adalah garis panduan soalan temu bual bersama informan bagi menepati objektif kedua kajian iaitu mengenalpasti hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Antara aspek utama yang diberi penekanan dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan hak dan

keistimewaan yang diberi kepada individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dan seterusnya prosedur yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan hak dan keistimewaan tersebut.

- **Bahagian D**: Bahagian ini adalah garis panduan soalan temu bual bersama informan untuk memenuhi syarat objektif kajian ini iaitu mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian melalui pendapat tuai rumah dan penghulu kampung bagi individu yang berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Bahagian ini akan bertanyakan soalan kepada tuai rumah dan penghulu kampung tentang pendapat serta cadangan mereka untuk membantu agensi-agensi di luar memantapkan serta menambahbaik sesuatu perkara yang dapat membantu individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban bagi menempuhi cabaran kehidupan pada masa akan datang.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Rajah 3.2 di bawah menunjukkan prosedur pengumpulan data yang telah dilakukan sepanjang proses untuk mendapatkan data di dalam kajian ini.

Rajah 3.2: Ringkasan Prosedur Pengumpulan Data



Berdasarkan Rajah 3.2, pengkaji telah menghantar cadangan proposal kepada

penyelia dan Pusat Pengajian Siswazah sebelum memulakan kajian. Setelah proposal kajian diluluskan oleh kedua-dua pihak, pengkaji telah membuat surat untuk tujuan memohon statistik perkahwinan bawah umur daripada agensi kerajaan iaitu Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak. Selepas itu, setelah lulus dalam pembentangan pembelaan proposal, pengkaji telah meminta surat kelulusan daripada Pusat Pengajian Siswazah untuk membuat kajian. Untuk langkah yang seterusnya, pengkaji telah menyiapkan garis panduan soalan temu bual yang digunakan sebagai panduan untuk ditanya kepada informan pada sesi temu bual. Seterusnya, pengkaji telah menghantar satu borang permohonan etika kepada Jawatankuasa Etika untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak mereka sebelum mengumpul data. Langkah seterusnya, pengkaji telah menghubungi penghulu kampung di lokasi kajian dan berurusan dengan mereka bagi mendapatkan informasi berkaitan dengan informan.

Tuai rumah dan penghulu kampung yang telah dihubungi oleh pengkaji juga dijadikan sebagai informan yang akan membantu pengkaji untuk menjawab objektif ketiga dalam kajian ini. Pengkaji telah menghubungi mereka untuk berbincang mengenai kajian yang akan dilakukan di kawasan kajian tersebut. Pengkaji selepas itu pergi ke lokasi kajian untuk melakukan pemerhatian dan berjumpa dengan tuai rumah dan penghulu kampung dan menerangkan tujuan kajian dilakukan di sana. Pengkaji juga telah mencari informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang- undang perkahwinan adat Iban dengan bantuan serta rujukan daripada tuai rumah dan penghulu kampung. Semasa berjumpa dengan calon informan, pengkaji telah menerangkan kenapa mereka dipilih untuk dijadikan informan di dalam kajian ini dan pengkaji turut menjelaskan sedikit sebanyak mengenai objektif kajian ini dan bertanya sama ada mereka bersetuju untuk menjadi informan kajian ini. Selepas itu,

pengkaji telah melakukan sesi temu bual bersama informan. Sebelum memulakan temu bual, pengkaji telah menerangkan sekali lagi tujuan kajian ini dilakukan dan sekiranya mereka bersetuju, informan akan diberikan borang persetujuan untuk ditandatangani sebelum memulakan sesi temu bual. Masa untuk sesi temu bual bersama setiap informan adalah selama 30 minit sehingga ke 45 minit. Semasa sesi temu bual dijalankan, pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap bahasa badan yang ditunjukkan oleh informan semasa bercakap.

Bagi menghormati hak informan, pengkaji juga ada meminta kebenaran daripada informan bagi merakamkan sesi temubual. Pengkaji juga telah menjelaskan kepada informan bahawa tiada sebarang paksaan bagi mereka untuk menyertai kajian ini. Apabila informan dengan rela hatinya bersetuju untuk menjadi informan, mereka akan diberikan borang persetujuan untuk ditandatangani sebagai tanda setuju untuk terlibat dengan kajian ini. Kebenaran daripada informan untuk menggunakan maklumat yang diberikan oleh mereka amat penting bagi menjaga kerahsiaan informan yang terlibat di dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji juga telah mengamalkan etika ketanpanamaan semasa menjalankan kajian bagi melindungi identiti informan. Pengkaji telah berjanji kepada informan bahawa nama sebenar mereka tidak akan didedahkan di dalam penulisan kajian ini sebaliknya pengkaji akan menggantikan nama mereka dengan terma Informan A, Informan B dan seterusnya.

3.7 Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi daripada informan telah dianalisis secara terperinci oleh pengkaji. Maklumat yang diberikan oleh informan di dalam kajian ini penting kerana ianya membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

3.7.1 Peringkat Pengumpulan Data

Langkah pertama adalah proses pengumpulan maklumat daripada kesemua informan di dalam kajian ini melalui temu bual dan kebenaran telah diminta terlebih dahulu untuk merakam audio semasa temu bual berlangsung. Semasa sesi temu bual berlangsung, pengkaji telah merakam perbualan mereka menggunakan perakam audio telefon pintar dan mencatat maklumat-maklumat penting di dalam buku catatan. Selepas habis setiap temu bual bersama informan, pengkaji telah menyimpan rakaman suara tersebut di dalam telefon pintar dan menamakan fail rakaman tersebut bagi memudahkan langkah yang seterusnya.

3.7.2 Peringkat Transkripsi

Di peringkat ini, perkara yang telah dilakukan oleh pengkaji adalah memindahkan data daripada perakam suara dan nota catatan dalam bentuk transkripsi. Proses transkripsi merupakan langkah yang sukar untuk dilakukan oleh pengkaji kerana ianya memerlukan konsentrasi yang sepenuhnya terhadap data yang akan dipindahkan dalam bentuk transkripsi. Pengkaji perlu mengulang untuk mendengar rakaman suara informan secara berulangan untuk memastikan data yang akan ditranskrip seratus peratus sama dengan data yang ada di dalam alat perakam suara. Selain itu, pengkaji juga telah memberikan sepenuhnya perhatian untuk mendengar suara-suara informan kerana perkataan seperti “aaa”, “emm” atau ketawa “hahaha” juga telah ditranskripkan.

3.7.3 Peringkat Mengenalpasti Tema

Dalam peringkat ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik bagi menganalisis data. Analisis tematik memfokuskan tema yang dapat dikenal pasti daripada hasil temu bual yang dijalankan. Untuk proses pengkategorian tema dan sub-tema, langkah pertama yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan membaca transkrip

berulang kali. Selepas itu, pengkaji telah membuat pengekodan terhadap maklumat yang telah ditranskripkan. Pengekodan ini penting kerana ianya telah membantu pengkaji untuk mencari jawapan kepada objektif kajian. Hasil daripada pengekodan maklumat, pengkaji telah menggabungkan kod-kod yang berkaitan dan telah membina satu tema untuk kumpulan kod-kod yang berkaitan. Berdasarkan hasil penggabungan kod-kod yang berkaitan, pengkaji telah menemukan empat tema seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 3.2: Tema dan Sub-tema

Bil.	**Tema**	**Sub-tema**
1.	Pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.	1. Pemahaman terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. 2. Prosedur perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. 3. Pemahaman terhadap had umur untuk berkahwin.
2.	Hak dan keistimewaan yang diperolehi individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.	1. Pengetahuan terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. 2. Pandangan terhadap perkahwinan yang menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban.
3.	Pengetahuan serta pengalaman tuai rumah dan penghulu kampung terhadap undang-	1. Pemahaman tentang konsep perkahwinan bawah umur. 2. Pemahaman tentang undang-undang

	undang perkahwinan adat Iban.	perkahwinan adat Iban. 3. Pengalaman mengendalikan perkahwinan bawah umur. 4. Prosedur dan had umur berkahwin muda. 5. Hak dan keistimewaan.
4.	Strategi pemantauan individu yang telah berkahwin di bawah umur.	1. Pemantauan berkala. 2. Pengendalian kursus pra-perkahwinan. 3. Kerelevanan undang-undang perkahwinan adat Iban.

3.7.4 Peringkat Strategi Analisis Data

Hasil temu bual yang telah dirakam telah dipindahkan dalam bentuk transkrip yang lengkap. Perbualan di antara pengkaji dan informan telah dirakam dengan menggunakan perakam dari telefon pintar pengkaji. Transkrip tersebut kemudianya dianalisis secara manual dan dipindahkan dalam bentuk transkrip. Selepas itu, pengkaji mengenalpasti tema dan sub-tema dengan melakukan pengekodan di dalam transkrip, pengkaji telah mula untuk menganalisis data. Dengan adanya tema dan sub-tema, pengkaji boleh menganalisis data dengan mudah sehingga kesemua maklumat yang diberikan oleh informan yang telah ditranskripkan boleh dibahagikan mengikut tema dan sub-tema yang telah ditetapkan sehingga tahap tepu dicapai.

3.8 Isu Kebolehpercayaan

Proses pengumpulan dan penganalisaan data dalam kajian kualitatif hendaklah menunjukkan bukti kebolehpercayaan termasuk kredibiliti, kebolehgunaan (*transferability*), kebolehpercayaan (*dependability*), dan pengesahan (*confirmability*).

3.8.1 Kredibiliti

Kredibiliti adalah penting bagi pembaca tesis ini untuk yakin dengan keputusan dan cara kajian ini dijalankan. Untuk memastikan kredibiliti tercapai di dalam kajian ini, pengkaji telah memastikan bahawa data yang dikumpulkan ditafsir secara objektif. Semua sesi temububual bersama dengan informan telah dirakam dan ditranskripsikan. Dengan menggunakan pendekatan ini pengkaji dapat mengelakkan andaian, salah tafsir, dan bias peribadi terhadap cerita mereka. Pengkaji juga telah berkongsi dengan penyelia untuk menyemak draf transkripsi bagi memberikan pandangan berdasarkan kepada kepakaran mereka tentang kandungan dan kredibiliti data yang telah dikumpulkan.

3.8.2 Kebolehgunaan (*Transferability*)

Pengkaji bertanggungjawab agar data kajian dibentangkan dengan cara yang membolehkan pembaca mengaitkan hasil kajian ini dengan situasi yang setara. Penerangan mengenai bagaimana kajian ini dijalankan, metodologi yang digunakan, dan bagaimana informasi yang diberikan oleh informan telah dihuraikan secara terperinci di dalam kajian ini. Kebolehgunaan ditentukan dengan memberikan bukti kepada pembaca bahawa hasil kajian ini boleh diterapkan dalam konteks, situasi, masa, dan populasi lain.

3.8.3 Kebolehpercayaan (*Dependability*)

Kebolehpercayaan adalah prosedur yang membolehkan pengkaji lain

menghasilkan keputusan yang sama jika mereka mengulangi kajian ini. Oleh itu, pengkaji telah menghuraikan semua langkah dalam proses kajian dengan terperinci supaya kajian ini boleh diduplikasi oleh pengkaji lain agar mereka dapat menghasilkan hasil yang sama dengan menggunakan prosedur yang sama seperti dalam kajian ini.

3.8.4 Pengesahan (*Confirmability*)

Pengesahan adalah keupayaan pengkaji untuk mengelakkan bias dan tidak menghakimi serta tidak berat sebelah. Untuk menggambarkan pengalaman sebenar informan, sesi temubual bersama informan telah dirakam dan ditranskripsi untuk mengehadkan potensi bias. Untuk membantu proses ini, pengkaji telah meminta informan untuk mengesahkan maklumat yang telah diterima oleh pengkaji dengan mengulangi input-input penting yang telah dikongsikan oleh mereka semasa sesi temubual untuk memastikan ketepatan analisis data.

3.9 Pertimbangan Etika

Pertimbangan etika amat penting dalam melakukan sesuatu kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Universiti Malaysia Sarawak [UNIMAS/TNC(PI)/09 – 65/02 (79)]. Pengkaji telah menggunakan dua konsep pertimbangan etika yang selalu digunakan dalam sesuatu kajian iaitu, persetujuan termaklum (*Informed Consent*) dan kerahsiaan dan ketanpanamaan (*Confidentiality*). Sebelum memulakan sesi temu bual, informan telah diberikan satu borang yang dinamakan borang persetujuan termaklum untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka untuk terlibat dalam kajian ini. Di samping itu, untuk informan yang sudah mencapai usia 18 tahun tetapi berkahwin semasa masih di bawah umur dengan menggunakan undang- undang perkahwinan adat Iban, persetujuan hanya perlu dibuat

oleh mereka sendiri.

Apabila informan bersetuju dan memberi kebenaran untuk terlibat di dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan tarikh, tempat dan masa untuk sesi temu bual berdasarkan kelapangan informan dan tempat yang sesuai untuk menemu bual informan. Pengkaji telah meminta pandangan daripada informan sendiri untuk menentukan tempat tertutup untuk ditemu bual agar maruah serta aib para informan dapat dilindungi. Kedua adalah isu kerahsiaan dan ketanpanamaan. Pengkaji telah merahsiakan identiti informan semasa menguruskan data serta maklumat dengan menggunakan kod identiti seperti Informan A, Informan B dan seterusnya sahaja kerana lumrah kajian ini yang bersifat sensitif.

3.9.1 Etika Bersama Informan

Informan terlebih dahulu telah diberitahu tentang keseluruhan proses temu bual ini menggunakan bahasa Iban kerana mereka lebih fasih berbahasa Iban dan senang untuk difahami oleh mereka ketika ditanya soalan. Sepanjang sesi temu bual dijalankan, pengkaji sentiasa menghormati dan bercakap dengan sopan bersama informan. Setiap pengakhiran sesi temu bual, pengkaji telah mengucapkan terima kasih kepada kesemua informan kerana sudi meluangkan masa dan membenarkan pengkaji untuk menemu bual mereka.

3.9.2 Etika Penyimpanan Data Kajian

Bagi menjaga kerahsiaan setiap informan dalam kajian ini, pengkaji telah memastikan bahawa maklumat informan tidak didedahkan. Setiap informan akan dilabel dengan menggunakan kod seperti Informan A, Informan B dan seterusnya bagi menjamin kerahsiaan identiti informan. Segala dokumen seperti borang persetujuan yang telah ditandatangani oleh informan dan transkrip telah disimpan dan dilindungi di tempat yang pengkaji sahaja mengetahuinya. Data tersebut telah disimpan oleh pengkaji di dalam

pangkalan data seperti *Google Drive* peribadi dengan kata laluan yang hanya dapat diakses oleh pengkaji sahaja. Data ini akan disimpan selama lima tahun dan dimusnahkan dengan cara yang betul selepas habis lima tahun.

3.10 Kesimpulan

Bab ini telah membincangakan tentang metodologi kajian yang akan digunakan di dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kajian kualitatif untuk mengumpul data. Selain itu, kajian ini telah dijalankan di bahagian Sarikei dan Sibu bersama sepuluh orang yang terdiri daripada dua kategori informan iaitu informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dan informan kategori tuai rumah dan penghulu kampung. Semasa sesi temu bual berlangsung, pengkaji akan mengikut kod etika seperti kerahsiaan supaya tidak melanggar etika yang telah ditetapkan bagi menjaga privasi informan di dalam kajian ini.

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 akan menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan analisis dan hasil kajian yang telah dikumpulkan oleh pengkaji. Tiga objektif kajian iaitu meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Kedua adalah mengenalpasti hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak dan yang ketiga adalah mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian melalui pendapat penghulu kampung dan tuai rumah bagi individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Temu bual telah dijalankan bersama dengan 10 orang informan. Kategori informan kajian ini terbahagi kepada dua iaitu kategori individu yang berkahwin di bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dan kategori penghulu dan tuai rumah.

4.2 Demografi Informan

Bahagian demografi informan ini terdiri daripada lima kategori iaitu; (i) jantina (ii) umur, (iii) tahap pendidikan, (iv) lokasi kajian, (v) pekerjaan, (vi) umur semasa berkahwin, usia perkahwinan dan jumlah anak.

4.2.1 Jantina

Informan yang terlibat di dalam kajian ini adalah sepuluh orang. Berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji, seramai enam orang informan perempuan

dan 4 orang informan lelaki telah ditemu bual. Terdapat dua jadual yang melibatkan dua kategori informan di bawah:

Jadual 4.1: Jantina (Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur)

Informan	**Jantina**
D	Perempuan
E	Perempuan
F	Perempuan
G	Perempuan
H	Perempuan
I	Perempuan

Jadual 4.2: Jantina (Kategori Penghulu dan Tuai Rumah)

Informan	**Jantina**
A	Lelaki
B	Lelaki
C	Lelaki
J	Lelaki

4.2.2 Umur

Majoriti informan yang terlibat di dalam kajian ini bagi kategori individu yang berkahwin di bawah umur adalah berumur di antara 16 sehingga 29 tahun. Perkara ini dapat dilihat pada Jadual 4.3 di bawah:

Jadual 4.3: Umur (Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur)

Informan	Umur
D	16
E	29
F	27
G	29
H	21
I	18

Bagi kategori penghulu dan tuai rumah, informan bahagian ini berumur diantara 64 sehingga 70 tahun. Jadual 4.4 menunjukkan umur bagi informan kategori ini:

Jadual 4.4: Umur (Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur)

Informan	Umur
A	65
B	64
C	70
J	69

4.2.3 Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan setiap informan akan ditunjukkan pada Jadual 4.5 dan Jadual 4.6 di bawah mengikut kategori:

Jadual 4.5: Tahap Pendidikan (Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur)

Informan	Tahap Pendidikan
D	Tingkatan 3
E	Tingkatan 4
F	Tingkatan 3
G	Tingkatan 4
H	Tingkatan 2
I	Tingkatan 3

Berdasarkan Jadual 4.5, tahap pendidikan bagi informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur adalah tiga daripada enam informan bersekolah sehingga tingkatan 3. Manakala dua orang informan bersekolah sehingga tingkatan 4 dan seorang informan iaitu Informan H bersekolah sehingga tingkatan 2.

Jadual 4.6: Tahap Pendidikan (Kategori Penghulu dan Tuai Rumah)

Informan	Tahap Pendidikan
A	SPM
B	Ijazah Sarjana Muda
C	SPM
J	SPM

Berdasarkan Jadual 4.6, tahap pendidikan bagi informan kategori penghulu dan tuai rumah adalah Informan B mempunyai tahap pendidikan yang agak tinggi berbanding

dengan informan lain iaitu mempunyai Ijazah Sarjana Muda. Manakala tiga informan lain dalam kategori ini mempunyai tahap pendidikan setakat SPM sahaja.

4.2.4 Lokasi Kajian

Oleh sebab kajian hanya dilakukan di dua tempat iaitu Sarikei dan Sibu, seramai lima orang informan berasal dan tinggal di bahagian Sarikei dan lima lagi informan berasal dan tinggal di bahagian Sibu.

Jadual 4.7: Lokasi kajian (Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur)

Informan	Lokasi Kajian
D	Sarikei
E	Sibu
F	Sibu
G	Sibu
H	Sibu
I	Sarikei

Jadual 4.8: Lokasi Kajian (Kategori Penghulu dan Tuai Rumah)

Informan	Lokasi Kajian
A	Sarikei
B	Sarikei
C	Sarikei
J	Sibu

4.2.5 Pekerjaan

Dari segi pekerjaan, tiga orang informan lelaki bekerja sebagai penghulu kampung dan seorang informan lelaki bekerja sebagai tuai rumah. Dua daripada informan perempuan bekerja sebagai petani di kebun persendirian manakala empat lagi informan perempuan hanya menjadi suri rumah sepenuh masa.

Jadual 4.9: Pekerjaan (Kategori Individu yang Berkahwin di Bawah Umur)

Informan	**Pekerjaan**
D	Suri Rumah
E	Petani
F	Suri Rumah
G	Petani
H	Suri Rumah
I	Suri Rumah

Jadual 4.10: Pekerjaan (Kategori Penghulu dan Tuai Rumah)

Informan	**Pekerjaan**
A	Penghulu
B	Penghulu
C	Tuai Rumah
J	Penghulu

4.2.6 Umur Semasa Berkahwin dan Usia Perkahwinan

Demografi informan turut meletakkan umur enam informan perempuan semasa berkahwin dan usia perkahwinan. Bahagian ini hanya untuk informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur sahaja. Berdasarkan Jadual 4.11 di bawah, empat daripada enam orang informan perempuan berkahwin pada usia 15 tahun dan hanya seorang yang berkahwin pada usia 16 tahun. Usia perkahwinan bagi keenam-enam informan ini mendapati Informan E dan Informan G yang paling lama sudah berkahwin iaitu selama 13 tahun.

Jadual 4.11: Umur Semasa Berkahwin dan Usia Perkahwinan

Informan	Umur Semasa Berkahwin	Usia Perkahwinan
D	15 Tahun	1 Tahun
E	16 Tahun	13 Tahun
F	15 Tahun	12 Tahun
G	16 Tahun	13 Tahun
H	15 Tahun	6 Tahun
I	15 Tahun	3 Tahun

4.3 Pengetahuan dan Pemahaman Individu yang Telah Berkahwin Bawah Umur Terhadap Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban di Sarawak

Bahagian ini mengandungi empat subtema yang akan membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu untuk meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Dalam bahagian ini, informan yang ditemubual adalah informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur. Terdapat enam informan di dalam kategori ini, antaranya, Informan D, E, F, G, H dan I. Antara empat subtema yang akan dibincangkan di bahagian ini adalah; (i) pemahaman terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban, (ii) prosedur perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban, dan (iii) pemahaman terhadap had umur untuk berkahwin.

4.3.1 Pemahaman Terhadap Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Berdasarkan pendapat daripada enam Informan D, E, F, G, H, dan I tentang pengetahuan serta pemahaman mereka terhadap maksud undang-undang perkahwinan adat Iban, majoriti daripada informan-informan ini kurang mengetahui tentang apakah itu undang-undang perkahwinan adat Iban. Majoriti daripada mereka tidak pernah mendengar tentang undang-undang perkahwinan adat Iban, namun pernah mendengar secara tidak langsung semasa berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Seperti contoh, Informan D dan Informan E menyatakan:

> *"Tidak pernah saya dengar. Dengar semasa saya berkahwin dulu ja"* **(Informan D)**

> *"Tidak saya pernah dengar. Hanya dengar macam*

tu saja semasa berkahwin di depan penghulu dulu"

(Informan E)

Seperti yang dinyatakan oleh Informan D dan Informan E, mereka hanya pernah mendengar tentang undang-undang perlahwinan adat Iban tetapi belum dapat menerangkan kepada pengkaji tentang maksudnya. Informan F pula menyatakan pendapat bahawa maksud undang-undang perkahwinan adat Iban adalah:

> *"Aaa pernah juga saya dengar semasa saya kahwin dulu tapi tak banyak lah yang saya tahu. Pada pendapat saya, kalau kahwin adat Iban ni memang digunakan kita yang berbangsa Iban saja lah. Selepas itu, berkahwin menggunakan adat Iban macam saya dulu, saya dengan suami ada membuat keterangan di rumah panjang lah, beritahu orang di rumah yang kami berdua bersetuju untuk berkahwin. Ibu bapa saya dan ibu bapa suami saya pun bersetuju kami berkahwin walaupun kami ingin berkahwin di bawah umur masa tu"* **(Informan F)**

Melalui pendapat Informan F, undang-undang perkahwinan adat Iban ini hanya digunakan oleh kaum Iban sahaja dan menyatakan bahawa mereka bersetuju untuk berkahwin dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Manakala Informan H menyatakan pendapat bahawa undang-undang perkahwinan adat Iban ini dibuat khas untuk masyarakat Iban. Informan H juga memberitahu bahawa terdapat banyak perkara yang dibangkitkan di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban terutama yang berkaitan dengan peraturan yang perlu dipatuhi oleh individu yang

berkahwin menggunakan adat Iban. Buktinya:

> *"Aaa tidak la saya tahu betul-betul. Tapi, selepas berkahwin menggunakan adat Iban adalah sedikit yang saya tahu. Macam undang-undang perkahwinan adat Iban ni dibuat khas untuk untuk orang Iban berkahwin. Dalam adat tu, banyaklah perkara yang berkaitan dengan perkahwinan macam contoh macam mana cara orang Iban berkahwin mesti ada diberitahu di dalam adat Iban ni"*
>
> **(Informan H)**

Kenyataan yang diberikan oleh Informan F dan Informan H ini menunjukkan bahawa mereka memahami undang-undang perkahwinan adat Iban ini hanya dibuat untuk mereka yang berbangsa Iban sahaja dan diuruskan mengikut adat Iban. Pernyataan ini disokong oleh teori sistem ekologikal Bronfrenner yang menjelaskan bahawa makrosistem seseorang individu dipengaruhi oleh elemen sosiobudaya dalam konteks ini adat Iban yang berkaitan dengan perkahwinan bawah umur yang melibatkan undang-undang perkahwinan adat Iban dan juga individu yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun.

Di samping itu, ada diantara informan-informan ini yang tidak tahu tentang undang-undang perkahwinan adat Iban dan memberitahu bahawa mereka pernah mendengar tetapi tidak mampu untuk menerangkan kepada pengkaji. Kesimpulannya, pemahaman terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban masih rendah dalam kalangan informan kategori individu yang berkahwin di bawah umur. Perkara ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dibuat oleh Septi et al. (2023) yang menyatakan bahawa

responden kajian tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang undang-undang perkahwinan dan hanya mengetahui maklumat tersebut sebelum berkahwin. Informan kajian ini juga nampak kurang peka dengan undang-undang perkahwinan adat Iban. Kurang peka terhadap undang-undang perkahwinan adat boleh menyebabkan mereka terlepas segala informasi penting terutama sekali sekiranya terdapat masalah yang ingin diselesaikan dengan menggunakan undang- undang perkahwinan adat.

4.3.2 Prosedur Perkahwinan Bawah Umur Menggunakan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Subtema bahagian ini akan mengulas tentang maklumat yang diberikan oleh keenam- enam informan kajian ini berkaitan dengan prosedur bagi perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Prosedur bagi setiap perkahwinan tanpa mengira jenisnya sangat penting bagi individu yang ingin berkahwin. Namun begitu, prosedur bagi setiap jenis perkahwinan adalah berbeza termasuk dengan undang-undang perkahwinan adat Iban.

Informan-informan dalam kajian ini juga ditanya berkenaan prosedur yang perlu diikuti oleh mereka semasa berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban terutama bagi yang berkahwin di bawah umur. Bagi perkahwinan adat Iban, mereka perlu menyediakan segala dokumen yang diminta oleh Pejabat Daerah. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh keenam-enam informan ini, rata-rata jawapan yang diberikan adalah hampir sama. Contohnya, mereka menyediakan segala dokumen seperti salinan kad pengenalan pasangan yang berkahwin, salinan kad pengenalan ibu bapa pasangan, salinan sijil lahir, gambar passport pasangan serta surat keterangan daripada Tuai Rumah. Perkara ini dapat dibuktikan menurut Informan G:

"Mmm ada menyediakan fotostat ic saya dan suami, fotostat ic ibu bapa kami, fotostat ic tuai rumah, fotostat sijil lahir, gambar passport dan surat keterangan daripada tuai rumah" **(Informan G)**

Kenyataan yang hampir sama dengan Informan G juga diberikan oleh Informan D:

"Aaa, yang paling saya ingat adalah surat keterangan daripada tuai rumah kami lah. Surat keterangan ni dibuat semasa kami berkumpul di rumah panjang dan kami berbincang lah tentang hubungan saya dengan suami saya. Aaa, fotostat ic saya dan suami, fotostat ic ibu bapa pun ada kami bawa dulu. Gambar kecik saya dan suami dan juga sijil lahir. Lepastu, kami berjumpa dengan penghulu dan mengisi borang perkahwinan tersebut lah dan penghulu pun menandatangani borang tadi. Tuai rumah kami lah yang menjadi saksi masa tu" **(Informan D)**

Namun begitu, Informan D menjelaskan dengan sedikit lebih terperinci berbanding Informan G berkaitan dengan prosedur tersebut. Informan F juga menyatakan bahawa surat keterangan daripada Tuai Rumah sangat penting kerana mereka berkahwin di bawah umur:

"Mmmm ingat tidak ingat tidak saya. Tetapi yang paling penting memang surat keterangan daripada tuai rumah lah sebab saya kahwin di bawah umur

dulu. Fotostat ic, sijil lahir juga ada diminta kalau tidak silap saya" **(Informan F)**

Selain itu, Informan I menceritakan tentang maklumat prosedur yang mereka perlu buat secara langkah demi langkah. Contohnya:

"Aaa yang pertama, ibu bapa kami yang berjumpa dulu untuk berbincang. Selepas itu kami bagitahu tuai rumah. Tuai rumah pun terus bawa kami berjumpa dengan penghulu. Penghulu terus beritahu mereka untuk menyiapkan segala dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran sijil kahwin. Macam yang penghulu cakap, dokumen yang perlu disediakan adalah fotostat ic kami, gambar passport kami, fotostat ic ibu bapa, fotostat ic tuai rumah sebab mereka yang jadi saksi. Surat keterangan lagi" **(Informan I)**

Informan H juga menceritakan bahawa mereka dibawa berjumpa dengan penghulu terlebih dahulu oleh Tuai Rumah. Seterusnya, borang perkahwinan diberi dan diminta untuk menyediakan segala dokumen yang diperlukan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka. Selepas borang perkahwinan diisi dan dokumen telah disediakan, mereka berkahwin di depan Penghulu dan borang tersebut akan ditandatangani oleh Penghulu. Kenyataan daripada Informan H:

"Aaa tidak berapa ingat saya. Tapi dulu kami memang ada dibawa berjumpa dengan penghulu

ditemani tuai rumah. Kami diberi borang perkahwinan. Selepas itu, kami sediakan lah segala dokumen yang mereka minta dan mengisi borang perkahwinan. Borang perkahwinan tadi pun terus ditandatangani oleh penghulu. Itu saja rasanya dulu. Lepastu tunggu sebulan lah untuk sijil kahwin tu siap" **(Informan H)**

Informan-informan kajian ini juga ada ditanya tentang siapakah yang pernah membantu mereka menguruskan perkahwinan mereka di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban ini. Kesemua informan ini memberitahu bahawa Tuai Rumah yang paling banyak membantu mereka menguruskan pendaftaran perkahwinan mereka bermula daripada mereka memutuskan untuk berkahwin pada usia yang muda. Sememangnya menjadi tanggungjawab Tuai Rumah dalam membimbing serta membantu penduduk yang tinggal serumah dengan beliau di rumah panjang. Informan D menyatakan bahawa Tuai Rumah mereka yang paling banyak membantu dalam menguruskan perkahwinan tersebut:

"Aaa, kami punya tuai rumah lah yang banyak membantu. Penghulu juga ada tolong, mertua saya dan ibu bapa saya" **(Informan D)**

Informan H juga menyatakan perkara yang sama dengan Informan D:

"Aaa, tuai rumah kami lah yang paling banyak menolong kami dulu. Kami hanya mendengar arahan dia saja dan menyediakan apa yang diminta sahaja" **(Informan H)**

Ada juga yang menyatakan bahawa keluarga mertua yang memperkenalkan perkahwinan adat Iban kepada Informan I kerana hanya dengan cara itu mereka boleh berkahwin:

> *"Mertua saya. Sebab mereka yang mula-mula beritahu bahawa kami boleh berkahwin dengan menggunakan kahwin adat Iban. Tuai rumah dan penghulu juga banyak membantu kami. Kami hanya menyediakan dokumen yang diminta sahaja. Macam tu saja"* **(Informan I)**

Kesimpulannya bagi subtema prosedur perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban, keenam-enam informan masih boleh mengingati prosedur yang perlu dipatuhi dan mampu untuk memberikan pengkaji maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini. Di samping itu, mereka juga memberitahu bahawa surat keterangan amat penting bagi mereka yang ingin berkahwin di bawah umur kerana ianya merupakan salah satu syarat yang harus dipatuhi. Surat keterangan wajib dibuat dan ditandatangani oleh tuai rumah sebagai bukti pasangan yang ingin berkahwin tersebut sudah dibincangkan di hadapan ibu bapa kedua-dua pihak, tuai rumah, ahli keluarga dan penduduk di rumah panjang serta sudah dipersetujui oleh ibu bapa kedua-dua pihak. Surat keterangan tersebut wajib dibawa apabila berjumpa dengan penghulu untuk mendaftarkan perkahwinan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Di samping itu, surat keterangan tersebut merupakan tanda pemberitahuan bahawa ibu bapa daripada kedua-dua pihak pasangan telah bersetuju dan membenarkan anak mereka untuk berkahwin di bawah umur. Dapat dilihat, bahawa kebenaran daripada ibu bapa untuk membenarkan anak mereka berkahwin di bawah umur ini melibatkan lapisan microsistem di dalam teori sistem

ekologikal Bronfrenner yang melibatkan interaksi di antara ibu bapa dan anak-anak dalam membenarkan anak mereka berkahwin bawah umur. Selain itu, pengetahuan serta pemahaman terhadap prosedur perkahwinan bagi individu yang ingin berkahwin di bawah umur sangat penting kerana ianya menjadi hak mereka untuk mengetahui tentang prosedur perkahwinan tersebut.

4.3.3 Pemahaman Terhadap Had Umur Untuk Berkahwin

Subtema terakhir dalam tema pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak adalah had umur. Pengkaji juga ada menyelitkan pertanyaan mengenai had umur yang dibenarkan untuk berkahwin menggunakan adat Iban kepada informan-informan dalam kajian ini. Pengetahuan kesemua informan kajian ini tentang had umur yang dibenarkan untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban agak kurang. Majoriti daripada informan kajian ini menyatakan bahawa had umur yang dibenarkan adalah 18 tahun walaupun sebenarnya had umur yang dibenarkan adalah 16 tahun untuk perempuan dan 18 tahun untuk lelaki. Informan I pernah menyatakan bahawa had umur yang dibenarkan untuk berkahwin menggunakan adat Iban adalah 18 tahun. Contohnya:

> *"Tidak tahu. Kalau ikutkan, bawah umur di bawah umur 18 tahun lah"* **(Informan I)**

Informan E juga mengatakan perkara yang sama dengan Informan I:

> *"Pernah juga. Setahu saya 18 tahun. 18 tahun ke atas"* **(Informan E)**

Di samping itu, ada juga di kalangan informan-informan kajian ini yang tidak tahu tentang had umur yang dibenarkan untuk berkahwin menggunakan undang-undang

perkahwinan adat Iban seperti:

> *"Kalau had umur ni saya tak tahu lah. Saya tak tahu sangat. Tetapi selepas berjumpa dengan penghulu tahu lah sedikit"* **(Informan D)**

Informan D menyatakan dia tidak tahu tentang had umur yang dibenarkan namun memberitahu bahawa selepas berjumpa dengan penghulu dia mengetahui had umur tersebut, tetapi tidak menyatakan angka umur tersebut semasa ditanya. Had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak adalah berbeza bagi perempuan dan lelaki. Bagi perempuan, had umur yang dibenarkan adalah 16 tahun manakala lelaki pula adalah 18 tahun.

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan dalam kajian ini, majoriti daripada informan mempunyai pengetahuan yang agak kurang terhadap had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Informan kajian ini hanya mampu memberi andaian tentang had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Perkara ini menunjukkan bahawa mereka kurang peka terhadap peraturan serta syarat yang telah ditetapkan di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban dimana had umur yang dibenarkan untuk berkahwin adalah salah satu syarat bagi berkahwin di bawah undang-undang ini. Hasil kajian ini adalah sama dengan dapatan kajian Septi et al. (2023) yang menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman masyarakat terhadap had umur perkahwinan juga masih kurang. Pengetahuan terhadap had umur yang dibenarkan untuk berkahwin sangat penting bagi mengelakkan kekeliruan sekiranya terdapat jawapan yang bercanggah tentang had umur terutama sekali kepada masyarakat kaum Iban.

4.4 Hak dan Keistimewaan yang Diperolehi Individu yang Berkahwin di Bawah Umur Dengan Menggunakan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban di Sarawak

Tema bahagian ini akan membantu pengkaji untuk menjawab persoalan kedua dalam kajian ini iaitu "Apakah hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak?". Dalam bahagian ini, informan yang ditemu bual adalah kategori individu yang berkahwin di bawah umur antaranya adalah, Informan D, E, F, G, H dan I. Terdapat dua subtema yang akan diterangkan dalam bahagian ini antaranya adalah pengetahuan terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban dan pandangan terhadap perkahwinan yang menggunakan undang-undang adat Iban.

4.4.1 Pengetahuan Terhadap Hak dan Keistimewaan yang Terdapat dalam Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Subtema bahagian ini akan membantu pengkaji untuk mengetahui tentang pengetahuan individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan adat Iban terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban ini. Soalan pertama yang ditanya oleh pengkaji kepada informan adalah, "adakah mereka pernah mendengar tentang hak dan keistimewaan yang diperolehi semasa berkahwin menggunakan adat Iban". Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada keenam-enam informan kajian ini, kesemua mereka menyatakan bahawa mereka tidak pernah mendengar atau mengetahui tentang hak dan keistimewaan yang diperolehi semasa berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Di bawah merupakan kenyataan daripada Informan I:

"Ada pula kah. Tidak pernah mendengar tentang itu"

(Informan I)

Kenyataan daripada Informan G juga sama dengan kenyataan daripada Informan I:

"Tidak pernah saya dengar tentang ni" **(Informan G)**

Informan H dan Informan F menyatakan bahawa mereka tidak pernah diberitahu oleh mana-mana pihak tentang hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban terutama sekali bagi mereka yang berkahwin di bawah umur. Kenyataan daripada Informan H dan Informan F:

"Haaa, tidak pernah saya dengar. Tidak ada pula tuai rumah dengan penghulu beritahu dulu" **(Informan H)**

"Hmmm tidak pernah saya dengar tentang ini. Tak ada orang yang beritahu dulu" **(Informan F)**

Berdasarkan pemerhatian pengkaji semasa menemu bual informan, pengkaji mendapati bahawa informan-informan ini kurang peka terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Mempunyai pengetahuan terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban ini sangat penting bagi individu yang berkahwin menggunakan undang-undang ini. Hal ini kerana ia membantu mereka menuntut segala hak dan keistimewaan yang sewajarnya diperolehi oleh mereka sebagai masyarakat Iban yang berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Sekiranya individu tersebut tidak mengetahui tentang hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban, sukar untuk mereka memperolehi hak dan keistimewaan yang sepatutnya menjadi milik mereka sebagai contoh hak seperti mudah untuk membuat sijil lahir anak mereka, mendapatkan bantuan daripada mana-mana pihak, senang untuk menguruskan

dokumen-dokumen yang berkaitan dengan hal keluarga.

4.4.2 Pandangan Terhadap Perkahwinan yang Menggunakan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Pengkaji juga ada menanyakan tentang pandangan daripada informan dalam kajian ini iaitu adakah mereka membenarkan atau mencadangkan orang berbangsa Iban yang belum berkahwin, berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh keenam-enam informan, lima daripada enam informan mengesyorkan kepada orang lain yang berbangsa Iban yang belum berkahwin untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Salah satu kenyataan daripada Informan F:

> *"Mestilah boleh hehehe. Kalau bukan kita yang Iban ni siapa lagi yang mau berkahwin dengan menggunakan adat Iban ni hehehe"* **(Informan F)**

Informan F menyatakan bahawa orang berbangsa Iban seharusnya dibenarkan untuk berkahwin dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban kerana kalau bukan orang berbangsa Iban, tidak ada orang lain yang boleh berkahwin menggunakannya. Informan H menyatakan perkara yang sama dengan Informan F:

> *"Aaa suka hati mereka lah mahu berkahwin guna undang- undang yang mana. Tapi saya memang setuju sangat kalau mereka nak berkahwin menggunakan adat Iban. Sebab kita ni kan orang Iban juga. Takda juga kaum lain mau guna perkahwinan adat kita Iban untuk mendaftar perkahwinan mereka"* **(Informan H)**

Namun begitu, Informan H memberi pendapat bahawa pasangan yang ingin berkahwin mempunyai hak untuk membuat keputusan bagi memilih untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan yang terdapat di negara ini. Informan G juga memberikan pendapat yang sama dengan Informan H:

> *"Pada pendapat saya, ikut kita saja tu. Ikut keselesaan masing-masing itu"* **(Informan G)**

Kesimpulannya, undang-undang perkahwinan adat Iban ini dibuat khas untuk masyarakat kaum Iban. Justeru itu, benarlah cadangan daripada informan-informan kajian ini untuk mengesyorkan kepada masyarakat Iban yang ingin berkahwin untuk memilih menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Memilih untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dapat membantu masyarakat Iban lebih mengenali dengan lebih mendalam tentang Adat Iban 1993 kerana terdapat maklumat yang berkaitan dengan perkahwinan adat Iban di dalam Adat Iban 1993 ini.

4.5 Pengetahuan dan Pengalaman Tuai Rumah dan Penghulu Kampung Terhadap Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Bahagian ini akan menerangkan tentang pengetahun serta pengalaman tuai rumah dan penghulu kampung terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. Melalui bahagian ini, maklumat yang diberikan oleh empat orang informan yang terdiri daripada tiga orang penghulu kampung dan seorang tuai rumah.

Terdapat lima subtema yang akan dibentangkan dalam bahagian ini antaranya; (i) pemahaman tentang konsep perkahwinan bawah umur, (ii) pemahaman tentang undang-undang perkahwinan adat Iban, (iii) pengalaman mengendalikan perkahwinan bawah umur, (iv) prosedur dan had umur, serta (v) hak dan keistimewaan yang terdapat

dalam undang-undang perkahwinan adat Iban.

4.5.1 Pemahaman Tentang Konsep Perkahwinan Bawah Umur

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh keempat-empat informan ini, kesemua mereka faham mengenai maksud perkahwinan bawah umur. Tiga daripada informan ini memberitahu bahawa mana-mana perkahwinan yang berlaku sebelum mencapai usia 18 tahun adalah yang dimaksudkan dengan perkahwinan bawah umur. Informan A mampu untuk menerangkan maksud perkahwinan bawah umur contohnya:

> *"Aaa, pada pandangan saya, perkahwinan bawah umur ini adalah bermaksud perkahwinan yang berlaku sekiranya salah seorang atau kedua-dua lelaki dan perempuan yang ingin berkahwin di bawah umur 18 tahun"* **(Informan A)**

Informan B juga menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur sekiranya menurut kerajaan adalah:

> *"Kalau ikut yang kerajaan punya memang berumur di bawah 18 tahun lah"* **(Informan B)**

Di samping itu, Informan J menyatakan perkara lain apabila ditanya mengenai maksud perkahwinan bawah umur iaitu perkahwinan bawah umur tidak digalakkan dan ada menyelitkan sedikit tentang perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Contohnya:

> *"Maksud kahwin bawah umur oo. Macam mana saya nak bagitahu ni ya. Aaa perkahwinan bawah umur ni sebenarnya tidak digalakkan*

> *sangat sebab bawah umur tu. Kalau ikutkan, undang-undang perkahwinan adat Iban di dalam mahkamah bumiputera ni belum dibenarkan untuk membuat sijil kahwin sebenarnya. Tidak dibenarkan sebenarnya. Tapi ada juga cara yang membenarkan mereka yang di bawah umur ni berkahwin seperti contoh kalau yang perempuan tu hamil sebelum berkahwin, nak tak nak kita kena benarkan lah. Tetapi kalau perempuan tadi sudah beranak aaa, anak mereka tidak dapat berayahkan suami perempuan tadi tapi berayahkan si ibu yang melahirkan"* **(Informan J)**

Informan J menyatakan bahawa perkahwinan bawah umur menurut undang-undang adat Iban ini juga tidak dibenarkan membuat sijil perkahwinan. Namun begitu, beliau juga memberitahu bahawa ada cara supaya mereka boleh mendapatkan sijil perkahwinan iaitu sekiranya perempuan tersebut hamil. Berdasarkan pendapat daripada informan kajian, perkahwinan bawah umur ini adalah sebuah ikatan yang menyatukan dua individu secara sah di antara pasangan yang berada di bawah umur 18 tahun atau salah seorang daripada pasangan tersebut yang belum mencapai usia 18 tahun.

4.5.2 Pemahaman Tentang Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Pengkaji juga turut menanyakan kepada empat orang informan ini tentang pendapat mereka mengenai maksud undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan pendapat yang diberikan oleh informan ini, Informan A menyatakan bahawa dalam undang-undang perkahwinan adat Iban ada di dalam buku Adat Iban 1993. Kenyataan

daripada Informan A:

> *"Aaa, undang-undang perkahwinan adat Iban ini terkandung di dalam buku Adat Iban 1993 mmm. Di dalam buku undang-undang adat Iban tersebut memang ada diberitahu bagaimana cara kaum Iban berkahwin. Setiap perkara yang berkaitan dengan undang-undang perkahwinan bagi kaum Iban akan diterangkan di setiap seksyen di dalam buku Adat Iban 1993 sehingga undang- undang adat yang berkaitan dengan perceraian pun ada di dalam buku Adat Iban 1993 itu"* **(Informan A)**

Informan A juga menyatakan bahawa di dalam buku Adat Iban 1993 ada diberitahu tentang bagaimana masyarakat kaum Iban berkahwin. Beliau juga menyatakan segala perkara yang berkaitan dengan perkahwinan juga terdapat di dalam buku Adat Iban 1993 termasuk perkara yang berkaitan dengan perceraian. Informan B menyatakan pendapat yang berlainan daripada Informan A apabila beliau bercerita tentang upacara perkahwinan adat Iban di rumah panjang dan contoh kenyataan daripada Informan B:

> *"Aaa, kalau adat kita di rumah panjang, pasangan yang berkahwin menggunakan adat Iban ni akan diminta untuk duduk di atas gong dan ada seorang pakar la yang akan membuat upacara 'bebiau' untuk pasangan tersebut. Aaa, 'bebiau' ni macam upacara berdoa untuk kesejahteraan pasangan pengantin tersebut lah ya"* **(Informan B)**

Selain itu, Informan J juga menyatakan perkara yang berlainan daripada Informan A dan Informan B apabila beliau memberitahu tentang salah satu syarat yang tidak boleh diingkari di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Menurut Informan B, undang-undang perkahwinan adat Iban tidak membenarkan individu yang masih berkahwin beristeri atau bersuami lebih daripada satu. Beliau juga memberitahu bahawa sekiranya sijil perkahwinan tidak dibatalkan di mahkamah adat, suami atau isteri tersebut tidak boleh kahwin lain. Pernyataan daripada Informan B:

> *"Aaa undang-undang kahwin adat Iban ni ya. Aaa undang- undang kahwin adat Iban ni yang pertama adalah adat ini tidak membenarkan orang Iban beristeri dua atau bersuami dua. Yang kedua adalah, selagi sijil perkahwinan belum dibatalkan di mahkamah adat, suami atau isteri tidak boleh bersuami atau beristeri dua. Selepas sijil perkahwinan mereka dibatalkan barulah mereka dibenarkan untuk berkahwin lagi"* **(Informan B)**

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh keempat-empat informan kategori tuai rumah dan penghulu, kesemua mereka dapat memahami tentang apa itu undang-undang perkahwinan adat Iban. Namun begitu, ada informan yang memahami undang-undang perkahwinan adat Iban ini secara luaran sahaja apabila menyatakan bahawa perkara yang berkaitan dengan perkahwinan adat Iban ada dinyatakan dalam buku Adat Iban 1993. Namun begitu, kenyataan tentang perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban tidak dinyatakan di dalam Adat Iban 1993. Di samping itu, Informan B juga dilihat dapat memahami undang-undang perkahwinan adat Iban apabila

beliau telah memberikan contoh dengan bercerita tentang situasi perkahwinan adat Iban yang berlaku di rumah panjang.

4.5.3 Pengalaman Mengendalikan Perkahwinan Bawah Umur

Bahagian ini akan menerangkan tentang pengalaman mengendalikan perkahwinan bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan respon daripada empat informan ini, kesemua mereka pernah menguruskan perkahwinan bawah umur dan berpengalaman dalam mengendalikan perkahwinan bawah umur. Informan A menyatakan bahawa beliau pernah menguruskan lebih daripada sepuluh orang yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban.

> *"Ya, saya pernah uruskan. Aaa, saya rasa banyak sudah yang saya uruskan. Mungkin lebih daripada sepuluh orang hmmm"* **(Informan A)**

Informan A juga menyatakan bahawa beliau telah menjadi penghulu kampung sejak dari tahun 2011 dan pernah menguruskan perkahwinan bawah umur sejak dari itu.

> *"Aaa, saya sudah menjadi penghulu sejak dari tahun 2011. Semenjak dari tahun 2011 itulah saya pernah menguruskan mereka yang berkahwin di bawah umur ini dengan menggunakan adat Iban. Selalu juga saya uruskan perkara begini"* **(Informan A)**

Informan B juga menyatakan bahawa beliau telah menjadi penghulu kampung sejak dari empat tahun yang lalu. Selama empat tahun menjadi penghulu kampung, beliau pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur dengan menggunakan undang-undang

perkahwinan adat Iban sebanyak dua kali. Kenyataan daripada Informan B:

> "*Ya, pernah. Pertama kali saya mengendalikan mereka yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan adat adalah pada tahun 2022 dan pada tahun 2023 lah ooo. Dua orang saja yang pernah saya uruskan sepanjang saya menjadi penghulu"*
>
> **(Informan B)**

Manakala Informan J juga menyatakan bahawa beliau juga pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur dengan jumlah yang banyak namun beliau tidak menyatakan jumlah tersebut. Berikut merupakan kenyataan daripada Informan D:

> *"Banyak sudah yang saya pernah urus sepanjang saya menjadi penghulu selama sebelas tahun yang lalu. Banyak lah juga saya pernah uruskan dulu"*
>
> **(Informan J)**

Kesemua informan yang telah ditemubual dalam kajian ini mempunyai pengalaman yang agak luas dalam menguruskan perkahwinan bawah umur di bawa undang-undang perkahwinan adat Iban. Contohnya, Informan A adalah yang paling berpengalaman dalam kalangan responden kategori ini kerana telah menguruskan lebih daripada sepuluh orang individu yang telah berkahwin di bawah umur dengan menggunakan adat Iban selepas menjadi penghulu selama 13 tahun. Manakala Informan B pernah menguruskan sebanyak dua individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan adat Iban selepas menjadi penghulu selama empat tahun. Berdasarkan pengalaman informan dalam kategori ini, mereka boleh dikatakan sangat berpengalaman

dalam menguruskan perkahwinan bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban terutama sekali Informan A yang mempunyai pengetahuan serta pemahaman yang mendalam terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. Menguruskan perkahwinan yang menggunakan undang-undang perkahwinan adat sudah menjadi tanggungjawab yang besar bagi tuai rumah dan penghulu kampung terutama sekali untuk perkahwinan di bawah umur. Bimbingan serta tunjuk ajar daripada mereka yang mengendalikan perkahwinan melalui adat Iban sangat berguna kepada individu yang ingin berkahwin menggunakan adat ini terutama sekali kepada mereka yang berkahwin di bawah umur berhubung dengan segala maklumat penting berkaitan dengan undang-undang perkahwinan adat Iban.

4.5.4 Prosedur dan Had Umur Berkahwin Muda

Pengkaji juga ada menanyakan kepada informan tentang prosedur yang perlu diikuti oleh mereka yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Pengkaji mendapati bahawa Informan A mampu untuk menerangkan prosedur perkahwinan bawah umur ini dengan sangat baik. Berikut merupakan kenyataan daripada Informan A mengenai prosedur perkahwinan:

> *"Jadi yang pertama adalah, aaa ibu bapa bagi kedua-dua pasangan yang ingin berkahwin ini mesti bersetuju sebab mereka ni bawah umur lagi. Apabila ibu bapa bagi kedua- dua pasangan sudah bersetuju, mereka mesti berjumpa dengan tuai rumah dan membuat keterangan di depan penduduk rumah panjang sebelah perempuan. Selepas itu, tuai rumah akan mengumumkan mereka sebagai suami isteri di*

depan penduduk rumah panjang tersebut lah. Langkah seterusnya adalah, tuai rumah perlu mmm membuat satu surat yang kita panggil sebagai surat keterangan yang ada cop dan tandatangan daripada tuai rumah berkaitan dengan persetujuan ibu bapa bagi kedua- dua pihak pasangan yang berkahwin dan surat ini perlu dibawa semasa berjumpa dengan kami penghulu. Mereka datang kat kami dan kami akan bagi mereka dua jenis borang yang mereka perlu isi laa oo. Ini dia dua jenis borang tu. Dalam borang ni ada diberitahu tentang syarat- syarat yang perlu dilakukan oleh pasangan yang ingin berkahwin dengan adat lah ya. Mereka wajib untuk menyediakan segala dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam borang perkahwinan. Yang paling penting adalah cop dan tandatangan tuai rumah dalam surat keterangan yang saya cakap sebelum ini laa. Sebab surat keterangan ni adalah keterangan yang sudah dibuat di depan semua penduduk rumah panjang dan melalui persetujuan ibu bapa kedua-dua pasangan tersebut. Selepas mereka mengisi borang perkahwinan, mereka perlu bersumpah di depan kami penghulu sebab kami yang akan menjadi saksi serta penjamin mereka. Selepas

itu mmm, borang tadi akan digantung di papan notis pejabat dalam tempoh sebulan sebagai pengumuman yang mereka sudah berkahwin. Pasangan ni tadi, mereka perlu menunggu dalam tempoh sebulan lah untuk sijil kahwin mereka siap. Inilah dia proses yang saya boleh kongsikan dengan awak mmm yaa" **(Informan A)**

Informan A menerangkan bahawa selepas ibu bapa dari pasangan yang ingin berkahwin sudah bersetuju, mereka perlu berjumpa di rumah panjang pihak perempuan dan membuat keterangan di depan tuai rumah dan penduduk rumah panjang tersebut dan mengumumkan kepada yang lain bahawa kedua-dua belah pihak bersetuju untuk berkahwin. Oleh sebab ini adalah perkahwinan bawah umur, tuai rumah akan menulis satu surat keterangan untuk dibawa semasa mendaftarkan perkahwinan mereka di hadapan penghulu. Surat keterangan merupakan tanda bagi ibu bapa bersetuju bahawa anak-anak mereka berkahwin di bawah umur. Di samping itu, Informan A juga memberitahu bahawa penting untuk pasangan yang berkahwin di bawah umur ini untuk menyediakan segala dokumen yang diminta bagi melancarkan proses pendaftaran perkahwinan.

Manakala Informan B menerangkan dokumen apa yang perlu disediakan oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin di bawah umur dengan menggunakan adat Iban. Antara dokumen yang mereka perlu sediakan menurut Informan B adalah gambar passport dua keping setiap orang, Salinan kad pengenalan, salinan sijil lahir, salinan kad pengenalan tuai rumah, dan surat keterangan daripada tuai rumah. Di samping itu, Informan J juga menyatakan bahawa saksi bagi perkahwinan pasangan yang berkahwin di

bawah umur hendaklah salah seorang daripada ibu atau bapa kepada pasangan tersebut. Pernyataan daripada Informan J:

> *"Antara prosedur untuk mereka yang kahwin di bawah umur ini adalah orang yang menjadi saksi perkahwinan ini tidak boleh orang lain. Mesti ibu atau ayah daripada dua belah pihak. Sebab mereka ni kan belum cukup umur lagi. Kalau umur sudah mencukupi, saksi untuk pasangan tersebut boleh di dalam kalangan ahli keluarga yang lain contohnya ibu saudara, bapa saudara, sepupu atau boleh juga orang lain"* **(Informan J)**

Bagi had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban adalah berbeza bagi lelaki dan perempuan. Bagi lelaki, had umur yang dibenarkan untuk berkahwin adalah pada umur 18 tahun manakala perempuan, had umur yang dibenarkan untuk berkahwin adalah pada umur 16 tahun. Kesemua informan bahagian ini menyatakan perkara yang sama tentang had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Berikut merupakan kenyataan daripada Informan A:

> "*Kalau di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban, ada had yang ditentukan bagi lelaki dan perempuan iaitu lelaki dibenarkan untuk berkahwin pada umur 18 tahun manakala perempuan dibenarkan untuk berkahwin pada umur 16 tahun. Namun begitu, surat keterangan daripada tuai*

rumah diperlukan bagi mereka yang berkahwin di bawah umur 18 tahun. Kalau pada zaman dahulu sebelum adanya adat Iban 1993, tidak ada had umur bagi siapa- siapa yang ingin berkahwin, cukuplah bagi mereka yang perempuan kalau sudah akil baligh boleh berkahwin" **(Informan A)**

Informan A turut mengatakan bahawa sebelum ini, had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan ada Iban tidak dinyatakan dalam Adat Iban 1993. Informan J juga turut memberikan pendapat beliau tentang kenapa had umur yang dibenarkan bagi lelaki dan perempuan berbeza. Menurut Informan J, usia 16 adalah umur yang matang untuk perempuan manakala untuk lelaki menjadi matang adalah pada usia 18 tahun.

"Aaa sebab yang perempuan ni tadi adalah kerana aaa diberi kelonggaran berkahwin awal sebab umur 16 tahun ni dikira matang sudah untuk yang perempuan. Manakala yang lelaki pula, kalau dah berumur 18 tahun baru mereka dah matang sedikit, mampu untuk uruskan rumah tangga sendiri" **(Informan J)**

Kesimpulannya, pengetahuan serta pemahaman yang mendalam terhadap prosedur yang diperlukan dalam undang-undang perkahwinan adat Iban sangat penting bagi mereka yang mengendalikan perkahwinan melalui adat Iban ini lebih-lebih lagi dalam mengendalikan perkahwinan yang melibatkan individu yang berkahwin di bawah umur. Hal ini demikian supaya mereka yang menguruskan perkahwinan melalui adat Iban

ini dapat membantu serta membimbing individu yang ingin berkahwin dengan menggunakan undang- undang perkahwinan adat Iban dalam menguruskan pendaftaran perkahwinan mengikut prosedur yang betul dan tepat. Dalam kajian ini dapat dilihat bahawa kesemua informan kategori ini mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik dalam membantu individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban menguruskan pendaftaran perkahwinan mereka.

4.5.5 Hak dan Keistimewaan

Bahagian ini akan menjelaskan tentang hak dan keistimewaan yang terdapat di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Informan B ada menyatakan bahawa sijil perkahwinan yang didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban sudah setaraf dengan sijil perkahwinan yang dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Perkara ini dapat dibuktikan melalui kenyataan daripada Informan B:

> "*Sebab sekarang ni, sijil kahwin yang didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban sudah setaraf dengan sijil kahwin yang didaftarkan di bawah JPN. Jadi senanglah untuk pasangan yang berkahwin dengan menggunakan adat Iban mendaftarkan sijil beranak anak mereka. Begitulah dia ya mmm. Inilah dia salah satu hak yang mereka akan dapat"* (**Informan B**)

Informan J turut memberikan pendapat tentang hak dan keistimewaan iaitu pasangan yang mempunyai sijil perkahwinan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban akan dijaga dan diperhatikan oleh mereka yang memegang adat Iban.

> *"Benda ni. Tentang perkara ni, sijil kahwin ni memang bagus sebab apabila dah ada sijil kahwin, ini bermaksud mereka ni memang dijaga atau diperhatikan oleh mereka yang memegang adat Iban. Contoh kalau si suami curang, si isteri boleh datang berjumpa dengan kami untuk meminta pertolongan kami untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan menggunakan adat Iban. Begitu juga sekiranya si isteri curang, suami boleh datang berjumpa dengan kami. Inilah salah satu keistimewaannya apabila kita ada sijil kahwin. Mereka yang berkahwin bawah umur juga boleh datang berjumpa dengan kami sekiranya mengalami sebarang masalah di dalam rumah tangga dan akan cuba membantu sekiranya dakwaan masalah yang mereka alami ada berkaitan dengan perkara yang terdapat di dalam adat Iban"* **(Informan J)**

Informan J juga menyatakan bahawa sekiranya pasangan tersebut mempunyai masalah yang tidak dapat diselesaikan sehingga menyebabkan pergaduhan besar berlaku, mereka boleh datang kepada penghulu kampung dan mereka akan membantu mereka untuk menyelesaikannya. Begitu juga dengan pasangan yang berkahwin di bawah umur, mereka juga boleh datang berjumpa dengan penghulu kampung untuk memberitahu masalah yang dihadapi.

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan kategori ini, informan dapat

dilihat tidak dapat memberikan contoh tentang hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban secara terperinci. Perkara ini dapat menyebabkan mereka juga tidak mampu untuk menerangkan dengan baik kepada individu yang berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban tentang hak dan keistimewaan yang terdapat dalam perkahwinan adat Iban. Adat Iban 1993 ini dibuat bagi memastikan setiap Masyarakat Iban sentiasa bertoleransi dan dapat hidup dalam harmoni bersama yang lain supaya dapat membawa keberkatan dalam diri dan orang lain. Di samping itu, undang-undang adat Iban ini dibuat untuk dijadikan panduan kepada masyarakat Iban supaya tidak melakukan sesuatu perkara yang tidak dibenarkan. Dengan panduan yang terkandung di dalam Adat Iban 1993 ini, pasangan yang berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dapat dilindungi daripada melanggar peraturan yang mampu untuk memecah belahkan keluarga. Sekiranya ada yang melanggar panduan yang terdapat dalam Adat Iban 1993 ini, mereka akan dikenakan tindakan dan diberikan denda oleh pemegang adat.

4.6 Strategi Pemantauan Individu yang Telah Berkahwin di Bawah Umur

Bahagian ini akan membantu pengkaji untuk mencari maklumat bagi menjawab persoalan kajian ketiga iaitu “berdasarkan pandangan daripada tuai rumah dan penghulu kampung, apakah cadangan strategi pemantauan bagi individu yang telah berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak?”. Terdapat tiga subtema yang akan dibahaskan dalam bahagian ini. Antaranya adalah (i) pemantauan berkala, (ii) pengendalian kursus pra perkahwinan, dan (iii) kerelevanan undang-undang perkahwinan adat Iban.

4.6.1 Pemantauan Berkala

Bagi membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan

undang-undang perkahwinan adat Iban, pengkaji juga ada menanyakan kepada informan kajian yang terdiri daripada tuai rumah dan penghulu kampung tentang pemantauan yang dilakukan terhadap individu yang berkahwin di bawah umur. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan kajian ini, kesemua mereka menyatakan bahawa mereka tidak pernah memantau pasangan yang berkahwin di bawah umur selepas berkahwin. Perkara ini dapat dilihat di dalam kenyataan yang diberikan oleh Informan A:

> *"Kalau saya, memang tidak ada kami pergi memantau mereka selepas berkahwin. Tetapi, kalau perkara yang sudah menjadi kes dan diketahui oleh pihak JKM aaa, mereka lah yang akan memantau pasangan tersebut"* **(Informan A)**

Informan B turut memberitahu bahawa beliau juga tidak pernah memantau pasangan yang diuruskan ketika berkahwin di bawah umur selepas berkahwin, namun pernah terserempak dengan pasangan tersebut dan ada menanyakan khabar berita mereka. Kenyataan Informan B:

> *"Aaa, setakat ni belum pernah ya. Tidak juga saya mahu berbohong. Tetapi kalau ada terjumpa mereka di mana- mana adalah juga saya bertanya khabar dengan mereka, bertanya macam mana hubungan mereka dengan pasangan mereka. Dalam keadaan baik atau tidak kah. Itu saja lah yang saya selalu buat"* **(Informan B)**

Pengkaji meneruskan soalan dengan soalan berikutnya iaitu, adakah mereka perlu

dipantau atau diperiksa selepas berkahwin terutama sekali pasangan yang berkahwin di bawah umur. Hasil kajian mendapati bahawa hanya Informan B yang bersetuju untuk memantau atau memeriksa pasangan yang berkahwin di bawah umur selepas berkahwin. Informan B menyatakan bahawa pasangan yang berkahwin di bawah umur ini belum mampu untuk berfikir dengan matang dalam membuat keputusan jadi wajarlah sekiranya ada yang perlu memantau atau memeriksa keadaan mereka selepas berkahwin. Kenyataan daripada Informan B:

> *"Aaa mmm, perlu juga, sebab mereka ni kan berkahwin di bawah umur, jadi mereka ni belum dapat berfikir dengan matang untuk membuat keputusan yang baik untuk kehidupan berumah tangga. Macam yang saya cakap tadi, sekiranya saya terjumpa dengan mereka di luar, saya memang selalu bertanya tentang khabar mereka untuk memeriksa keadaan mereka lah. Sekiranya mereka ada masalah yang serius dalam rumah tangga contohnya bergaduh sampai mendera pasangan, mereka boleh datang berjumpa dengan kami dan menceritakan perkara yang terjadi kepada kami. Kami sebagai penghulu juga berhak untuk memanggil pasangan ini untuk berjumpa dengan kami dan memberi sedikit teguran lah kepada mereka untuk membantu mereka menyelesaikan masalah yang dialami oleh pasangan tersebut"* **(Informan**

B)

Informan A dan Informan J hanya memberitahu bahawa mereka hanya boleh memberi nasihat serta tunjuk ajar kepada pasangan yang berkahwin di bawah umur namun memberitahu bahawa tuai rumah yang perlu memantau keadaan pasangan tersebut kerana mereka tinggal di satu rumah panjang. Berikut merupakan kenyataan daripada Informan A:

> *"Selalunya, semasa pasangan yang mahu berkahwin ni tengah mengisi borang, saya memang selalu beri nasihat lah dekat mereka, mesti hidup dalam harmonis, kalau ada masalah, berbincang lah untuk menyelesaikannya, jangan bergaduh dan bekerjasama lah dalam membangun rumah tangga yang aman dan bahagia. Saya selalu juga mengingati tuai rumah sekiranya penduduk di rumah panjangnya ada yang berkahwin di bawah umur, sebagai tuai rumah, mereka juga perlu memantau pasangan tersebut. Tuai rumah perlu memantau dari segi memberi nasihat kepada pasangan tersebut, membimbing mereka untuk membangun keluarga yang hidup dalam aman dan bahagia, menasihat mereka tentang tanggungjawab sebagai suami dan tanggungjawab sebagai seorang isteri. Inilah perkara yang kami selalu ingatkan kepada tuai rumah. Kalau dari saya sebagai*

penghulu, saya hanya akan memberi nasihat kepada mereka semasa mereka datang berjumpa dengan saya untuk mengisi borang kahwin saja lah, selebihnya saya serahkan kepada tuai rumah lah untuk memantau pasangan tersebut" **(Informan A)**

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan kategori penghulu dan tuai rumah, kesemua mereka menyatakan bahawa mereka tidak pernah memantau pasangan yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan adat Iban selepas berkahwin. Namun begitu, majoriti informan kategori ini memberitahu bahawa mereka ada bertanya khabar dengan pasangan tersebut ketika terserempak di mana-mana. Pemantauan selepas berkahwin terhadap pasangan yang berkahwin di bawah umur ini sangat penting bagi memastikan mereka mampu untuk berdikari dalam menguruskan rumah tangga dan mampu membuat keputusan dengan baik seperti orang dewasa yang lain. Dengan pemantauan berkala, pihak yang berkaitan dapat mengetahui sekiranya terdapat masalah yang dihadapi oleh pasangan yang berkahwin di bawah umur dan dapat membantu mereka untuk menyelesaikan masalah tersebut. Pasangan tersebut juga boleh merujuk kepada pihak berkaitan yang datang melakukan pemantauan mengenai informasi yang ingin diketahui oleh mereka berkaitan dengan hal pengurusan rumah tangga dan perkahwinan.

4.6.2 Pengendalian Kursus Pra Perkahwinan

Di samping itu, pengkaji turut menanyakan pendapat mengenai pengendalian kursus pra perkahwinan terhadap individu yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan kategori penghulu dan tuai rumah kajian ini, Informan A memberikan cadangan kepada

agensi luar yang berkaitan dengan undang-undang perkahwinan adat Iban untuk memberikan kursus pra- perkahwinan kepada pasangan yang ingin berkahwin dengan menggunakan adat Iban seperti kenyataannya:

> *"Ya, boleh. Kursus pra-perkahwinan boleh dibuat untuk mereka yang ingin berkahwin dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban terutama sekali untuk mereka yang ingin berkahwin di bawah umur. Supaya nanti mereka boleh mempersiapkan diri lah secara mental dan fizikal untuk menghadapi alam perkahwinan"*
>
> **(Informan A)**

Informan J turut memberikan cadangan beliau iaitu agensi yang berkaitan boleh membuat satu program seperti pengurusan rumah tangga supaya pasangan yang ingin berkahwin tersebut boleh mempersiapkan diri untuk menggalas tanggungjawab masing-masing di dalam keluarga mereka. Kenyataan daripada Informan J:

> *"Hmmm, macam mana ooo. Kalau pendapat saya, mmm bagus agensi tu buat program lah untuk mereka yang berkahwin menggunakan adat Iban terutama sekali mereka yang berkahwin di bawah umur. Paling bagus kalau program pengurusan rumah tangga boleh dibuat sebelum pasangan tersebut berkahwin secara sah. Kenapa perlu dibuat sebelum berkahwin? Supaya nanti mereka mampu untuk menjaga rumah tangga kerana mereka*

mempunyai perancangan lah macam mana mau uruskan rumah tangga. Program begini sangat bagus kalau dapat dibuat lebih- lebih lagi bagi mereka yang berkahwin di bawah umur supaya mereka boleh belajar menguruskan rumah tangga, mengetahui tanggungjawab masing-masing selepas berkahwin. Begitu lah dia" **(Informan J)**

Berdasarkan temu bual bersama informan kategori ini, kursus pra perkahwinan belum pernah diadakan bagi mereka yang akan berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban terutama sekali kepada individu yang ingin berkahwin di bawah umur. Kursus pra perkahwinan boleh dibuat untuk mereka yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban bagi mempersiapkan diri untuk memasuki alam perkahwinan terutama sekali untuk menambah pengetahuan mereka dalam pengurusan rumah tangga serta perancangan keluarga. Lebni et al. (2023) juga menyarankan agar program seperti ceramah mengenai alam perkahwinan boleh dibuat bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para wanita yang berkahwin muda terhadap pengurusan rumah tangga dan juga pengurusan dalam perancangan keluarga.

Selain itu, kursus pra perkahwinan boleh dibuat bagi mereka yang akan berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban terutama sekali mereka yang ingin berkahwin di bawah umur bagi mengelakkan keganasan rumah tangga berlaku serta dapat mengelakkan ketidakharmonian dalam rumah tangga pasangan tersebut selepas berkahwin. Bagi mengelakkan keganasan rumah tangga serta ketidakharmonian dalam rumah tangga, mempunyai pengetahuan yang banyak dalam menguruskan hal rumah tangga dengan baik sangat diperlukan oleh pasangan yang akan berkahwin bagi

menempuhi cabaran kehidupan selepas berkahwin. Satu kajian telah dibuat oleh Moodi et al. (2013) tentang kesan pengajaran terhadap pengetahuan pasangan yang menghadiri kursus perkahwinan menunjukkan bahawa sebelum menghadiri kursus pra perkahwinan, para responden kajian ini mempunyai peratusan yang agak tinggu iaitu 83.2% bagi pasangan yang tidak mempunyai sebarang pengetahuan terhadap pengurusan rumah tangga, tetapi selepas menghadiri kursus pra perkahwinan peratusan tersebut menurun menjadi 60.4%. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Moodi et al. (2013) ini, kursus pra perkahwinan seharusnya diadakan bagi mereka yang ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban bagi membantu mereka untuk menambahkan ilmu pengetahuan terhadap pengurusan rumah tangga.

4.6.3 Kerelevanan Undang-Undang Perkahwinan Adat Iban

Kesemua informan kajian telah menyatakan bahawa kekuatan yang terdapat di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban adalah sijil perkahwinan yang didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban kini sudah setaraf dengan yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kenyataan daripada Informan J dapat dilihat:

> *"Untuk undang-undang perkahwinan adat Iban ni kalau dulu-dulu, dia masih belum setaraf dengan JPN la. Jadi kalau sekarang, dia sudah diiktiraf la. Sijil kahwin yang dikeluarkan daripada undang-undang perkahwinan adat Iban ini sudah dikenali oleh JPN sekarang. Kiranya dua- dua jenis perkahwinan ni boleh diguna lah sekarang. Setaraf dengan JPN sudah. Inilah dia kelebihan yang*

terdapat di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban" **(Informan J)**

Informan B juga turut memberikan pendapat yang sama dengan Informan J iaitu:

"Hmm ya. Untuk kelebihan adat Iban ni pula, sijil kahwin yang didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban sudah setaraf dengan sijil kahwin yang didaftarkan di bawah JPN" **(Informan B)**

Bagi kelemahan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban adalah menurut Informan A, yang pertama sekiranya pasangan yang berkahwin ingin bercerai, masalah berlaku kerana harta yang dituntut adalah sangat besar dan perkara tersebut tidak dapat diselesaikan di mahkamah adat. Kenyataan daripada Informan A:

"Satu lagi kelemahan undang-undang ni yang saya perasan adalah, sekiranya pasangan yang berkahwin ni ingin bercerai, aaa susah untuk pasangan ini menuntut harta sepencarian yang besar-besar. Sebab kalau mereka bercerai depan kami penghulu, kami tidak boleh uruskan kalau harta yang ingin dituntut tu mencecah sampai ratusan ribu. Perkara ni tidak boleh diatur di dalam mahkamah adat" **(Informan A)**

Informan B menyatakan bahawa kelemahan bagi undang-undang perkahwinan adat Iban adalah hukuman atau denda yang dikenakan kepada mereka yang berkahwin di

bawah umur sangat ringan dan beliau berpendapat bahawa umur 16 tahun bagi perempuan masih belum matang untuk berkahwin. Berikut adalah kenyataan daripada Informan B:

> *"Saya akan mulakan dengan kelemahan dia dulu ooo. Antara kelemahan yang terdapat dalam adat Iban ni pada pendapat saya adalah, hukuman atau denda untuk mereka yang berkahwin di bawah umur ni sangat lah ringan. Selepas itu, had umur yang dibenarkan untuk berkahwin ni juga kalau boleh naikkan lagi untuk kaum perempuan. Naikkan kepada umur 18 tahun sebab kalau 16 tahun ni pada pendapat saya umur ni masih terlalu muda untuk berkahwin."* **(Informan B)**

Informan J menyatakan pendapat bahawa undang-undang perkahwinan adat Iban tidak mempunyai sebarang kelemahan kerana beliau menyatakan bahawa:

> *"Aaa kelemahannya ya. Jadi, kelemahannya disini adalah, saya rasa tidak ada, sebab kalau semua orang menghormati dan mematuhi segala aturan yang terdapat di dalam adat Iban. Sebab aaa selalunya kalau kami menghadiri kursus, kami selalu diterangkan perkara yang berkaitan dengan adat Iban dan setakat ini belum ada lagi lah kekurangan yang kami kenal pasti"* **(Informan J)**

Antara kelemahan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban yang diberitahu oleh informan kategori penghulu dan tuai rumah adalah tentang penuntutan harta yang besar tidak dapat dilakukan dalam mahkamah adat sekiranya pasangan tersebut ingin bercerai. Sekiranya sukar untuk menuntut harta yang besar dalam mahkamah adat akan menambahkan beban kepada pasangan yang ingin bercerai kerana proses perceraian akan melibatkan pembahagian harta selepas bercerai dan perkara ini akan menyukarkan keadaan atau proses pasangan yang ingin bercerai dengan lancar. Informan juga turut menyatakan bahawa hukuman atau denda yang dikenakan kepada mereka yang berkahwin di bawah had umur yang dibenarkan adalah sangat ringan.

Bagi kelebihan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban pula, majoriti mereka memberitahu bahawa sijil perkahwinan yang didaftarkan di bawah undang- undang perkahwinan adat Iban adalah setaraf dengan sijil perkahwinan yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara. Perkara ini dapat membantu pasangan yang ingin berkahwin dapat memilih undang-undang perkahwinan mana yang sesuai dengan keinginan mereka lebih-lebih lagi kepada mereka yang ingin berkahwin di bawah umur kerana hanya undang-undang perkahwinan adat sahaja yang memberi kelonggaran kepada mereka untuk berkahwin.

Setiap undang-undang yang dibuat mempunyai kelebihan dan kelemahan terhadap individu yang menggunakannya. Namun begitu, undang-undang Adat Iban 1993 ini dibuat secara adil dan saksama terhadap masyarakat Iban. Contohnya, berdasarkan Adat Iban 1993, undang-undang perkahwinan adat Iban yang terkandung dalam Adat Iban 1993 ini dibuat secara adil dan saksama terhadap wanita dan lelaki kerana perkara tersebut tidak dinyatakan secara khusus untuk lelaki sahaja atau wanita sahaja.

4.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, informan dalam kategori individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban mampu untuk memberikan maklumat yang diminta oleh pengkaji walaupun ada sesetengah soalan yang sukar dijawab kerana tiada pendedahan daripada mana-mana pihak tentang undang-undang perkahwinan adat Iban kepada mereka. Selain itu, berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan dalam kategori tuai rumah dan penghulu, mereka sangat berpengalaman dalam mengendalikan perkahwinan bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dan mereka juga mempunyai pengetahuan serta pemahaman yang baik terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban ini.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 akan membincangkan tentang rumusan keseluruhan dapatan kajian tentang isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Perbincangan bab ini merangkumi tiga bahagian iaitu; (i) rumusan dapatan kajian, (ii) batasan kajian, dan (iii) cadangan yang berkaitan dengan kajian ini.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Terdapat empat tema yang diperolehi oleh pengkaji berdasarkan analisis yang telah dijalankan bagi kajian meneroka isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang- undang perkahwinan adat di Sarawak yang memberi fokus kepada adat Iban. Tema yang pertama adalah tentang pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Bagi tema pertama ini, ianya mengandungi tiga subtema. Subtema pertama adalah pemahaman individu yang berkahwin di bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan jawapan daripada informan serta pemerhatian oleh pengkaji semasa sesi temu bual, informan kategori ini dilihat kurang peka terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban sehingga menyebabkan mereka tidak mengetahui atau tidak tahu langsung mengenai undang-undang ini. Kekurangan pengetahuan ini mencerminkan tahap kesedaran tentang undang-undang adat yang rendah dalam kalangan individu yang berkahwin di bawah umur sama ada atas faktor sosial, tekanan keluarga atau pengaruh persekitaran. Hasil kajian ini selari dengan kajian Kohno et al. (2020) yang mendapati perempuan yang berkahwin di bawah umur di Sarawak sememangnya

mempunyai tahap pengetahuan yang rendah terhadap implikasi perkahwinan bawah umur termasuk dari aspek kesihatan reproduktif dan undang-undang. Kajian Kohno et al. (2020) turut menunjukkan bahawa perkahwinan bawah umur sering berlaku dalam kalangan remaja yang tidak didedahkan kepada maklumat mencukupi khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Persamaan hasil kajian ini menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran dan pengetahuan undang-undang bukanlah isu terpencil, tetapi merupakan masalah menyeluruh dalam kalangan individu yang berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. Keadaan ini menuntut keperluan pendekatan pendidikan dan advokasi undang-undang adat yang lebih menyeluruh dalam masyarakat Iban khususnya bagi memastikan golongan muda memahami hak, tanggungjawab serta implikasi undang-undang sebelum berkahwin.

Subtema kedua dari tema yang pertama adalah tentang pengetahuan individu yang berkahwin di bawah umur terhadap prosedur perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Di bawah subtema ini, informan dilihat mampu untuk memberitahu pengkaji tentang prosedur yang diperlukan untuk berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Subtema yang ketiga adalah pemahaman individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban terhadap had umur yang dibenarkan untuk berkahwin. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan, mereka hanya mampu memberikan andaian angka had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Melnikas et al. (2021) yang mendapati bahawa walaupun umur minimum perkahwinan ditetapkan kepada 18 tahun, kebanyakan masyarakat tidak benar-benar memahami peruntukan undang-undang tersebut. Mereka hanya mengetahui secara

umum tentang larangan perkahwinan bawah umur tanpa memahami butiran atau implikasinya. Akibatnya, wujud andaian sendiri tentang umur yang dibenarkan untuk berkahwin. Penemuan ini selari dengan hasil kajian ini, dimana informan kajian ini juga hanya mampu memberikan andaian angka had umur perkahwinan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban tanpa pengetahuan jelas mengenai ketepatan sebenar. Hal ini membuktikan bahawa pemahaman terhadap undang-undang perkahwinan seringkali bersifat andaian dan tidak formal terutama dalam masyarakat yang berasaskan adat dan tradisi.

Tema kedua adalah hak dan keistimewaan yang diperolehi individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak. Subtema pertama bagi tema kedua ini adalah pengetahuan terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji semasa menemu bual informan kategori ini dilihat kurang peka dengan maklumat yang berkaitan dengan hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang- undang perkahwinan adat Iban apabila majoriti daripada mereka tidak pernah mendengar tentang hak dan keistimewaan tersebut. Kajian bertajuk "Mengapa gadis berkahwin awal di Sarawak: Satu kajian kualitatif penerokaan" yang dikaji oleh Kohno et al. (2020) memberi gambaran jelas tentang faktor dan tahap pengetahuan gadis yang berkahwin di bawah umur di Sarawak. Walaupun kajian ini tidak membincangkan secara khusus mengenai hak dan keistimewaan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban, ia mendapati bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan yang terhad mengenai implikasi perkahwinan awal termasuk aspek undang-undang, hak dan perlindungan yang sepatutnya mereka ketahui. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian ini yang menunjukkan bahawa informan kajian ini kurang peka

terhadap hak dan keistimewaan dalam undang-undang perkahwinan adat Iban malah ramai yang tidak pernah mendengar tentangnya. Justeru itu, kajian ini dapat memperkukuh hujah bahawa jurang pengetahuan terhadap hak perkahwinan dalam kalangan pasangan bawah umur bukanlah fenomena asing dalam masyarakat Iban sahaja bahkan ia turut berlaku dalam kalangan masyarakat lain di Sarawak. Secara keseluruhanya, kekurangan pengetahuan ini boleh menyebabkan pasangan muda terdedah kepada ketidakadilan seperti tidak mendapat nafkah, hak penjagaan anak atau perlindungan jika berlaku keganasan rumahtangga. Dalam jangka panjang, ia juga boleh melemahkan fungsi undang-undang adat Iban kerana hak yang sedia ada tidak dimanfaatkan.

Tema ketiga adalah tentang pengetahuan serta pengalaman tuai rumah dan penghulu kampung mengendalikan perkahwinan bawah umur berlandaskan undang-undang perkahwinan adat Iban. Subtema pertama bagi tema ketiga adalah pemahaman tuai rumah dan penghulu kampung terhadap konsep perkahwinan bawah umur. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan kategori ini, kesemua mereka dilihat agak memahami konsep perkahwinan bawah umur. Namun begitu, mereka tidak menerangkan konsep perkahwinan bawah umur ini dengan lebih lanjut dan lebih mendalam. Hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian Khalid et al. (2025) yang mendapati bahawa walaupun pemimpin tradisional dan pemimpin agama mempunyai pemahaman asas mengenai isu perkahwinan bawah umur, mereka juga kurang mempunyai pemahaman yang menyeluruh mengenai konsep tersebut dan ianya seringkali dilihat dalam konteks tradisi atau agama. Persamaan ini menguatkan bahawa dalam pelbagai konteks budaya dan geografi, pemimpin masyarakat yang berperanan dalam pengurusan perkahwinan bawah umur biasanya mempunyai pengetahuan asas tetapi tidak secara mendalam tentang isu

itu. Oleh itu, dapatan kajian ini menekankan keperluan untuk mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran pemimpinan tradisional agar mereka dapat menjalankan peranan dengan lebih efektif dalam menangani isu perkahwinan bawah umur secara holistik dan berinformasi.

Subtema kedua dalam tema ketiga adalah pemahaman tuai rumah dan penghulu kampung terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. Kesemua informan mempunyai pemahaman yang agak baik tentang undang-undang perkahwinan adat Iban. Subtema ketiga pula adalah pengalaman mereka dalam mengendalikan perkahwinan bawah umur. Berdasarkan pengalaman informan kategori tuai rumah dan penghulu kampung dalam mengendalikan perkahwinan bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban, dapat disimpulkan bahawa ada diantara mereka yang pernah menguruskan lebih daripada 10 individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang ini dan kesemua mereka mempunyai pengalaman yang secukupnya. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Amany et al. (2023) yang menunjukkan bahawa pemimpin masyarakat mempunyai pengalaman menguruskan perkahwinan bawah umur walaupun konsep dan implikasi perkahwinan tersebut sering dipengaruhi oleh tradisi dan budaya tempatan. Ini jelas menonjolkan peranan penting pemimpin masyarakat dalam pengurusan perkahwinan bawah umur serta menekankan kepentingan pengalaman bagi melindungi individu yang berkahwin bawah umur.

Subtema keempat dalam tema yang ketiga adalah berkaitan dengan prosedur dan had umur berkahwin muda. Kesemua informan mampu untuk menjelaskan tentang prosedur yang diperlukan dengan sangat baik dan mereka juga mampu untuk memberitahu tentang had umur yang dibenarkan untuk berkahwin di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban. Subtema kelima dalam tema ketiga adalah berkaitan dengan hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat

Iban. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, mereka tidak mampu untuk memberikan contoh hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang ini. Hasil kajian ini adalah sejajar dengan penemuan Tan et al. (2025) yang mendapati bahawa komuniti Suku Laut di Kabupaten Lingga Indonesia mengamalkan perkahwinan bawah umur berasaskan budaya "timbal balas" namun tidak menunjukkan pengetahuan jelas tentang hak dan keistimewaan dalam undang-undang perkahwinan adat mereka. Kekurangan pemahaman ini turut menyumbang kepada berlakunya konflik antara undang-undang adat dari undang-undang sivil. Keadaan ini mencerminkan situasi sebenar dalam kalangan masyarakat Iban, dimana wujud jurang pengetahuan terhadap hak dan keistimewaan perkahwinan adat sekaligus menunjukkan bahawa masalah ini bukan hanya bersifat setempat tetapi juga berlaku dalam masyarakat adat lain di rantau Asia Tenggara. Secara dasarnya, pengetahuan yang rendah terhadap hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban, boleh melemahkan lagi perlindungan hak individu dan pelaksanaan undang-undang adat itu sendiri.

Tema keempat adalah tentang strategi pemantauan individu yang telah berkahwin di bawah umur. Subtema pertama bagi tema keempat adalah, pemantauan berkala terhadap individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban. Kesemua informan kategori tuai rumah dan penghulu kampung memberitahu bahawa mereka tidak pernah memantau individu yang berkahwin di bawah umur selepas berkahwin. Dari aspek penguatkuasaan undang-undang adat, pemantauan sepatutnya menjadi mekanisme kawalan sosial bagi memastikan tanggungjawab selepas perkahwinan dipenuhi, namun tanpa pemantauan undang-undang adat tidak dapat berfungsi dengan berkesan kerana tiada pihak memastikan hak pasangan yang kahwin bawah umur terpelihara. Ini sekaligus melemahkan kredibiliti kepimpinan adat dan sistem

perundangan itu sendiri. Dari sudut sosial pula, ketiadaan pemantauan boleh mencetuskan masalah yang lebih besar seperti peningkatan kadar perceraian awal, konflik rumahtangga, kemiskinan berpanjangan dan ketidaktentuan masa depan individu yang berkahwin bawah umur. Antara cadangan pemantauan yang boleh dilakukan oleh Tuai Rumah dan Penghulu Kampung adalah dengan memastikan bahawa pasangan ini mempunyai tempat tinggal yang selamat serta mendapat sokongan keluarga, memantau kesihatan melalui pemeriksaan berkala dan mengelakkan penderaan. Selain itu, lawatan dan perjumpaan berkala juga dapat membantu memantau hubungan keluarga dan sosial. Seterusnya, pasangan tersebut juga harus dibimbing mengenai perancangan keluarga dan kesihatan reproduktif. Pemantauan menyeluruh ini dapat membantu membina rumahtangga yang stabil dan menjaga keharmonian masyarakat rumah panjang.

Subtema seterusnya adalah tentang kerelevanan undang-undang perkahwinan adat Iban. Subtema ini menjelaskan tentang kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Majoriti informan kategori tuai rumah dan penghulu kampung mampu untuk membahaskan tentang kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Seperti contoh dari segi kekuatannya iaitu sijil perkahwinan yang didaftarkan di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban adalah setaraf dengan sijil perkahwinan yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Hasil kajian ini menunjukkan bahawa undang-undang perkahwinan adat Iban masih relevan dalam masyarakat dan telah berjaya mencapai tahap pengiktirafan yang tinggi dalam kerangka undang-undang negara. Ini dapat dilihat melalui pengiktirafan sijil perkahwinan adat Iban yang dianggap setaraf dengan sijil perkahwinan rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Pengiktirafan ini menggambarkan kekuatan undang-undang perkahwinan adat Iban,

bukan sahaja dari segi pematuhan terhadap nilai dan struktur sosial masyarakat, tetapi juga dari aspek integrasi ke dalam sistem perundangan formal. Penemuan ini dapat dikaitkan dengan kajian Hariati et al. (2024) yang menekankan bahawa perkahwinan adat mempunyai nilai budaya dan sosial yang tinggi serta berperanan penting dalam mengekalkan identiti komuniti.

5.3 Limitasi Kajian

Limitasi kajian merujuk kepada batasan atau kekangan yang mungkin mempengaruhi proses atau dapatan kajian semasa pengkaji menjalankan kajian ini. Berikut adalah beberapa limitasi kajian ini; (i) keterhadapan data atau saiz sampel yang kecil, (ii) lokasi kajian, dan (iii) kekangan sumber.

5.3.1 Keterhadapan Data atau Saiz Sampel yang Kecil

Salah satu limitasi utama dalam kajian ini adalah saiz sampel yang kecil, iaitu hanya melibatkan sepuluh informan yang terlibat dalam sesi temu bual. Hal ini kerana pengkaji menghadapi cabaran dalam mendapatkan data terkini berkaitan individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban disebabkan oleh isu seperti privasi dan kerahsiaan dalam penyimpanan data tersebut. Pengkaji telah mendapatkan sedikit data individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat di Sarawak daripada Majlis Adat Istiadat Sarawak dari tahun 2016 sehingga Jun 2021. Namun begitu, pengkaji mengalami kesukaran untuk mendapatkan data terkini daripada Majlis Adat Istiadat Sarawak disebabkan privasi dan kerahsiaan dalam penyimpanan data tersebut.

5.3.2 Lokasi Kajian

Lokasi kajian hanya tertumpu kepada dua bahagian sahaja, iaitu Sibu dan Sarikei. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi di Sarawak. Kekangan geografi ini menghadkan kemampuan kajian untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang isu perkahwinan bawah umur dalam masyarakat adat Iban di Sarawak secara keseluruhanya.

5.3.3 Kekangan Sumber

Pengkaji juga menghadapi kekurangan bahan rujukan kerana kajian mengenai undang-undang perkahwinan adat Iban yang melibatkan perkahwinan bawah umur sangat terhad. Kekurangan bahan rujukan ini memberi kesan langsung kepada penulisan bab literatur dalam kajian ini, menjadikan proses penyediaan tinjauan literatur lebih mencabar.

5.4 Cadangan Kajian

5.4.1 Tuai Rumah dan Penghulu Kampung

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji semasa menemu bual Tuai Rumah dan Penghulu Kampung, pengkaji mendapati bahawa hampir kesemua mereka kurang mengetahui tentang hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Justeru itu, pengkaji mencadangkan agar Tuai Rumah dan Penghulu Kampung dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang hak dan keistimewaan dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Hal ini demikian kerana, Tuai Rumah dan Penghulu Kampung berperanan penting sebagai pemimpin akar umbi dalam memastikan setiap perkahwinan dalam masyarakat Iban dilaksanakan mengikut

adat dan undang-undang yang sah. Oleh itu, mereka perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang peraturan dan hak yang termaktub dalam undang-undang perkahwinan adat Iban. Dengan pemahaman yang kukuh, Tuai Rumah dan Penghulu Kampung dapat memberikan nasihat yang tepat kepada pasangan muda serta keluarga sekaligus mengelakkan sebarang perkahwinan bawah umur daripada berlaku. Mereka juga dapat menjadi penguatkuasa adat yang memastikan semua perkahwinan memenuhi syarat umur minimum dan prosedur yang sah. Selain itu, Tuai Rumah dan Penghulu Kampung boleh membantu menyebarkan maklumat tentang implikasi undang-undang dan sosial terhadap perkahwinan awal, termasuk kesannya terhadap masa depan kanak-kanak. Peranan aktif mereka akan memperkukuh pelaksanaan adat dalam melindungi golongan muda.

Cadangan kedua untuk Tuai Rumah dan Penghulu Kampung adalah mereka hendaklah mempunyai pengetahuan yang luas tentang hak kanak-kanak bagi mencegah perkahwinan bawah umur. Sebagai pemimpin masyarakat, Tuai Rumah dan Penghulu Kampung perlu didedahkan dengan pengetahuan menyeluruh tentang hak kanak-kanak selaras dengan undang-undang Malaysia dan prinsip hak asasi. Kefahaman ini penting bagi membolehkan mereka mengenalpasti dan mencegah situasi yang boleh membawa kepada perkahwinan bawah umur seperti tekanan keluarga, masalah kemiskinan atau kehamilan remaja. Dengan pengetahuan ini juga, mereka dapat menjadi mediator antara keluarga, agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam menyelesaikan isu yang melibatkan remaja tanpa perlu mengambil jalan pintas melalui perkahwinan bawah umur. Selain itu, Tuai Rumah dan Penghulu Kampung yang celik terhadap hak kanak-kanak dapat memainkan peranan sebagai pendidik masyarakat, memberikan penerangan kepada ibu bapa tentang kepentingan pendidikan dan perlindungan terhadap kanak-kanak. Langkah ini secara tidak langsung membentuk persekitaran masyarakat yang lebih peka dan

bertanggungjawab terhadap kesejahteraan kanak-kanak. Kesimpulannya, peranan Tuai Rumah dan Penghulu Kampung amat penting dalam usaha mencegah perkahwinan bawah umur. Dengan pengetahuan yang kukuh tentang undang-undang adat serta kesedaran tentang hak kanak-kanak, mereka dapat menjadi barisan hadapan dalam mendidik, membimbing dan melindungi generasi muda Iban seterusnya membina masyarakat yang lebih progresif dan sejahtera.

5.4.2 Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS)

Majlis Adat Istiadat Sarawak perlu meletakkan klausa dalam Adat Iban 1993 tentang syarat-syarat umur berkahwin dan syarat-syarat lain yang lebih ketat bagi masyarakat Iban. Langkah ini bertujuan untuk memperkukuh undang-undang adat Iban dengan mewujudkan peraturan jelas mengenai umur minimum untuk berkahwin. Kebanyakan kes perkahwinan bawah umur berlaku kerana tiada klausa adat yang tegas atau wujud kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang ini. Antara cadangan pelaksanaan yang dicadangkan oleh pengkaji adalah menetapkan umur minimum perkahwinan selaras dengan undang-undang sivil Malaysia iaitu 18 tahun dan hanya membenarkan pengecualian dalam kes tertentu dengan kebenaran rasmi daripada pihak berkuasa. Seterusnya cadangan pelaksanaan yang kedua adalah, menentukan tindakan atau penalti sekiranya perkahwinan bawah umur dijalankan tanpa kebenaran atau melanggar syarat yang ditetapkan. Dicadangkan juga untuk mengadakan bengkel atau rundingan dengan ketua masyarakat seperti Tuai Rumah dan Penghulu Kampung serta pemimpin tempatan supaya mereka memahami dan menguatkuasakan klausa ini. Kesan positif yang diharapkan daripada pelaksanaan cadangan ini ialah ia dapat mencegah amalan perkahwinan bawah umur yang berpotensi menjejaskan masa depan kanak-kanak khususnya dari segi pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan hidup. Selain itu, ia juga

dapat memberi perlindungan undang-undang adat kepada kanak-kanak Iban bagi memastikan hak mereka terpelihara dan dihormati. Pada masa yang sama, langkah ini dapat membantu menyelaraskan peraturan adat dengan undang-undang sivil serta prinsip hak asasi kanak-kanak sekaligus memperkukuh sistem perlindungan sosial dalam masyarakat Iban.

Program kesedaran memainkan peranan penting dalam mengubah pemikiran dan sikap masyarakat terhadap perkahwinan bawah umur. Hal ini kerana, ramai di antara komuniti luar bandar Iban mungkin tidak memahami kesan jangka panjang perkahwinan bawah umur terhadap kesihatan, pendidikan dan masa depan kanak-kanak. Oleh yang demikian, pihak Majlis Adat Istiadat Sarawak boleh mengadakan ceramah dan bengkel di rumah panjang, sekolah dan pusat komuniti mengenai hak kanak-kanak serta risiko perkahwinan bawah umur. Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar pihak Majlis Adat Istiadat Sarawak turut melibatkan agensi kerajaan, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak serta agensi bukan kerajaan seperti UNICEF Malaysia dalam penyampaian maklumat mengenai isu perkahwinan bawah umur. Pengkaji juga menyarankan agar pihak Majlis Adat Istiadat Sarawak agar menyediakan bahan pendidikan dalam bahasa Iban seperti risalah, poster dan video pendek supaya lebih mudah difahami oleh masyarakat Iban. Melalui pelaksanaan program tersebut, pengetahuan masyarakat Iban terhadap perkahwinan bawah umur dan tentang hak kanak-kanak akan meningkat. Di samping itu, pelaksanaan program ini juga dapat membantu menurunkan kadar perkahwinan bawah umur dalam komuniti luar bandar khususnya komuniti Iban di Sarawak. Kesimpulannya, dengan adanya pelaksanaan klausa dalam undang-undang adat Iban dan pelaksanaan program kesedaran ia diharap dapat membantu Majlis Adat Istiadat Sarawak menangani isu perkahwinan bawah umur secara

menyeluruh. Pelaksanaan ini bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan adat, tetapi juga mengubah minda masyarakat ke arah melindungi hak dan masa depan kanak-kanak Iban.

5.4.3 Pengkaji Akan Datang

Bagi pengkaji-pengkaji masa depan yang berminat untuk menjalankan kajian berkaitan undang-undang perkahwinan adat Iban, pengkaji mencadangkan agar mereka meneroka secara lebih mendalam mengenai hak dan keistimewaan yang terdapat dalam undang-undang ini kepada masyarakat Iban di Sarawak. Fokus utama perlu diberikan kepada individu yang berhasrat untuk berkahwin menggunakan adat Iban. Ini kerana, berdasarkan dapatan kajian ini, informan tidak mempunyai pengetahuan tentang hak dan keistimewaan tersebut kerana mereka tidak pernah diberi pendedahan mengenainya. Dengan memperkenalkan hak dan keistimewaan ini, masyarakat Iban, terutama mereka yang berkahwin di bawah umur, dapat lebih memahami perlindungan dan manfaat yang disediakan oleh undang-undang perkahwinan adat Iban.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa individu yang berkahwin di bawah umur mempunyai tahap pengetahuan yang rendah terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban. Limitasi kajian yang dikenal pasti turut mempengaruhi hasil kajian yang diperoleh. Oleh itu, beberapa cadangan telah dikemukakan, termasuklah pelaksanaan kursus pra-perkahwinan kepada individu yang berhasrat untuk berkahwin menggunakan adat Iban. Kursus ini bertujuan untuk mempersiapkan mereka menghadapi kehidupan selepas berkahwin. Selain itu, pengkaji turut mencadangkan pelaksanaan pemantauan pasca- perkahwinan terhadap pasangan yang berkahwin menggunakan undang-undang adat Iban, terutama bagi mereka yang berkahwin di bawah umur. Langkah ini penting untuk memastikan kesejahteraan pasangan serta membantu mereka

mengatasi cabaran dalam kehidupan berumahtangga.

RUJUKAN

Abera, M., Nega, A., Tefera, Y., & Gelagay, A. A. (2020). Early marriage and women's empowerment: The case of child-brides on Amhara national regional state. Ethiopia. *BMC International Health and Human Rights, 20*(30), 1-16. https://doi.org/10.1186/s12914- 020-00249-5

Ahmad, R., Usop, H., Ismail, A., Bujang, S. & Mansor, N. N. A. (2014). *Conducting research in social sciences and management studies: Practical and Step- by-Step Guide*. Perpustakaan Negara Malaysia, 75 - 111.

Ajayi, A. I. (2021, June 1). *Child marriage and domestic violence: What we found in 16 African countries*. The Conversation. https://theconversation.com/child-marriage-and-domestic-violence-what-we-found-in-16-african-countries-161600

Amany, R. G., Sultan, Syam, R. (2023). Community recognition of child marriage practices: A case in Indonesia. *Indonesian Journal of Social Science Research, 4* (2), 228-235. http://dx.doi.org/10.11594/ijssr.04.02.11.

Astro Awani. (2018, Jun 30). Isu imam nikah budak 11 tahun: Siapa nak lindungi dia? https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-imam-nikah-budak-11-tahun-siapa-nak-lindungi-hak-dia-aktivis-sosial-179296

Benson, E. A. (2021, December 21). *These are Africa's 10 poorest countries in 2021*. Business Insider Africa. https://africa.businessinsider.com/local/lifestyle/top-10-

poorest-countries-in-africa-in-2021/qrsbhj9

Bekele, W. B., & Ago, F. Y. (2022). Sample size for interview in qualitative research in social sciences: A guide to novice researchers. *Research in Educational Policy and Management*, *4*(1), 42-50. https://doi.org/10.46303/repam.2022.3

Bhattacherjee. A. (2012). *Social science research: Principles, methods, and practices.* Digital Commons @ University of South Florida.

Cherry. K. (2023, November 18). *How and why sampling is used in psychology research.* Verywellmind. https://www.verywellmind.com/what-is-a-sample-2795877

Cornell Law School. (n.d). *Law.* Legal Information Institute. https://www.law.cornell.edu/wex/law

Department Of Home Affairs Republic of South Africa. (2025). *Preparing to get married.* eHome Affairs. https://www.dha.gov.za/index.php/civic-services/marriage-certificates

Diala, A. C., & Diala, J. C. (2020). Normative intersectionality in married women's property rights in southern Nigeria. *Law Democracy & Development*, *24*, 2077-4907. http://dx.doi.org/10.17159/2077-4907/2020/ldd.v24.4

Dworkin. S. L. (2012). Sample size policy for qualitative studies using in-depth interviews. *Archive of Sexual Behavior*, 41, 1319-1320. DOI 10.1007/s10508-012-0016-6

Ebuana Portal Gerbang Borneo. (2025). *Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka. https://eborneo.dbp.gov.my/sarawak/

Edward, R. (2020). Adat Iban: A living traditional wisdom ? http://hdl.handle.net/1828/12487

Evans, O. G. (2024, January 17). *Bronfrenner's ecological systems theory*. Simply Psychology. https://www.simplypsychology.org/bronfenbrenner.html

Gaston, C. M., Misunas, C., & Cappa, C. (2019). Child marriage among boys : A global overview of available data. *Vulnerable Children and Youth Studies*, *14*(3), 219-228. https://doi.org/10.1080/17450128.2019.1566584

Girls Not Brides. (n.d). *Child marriage and health*. https://www.girlsnotbrides.org/learning-resources/child-marriage-and-health/

Girls Not Brides. (n.d). *Why it happens*. https://www.girlsnotbrides.org/about-child-marriage/why-child-marriage-happens/

Girls Not Brides. (n.d). *About child marriage*. https://www.girlsnotbrides.org/about-child-marriage/

Haider, M. (2011, September 7). *Bartered in marriage: The bride exchange in rural Pakistan*. DAWN. https://www.dawn.com/news/657239/bartered-in-marriage-the-bride-exchange-in-rural-pakistan

Hariati, S., Jamin, M., & Sulistiyono, A. (2024). The legal status of marriage (Merariq) implementation within the indigenous people of Sasak Lombok. *Jurnal IUS*

Kajian Hukum dan Keadilan, 12 (2), 405-422. http://dx.doi.org/10.29303/v12i2.1475.

Hassim, M. H., Bakar, M. A. A., & Salam, N. Z. M. A. (2020). Spektrum perkahwinan antara Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri, Akta Memperbaharui Undang- Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976 Dan Konvensyen Antarabangsa. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, *7*(1), 20-44.

Helbling, R. Z. (2005, June 20). *Forced marriages and child marriages*. http://assembly.coe.int/nw/xml/XRef/X2H-Xref-ViewHTML.asp?FileID=10969

Ibrahim, R., & Abdullah, S. M. (2018, Julai 9). Peraih didenda RM 1800 kerana kahwin budak 11 tahun. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/07/446977/peraih-didenda-rm1800-kerana-kahwin-budak-11-tahun

Islam, S. (2014, March 28). The custom of Vani: Tit-for-tat, the tribal way. *The Express Tribune*. https://tribune.com.pk/story/688205/the-custom-of-vani-tit-for-tat-the-tribal-way

Ismail, N. A. (2022, Disember 23). Ketahui ngayap, tradisi memikat gadis Iban di malam hari yang telah pupus. *ILoveBorneo*. https://www.iloveborneo.my/ngayap-tradisi- memikat-gadis-iban-di-malam-hari-yang-telah-pupus/

Jasmi. K. A. (2012). Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial. *Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*.

Kamus Bahasa Melayu. (2017). *Undang-undang*. Dewan Bahasa dan Pustaka. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=undang-undang

Khalid, S., Maigemu, A. Y., & Jega, A. M. (2025). Knowledge, attitude and practice of traditional and religious leaders towards girl child marriage in Sokoto State, Nigeria. *International Journal of Social Science Research and Review, 8* (2), 105-114. http://dx.doi.org/10.47814/ijssrr.v8i2.2465.

Kohno, A., Dahlui, M., Farid, N. D. N., Safii, R., & Nakayama, T. (2020). Why girls get married early in Sarawak, Malaysia. *BMC Women Health, 20* (46), 1-13. https://doi.org/10.1186/s12905-020-00911-z

Kumar, A. (2024, November 25). *Population vs sample: Definitions, differences and example.* SimpliLearn. https://www.simplilearn.com/tutorials/machine-learning-tutorial/population-vs-sample#what_is_population

Law for All. (2025). *Customary marriages in South Africa*. https://www.lawforall.co.za/family-relationships/customary-marriages-in-south-africa/

Laws of Sarawak. (2003). *Native customary marriages (maintenance) ordinance*. https://lawnet.sarawak.gov.my/lawnet_file/Ordinance/ORD_Cap.%2055%20watermark.pdf

Lawyer Wangu. (2025, January 23). *Planning a customary marriage? Here's what laws required of you.* https://www.lawyerwangu.com/resource-library/planning-

a-customary-marriage-heres-what-the-law-requires-of-you

Lebni, J. Y., Solhi, M., Azar, F. E. F., Farahani, F. K., & Irandoost, S. F. (2023). Exploring the consequences of early marriage: A conventional content analysis. *The Journal of Health Care Organization, Provision, and Financing*, *60*: 1-14. DOI: 10.1177/00469580231159963

Lee, B. (2013, December 18). *Child marriage*. Council on Foreign Relations. https://www.cfr.org/child-marriage/#!/

Legal Assistance Centre. (2005). *Recognition of customary marriages (A summary of law reform and development commission proposal)*. https://www.lac.org.na/projects/grap/Pdf/custommar2.pdf

Liddy, M., & Wahab, K. A. (2021). Tabu bahasa dalam aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, *17*(2), 375-388. https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-29

Lim, H. P. (2022, June 16). Sarawak's population rises over 2.56 mln in 2020. *Borneo Post Online*. https://www.theborneopost.com/2022/06/16/sarawaks-population-rises-to-over-2-56-mln-in-2020/

Louw, J. P. (2021, April 30). *Customary marriages*. Honey Attorneys. https://honeyattorneys.co.za/customary-marriages/

Majlis Adat Istiadat Sarawak. (2021). *Laporan tahunan Majlis Adat Istiadat Sarawak*.

Malayandi, T. L., & Ismail, S. M. (2021). Preventing child marriage practice in Malaysia to protect children's rights. *Legal Network Series, 1*(23),1-13.

Mangeli, M., Rayyani, M., Cheraghi, M. A., & Tirgari, B. (2017). Exploring the challenges of Adolescent mothers from their life experiences in the transition to motherhood : A qualitative study. *Journal of Family and Reproductive Health, 11*(3), 165-173.

Mardzuki, M. (2019, Disember 4). Perkahwinan bawah umur 16 tahun tetap dilarang. *Utusan Borneo Online*. https://www.utusanborneo.com.my/2019/12/04/perkahwinan-bawah-umur-16-tahun-tetap-dilarang

Masele, E. J., & Lakshmanan, V. (2021). Manisfestations of power and marginality in marriage practices: A qualitative analysis of Sukuma songs in Tanzania. *Journal of International Women's Studies, 22*(1), 386-400.

McLeod. S. (2024). Phenomenology in qualitative research. *Simply Psychology,* 1-15. DOI: 10.13140/RG.2.2.25457.90725.

Melnikas, A. J., Mulauzi, N., Mkandawire, J., & Amin, S. (2021). Perceptions of minimum age at marriage laws and their enforcement: Qualitative evidence from Malawi. *BioMed Central Public Health, 21*, 1-12. https://doi.org/10.1186/s12889-021-11434-z.

Mokoena, L. (2020). *What are the requirements for a valid customary marriage?* Burger Huyser Attorneys. https://www.burgerhuyserattorneys.co.za/what-are-

the-requirements-for-a-valid-customary-marriage/

Moodi, M., Miri, M. R., & Sharifirad, G. R. (2013). The effect of instruction on knowledge and attitude of couples attending pre-marriage counselling classes. *Journal of Education and Health Promotion, 2*(52). DOI: 10.4103/2277-9531.119038

Mughal, S., & Awan, A.G. (2020). Effects of early marriage on girls' education. *Global Journal of Management, Social Sciences and Humanities*, *6(*4*)*, 875-894.

Nurmala, I., Astutik, F. N., & Devi, Y. P. (2020). Surrounding the reason for women to continue the tradition of child marriage. *Utopia Y Praxis Latinoamericana*, *25*(2), 24-32. https://doi.org/10.5281/zenodo.3808599.

Owino, A. (2019, July 15). *Customary marriage: Registration process in Kenya*. Kenyans.co.ke. https://www.kenyans.co.ke/news/41743-customary-marriage-registration-process-kenya

O'Shea, L. (n.d). *No more 'happily ever after' for 650 million girls*. World Vision. https://www.wvi.org/opinion/view/no-more-happily-ever-after-650-million-girls

Panting, A. J., Abdullah, H., Roslan, S., & Ismail, I, A. (2019). Potential social risk factors for teenage pregnancy in Sarawak. *Pertanika Journals Social Sciences and Humanities*, *27*(1), 425-441.

Pilus, F. A. M. (2018, Julai 19). 5,362 Permohonan nikah bawah umur dalam 5 tahun. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/451272/5362permohonan-nikah-bawah-umur-dalam-5-tahun

Ponnupillai, A., & Shanmuganathan, P. (2022, April 13). Collective effort needed to eliminate child marriage by 2030. *New Straits Times*. https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2022/04/788453/collective-effort-needed-eliminate-child-marriage-2030#:~:text=In%20March%202022%2C%20the%20Ministry,Marriage%20(2020%2D2025).

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sarawak. (2022). *Tentang Sarawak*. https://sarawak.gov.my/web/home/article_view/159/176/?id=159

Psaki, S. R., Melnikas, A. J., Haque, E., Saul, G., Misunas, C., Patel, S. K., Ngo, T. & Amin, S. (2021). What are the drivers of child marriage? A conceptual framework to guide policies and programs. *Journal Of Adolescent Health*, *69*, 13-22.

Razali, S. N. H. (2018, Jun 30). Maduku budak 11 tahun. *My Metro*. https://www.hmetro.com.my/utama/2018/06/353293/maduku-budak-11-tahun

Rehan, N., & Qayyum, K. (2017). Customary marriages in rural Pakistan. *Medical Journal of Malaysia*, *72*(3), 175-178.

Roselly, A. (2018, Julai 27). Kanak-kanak non muslims lebih ramai kahwin bawah umur daripada muslim. *SAYS*. https://says.com/my/seismik/non-muslim-lebih-ramai-kahwin-bawah-umur-dari-muslim-ds-wan-azizah-tpm

Ryoji, S. (2001). Rural-urban migration of the Iban of Sarawak and changes in long-house communities. *Geographical Review of Japan, 74*(1), 92-112.

Saim, N. J., Lejem, S., Abdullah, F., & Akhir, N. M. (2018). Perkahwinan remaja: Satu kajian di Kuching Sarawak. *Jurnal Psikologi Malaysia, 32*(3), 47-61.

Saimon, R., Puji, A., & Safii, R. (2021). Prevalence and factors affecting child marriage practice among rural indigenous communities in Sibu, Sarawak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11*(14), 233-244. DOI:10.6007/IJARBSS/v11-i14/8570

Save The Children. (2025). *Child marriage : The devastating end of childhood*. https://www.savethechildren.org/us/charity-stories/child-marriage-a-violation-of-child-rights

Save The Children. (2018). *Working together to end child marriage: How governments can end child marriage by accelerating coordinated action across education, health, protection, and other sectors*. https://resourcecentre.savethechildren.net/document/working-together-end-child-marriage-how-governments-can-end-child-marriage-accelerating/

Selan, S. (2021, March 13). Child marriage in Malaysia: How old is too young? It depends on who you ask. *Malaysia Now.* https://www.malaysianow.com/news/2021/03/13/child-marriage-in-malaysia-how-old-is-too-young-it-depends-on-who-you-ask/

Septi, L. E., Permata, R. V., & Rejekiningsih. (2023, 25 June). Public's legal awareness on child marriage. *Indonesian Journal of Multidisciplinary Science, 2*(9), 3095-3105. https://doi.org/10.55324/ijoms.v2i9.553

Simonson, T. S., Xing, J., Barrett, R., Jerah, E., Loa, P., Zhang, Y., Watkins, W. S., Witherspoon, D. J., Huff, C. D., Woodward, S., Mowry, B., & Jorde, L. B. (2011). Ancestry of the Iban is predominantly Southeast Asian : Genetic evidence from autosomal, mitochondrial, and Y chromosomes. *PLoS ONE*, *6*(1): e16338. doi:10.1371/journal.pone.0016338

Sinrich, J. (2024, October 3). *Is there a best age to get pregnant?* Parents. https://www.parents.com/getting-pregnant/age/timing/the-best-age-to-get-pregnant-according-to-moms/

Stritof, S., & Blomquist, L. (2024, July 26). *What is the definition of marriage?* Brides. https://www.brides.com/definition-of-marriage-2303011

Taesilapasathit, C. (2024). Determinants of child marriage in Thailand: A study among the Hmong communities and Southernmost provinces. *The Journal of*

Behavioral Science, 19 (3), 30-45.

Tan, W., Budi, H. S., Sharullah, R. S., & Kalita, M. (2025). Child marriage in the reciprocity culture of the sea tribe community: Legal conflicts and violations of education and health rights. *Veritas et Justitia, 11* (1), 26-49. https://doi.org/10.25123/0xsjxk19.

Thalib, P. A. & Latumaten, P. E. (2025). Legal problems of minor marriage in the perspective of Customary, Islamic and Civil Law. *Asian Journal of Engineering, Social and Health, 4* (7), 1035-1051. https://doi.org/10.46799/ajesh.v4i7.592.

Thambapillay, S. (2007). The dilemma as to registration of non-muslim customary marriages in Malaysia: Finally laid to rest? *Asia Law Review, 4*(2), 1-19.

The New Humanitarian. (2003, August 20). *Tribal custom forces girls into "Compensation Marriage"*. https://www.thenewhumanitarian.org/news/2003/08/20/tribal-custom-forces-girls-compensation-marriages

The University of Melbourne (2025, January 14). *Southeast asian region countries law.* Library. https://unimelb.libguides.com/c.php?g=930183&p=6721988

UNICEF. (2023, July). *Child marriage is a violation of human and child rights.* https://www.unicef.org/rosa/what-we-do/child-protection/child-marriage

UNICEF. (2023, July). *Child marriage threatens the lives, well being and futures of girls around the world*. https://www.unicef.org/protection/child-marriage

UNICEF. (n.d). *Ending child marriage and adolescent empowerment*. https://www.unicef.org/india/what-we-do/end-child-marriage

UNICEF Malaysia. (2022). Ringkasan advokasi: Ke arah mengakhiri perkahwinan kanak-kanak di Malaysia.

UNICEF Malaysia. (2021, March 1). *Ending child marriage*. https://www.unicef.org/malaysia/ending-child-marriage

UNICEF Malaysia. (n.d). *Child marriage in Malaysia*. https://www.unicef.org/malaysia/media/1801/file/Child_marriage_brief_factsheet_%28E NG%29.pdf

United Nations High Commissioner for Refugees. (2023, May 22). *Pakistan: Information on marriage registration, including mix marriage.* Refworld. https://www.refworld.org/docid/51222d762.html

United Nation of Human Right. (n.d). *Child and forced marriage, including in humanitarian settings*. https://www.ohchr.org/en/issues/women/wrgs/pages/childmarriage.aspx

United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs. (2021, April 30). *Covid-19: A threat to progress against child marriage in Niger.* https://reliefweb.int/report/niger/covid-19-threat-progress-against-child-marriage-niger

United Nations Population Funds. (2024, December 31). *Child marriage*. https://pakistan.unfpa.org/en/topics/child-marriage-4

Warria, A. (2019). Child marriage, child protection and sustainable development in

Kenya: Is legislation sufficient? *African Journal of Reproductive Health*, *23*(2), 121-133. DOI: 10.29063/ajrh2019/v23i2.12

Youth Policy. Org. (2013, September 6). *Marrying too young- child marriage in India: Existing preventionmeasures and ways forward*. https://www.youthpolicy.org/blog/development/child-marriage-in-india-existing-prevention-measures-and-ways-forward/

LAMPIRAN

Lampiran 1 (Garis Panduan Soalan Temu Bual)

Garis Panduan Soalan Temu Bual

(Bahagian A)

Informan: Umur semasa berkahwin:

Jantina: Usia perkahwinan:

Umur: Jumlah anak:

Tahap Pendidikan:

Lokasi kajian:

Pekerjaan:

(Bahagian B)

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mendapatkan maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini terutama sekali daripada individu yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun dan berkahwin menggunakan undang-undang adat berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban.

Objektif 1: Untuk meneroka pengetahuan dan pemahaman individu yang telah berkahwin bawah umur terhadap undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

1. Adakah anda pernah mendengar tentang undang-undang perkahwinan adat Iban?
2. Mengikut pemahaman anda, apakah ia?

3. Daripada mana anda mendengar tentang undang-undang perkahwinan adat Iban ini?
4. Siapakah yang memperkenalkan ia kepada anda?
5. Siapakah yang membantu anda untuk menguruskan perkahwinan anda menggunakan undang-undang perkahwinan adat?
6. Adakah anda masih ingat prosedur atau apa yang perlu dilakukan untuk mendaftarkan perkahwinan anda? Lebih-lebih lagi remaja yang berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun?
7. Bolehkah anda berkongsi pengalaman anda sepanjang menguruskan pendaftaran perkahwinan anda menggunakan undang-undang adat ini? Adakah ianya sukar?
8. Adakah anda mengetahui had umur minimum yang dibenarkan untuk berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat?

(Bahagian C)

Bahagian soalan ini akan memberikan penekanan terhadap hak dan keistimewaan yang diberi kepada individu yang berkahwin bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban.

Objektif 2: Untuk mengenalpasti hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh individu yang telah berkahwin bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

1. Adakah anda pernah mendengar tentang hak dan keistimewaan yang diperolehi daripada berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban? Contohnya?

2. Sebelum berkahwin dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban, adakah anda telah diterangkan oleh mana-mana pihak tentang hak dan keistimewaan yang akan diperolehi sebagai masyarakat Iban selepas berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban? Apakah ia?
3. Selepas berkahwin, apakah hak dan keistimewaan yang anda perolehi? Seperti contoh: bantuan kewangan atau lain-lain.
4. Adakah hak dan keistimewaan yang diberi kepada anda dapat membantu anda untuk menjalani kehidupan yang baik?
5. Adakah hak dan keistimewaan yang anda perolehi tersebut diberi atau adakah anda perlu memohon untuk mendapatkannya? Apakah prosedur yang perlu anda buat untuk memohon perkara tersebut?

(Bahagian D)

Bahagian ini akan bertanyakan soalan mengenai pendapat serta cadangan daripada tuai rumah dan penghulu kampung terhadap strategi pemantauan dan penilaian bagi membantu individu yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban.

Objektif 3: Untuk mencadangkan strategi pemantauan dan penilaian melalui pendapat tuai rumah dan penghulu kampung bagi individu yang berkahwin di bawah umur di bawah undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak.

1. Adakah anda mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan bawah umur?
2. Adakah anda pernah mengendalikan perkahwinan bawah umur yang

berkahwin menggunakan undang-undang adat Iban di Sarawak? Berapa tahun?

3. Adakah anda pernah menghadiri kursus, program, taklimat mengenai undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak ini?
4. Bolehkah anda menerangkan apakah itu undang-undang perkahwinan adat Iban di Sarawak?
5. Adakah terdapat had umur yang diperuntukkan di dalam undang-undang perkahwinan adat di Sarawak ini? Kalau ada, berapakah hadnya?
6. Apakah prosedur yang perlu dilakukan sekiranya remaja yang belum mencapai usia 18 tahun ingin berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat? Setiap langkah.
7. Adakah anda pernah mendengar tentang hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh pasangan yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat? Apakah ia?
8. Pada pandangan anda, adakah hak dan keistimewaan yang diperolehi oleh pasangan tersebut dapat membantu mereka untuk menjalani kehidupan selepas berkahwin?
9. Adakah pasangan yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang- undang perkahwinan adat Iban dipantau selepas mereka berkahwin bagi memastikan mereka boleh berdikari untuk menguruskan rumahtangga mereka?
10. Pada pendapat anda, adakah pasangan yang berkahwin di bawah umur ini perlu dipantau selepas berkahwin? Kenapa?
11. Apakah cadangan yang anda boleh berikan untuk membantu pasangan yang

berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban untuk memulakan kehidupan untuk berumah tangga?

12. Bolehkah anda memberi cadangan alternatif kepada agensi-agensi di luar yang mengendalikan perkahwinan bawah umur menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban untuk memastikan individu yang berkahwin di bawah umur mampu untuk menempuhi cabaran dalam kehidupan dari segi fizikal dan secara mental.

Lampiran 2 (Transkripsi)

Informan A (Penghulu 1)

Pengkaji :	Selamat pagi sekali lagi Encik. Ulih tua neruska interview tua? *"Selamat pagi sekali lagi Encik. Boleh kita mulakan sesi perbualan kita?"*
Responden :	Selamat pagi. Ulih, teruska dia meh. *"Selamat pagi. Boleh, mari teruskan."*
Pengkaji :	Ba penemu nuan Encik, nama reti kawin baruh umur tu? *"Pada pandangan Encik, apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan bawah umur?"*
Responden :	Aaa, perkahwinan bawah umur tauka urang baruh umur tu reti ya laki ya sigi nda tau baruh ari 18 taun, indu ya nda tau baruh 16 tahun hmm nya ari segi ba adat Iban laa. Laban ba adat Iban kelia, sida ya nadai peringkat umur bakatu, semina ya bisi leka jaku 'baru berangkat dara'. Umur 'baru berangkat dara' tu kurang lebih umur 16 taun ya nya tadi. Nyadi enti ari segi undang-undang perintah, iya mesti berumur 21 taun. *"Aaa, pada pandangan saya, perkahwinan bawah umur ini adalah bermaksud perkahwinan yang berlaku sekiranya salah seorang atau kedua-dua lelaki dan perempuan yang ingin berkahwin di bawah umur 18 tahun. Kalau di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban, ada had yang ditentukan bagi lelaki dan perempuan iaitu lelaki dibenarkan untuk berkahwin pada umur 18 tahun manakala perempuan dibenarkan untuk berkahwin pada umur 16 tahun. Namun begitu, surat keterangan daripada tuai rumah diperlukan bagi mereka yang berkahwin di bawah umur 18*

	tahun. Kalau pada zaman dahulu sebelum adanya adat Iban 1993, tidak ada had umur bagi siapa-siapa yang ingin berkahwin, cukuplah bagi mereka yang perempuan kalau sudah akil baligh boleh berkahwin. Tetapi, kalau dari segi undang-undang kerajaan, minimum umur adalah 21 tahun."
Pengkaji :	Ouhh, ukai 18 tahun meh? *"Ouhh, jadi bukan 18 tahun kah?"*
Responden :	Au, ukai 18 taun. Nya baru ulih ngaga sijil kahwin. *"Ya bukan. Bukan 18 tahun. Umur 21 tahun ke atas baru dapat buat sijil kahwin."*
Pengkaji :	Untuk sida ke kawin ngena JPN kah Encik? *"Untuk yang kahwin di bawah JPN kah Encik?"*
Responden :	Au, ya. Laban ari segi adat, meri sida ya tu ulih jadi urang ke baruh umur tu, perintah diatu aaa udah mengiktiraf surat terang. Enti sida ya jadi baruh umur, dikerandau ba rumah panjai din ba mua tuai rumah, tuai rumah ulih ngaga siti surat terang madahka seduai ya udah beterang di rumah panjai, dipersetujui oleh apai indai indu ngau laki lalu surat nya tadi mesti ditandatangani oleh tuai rumah. Nyadi surat penerang tuai rumah nya diterima perintah diatu. *"Ya, ya. Sebab kalau dari segi adat Iban, yang membolehkan mereka yang di bawah umur berkahwin menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban adalah kerana Kerajaan atau JPN sekarang sudah mengiktiraf surat penerangan daripada tuai rumah. Surat penerangan daripada tuai*

	rumah ini adalah keterangan yang membenarkan pasangan yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban dan telah dipersetujui oleh ibu bapa bagi kedua-dua pasangan tersebut. Contohnya, pasangan yang berkahwin di bawah umur ini akan berbincang di rumah panjang depan tuai rumah, ibu bapa kedua-dua pasangan serta penduduk di rumah panjang dan setelah dipersetujui oleh ibu bapa, tuai rumah akan membuat satu surat penerangan yang menyatakan bahawa pasangan yang berkahwin di bawah umur tersebut telah membuat keterangan tentang status hubungan (adat beterang) di rumah panjang dan dipersetujui oleh ibu bapa kedua-dua pasangan dan akhir sekali, surat penerangan tersebut wajib ada tandatangan dan cop daripada tuai rumah. Jadi sekarang, surat penerangan daripada tuai rumah ini sudah diiktiraf oleh kerajaan."
Pengkaji :	Ouhhh. Ari adat kitai Iban empu la kan? *"Ouhhh. Memang dari adat Iban sendiri kah?"*
Responden :	Mmmm yaa. Ari adat kitai Iban empu. *"Mmm ya, dari adat Iban sendiri."*
Responden :	Nya reti adat urang ke kawin baruh umur tu. Udah diadu ke perintah manah-manah sida ya tu. Semina sida ya enti kami madahka sida ya enti sida udah terlanjur nyau betubuh bisi, anang guai peresa ngagai klinik laban sida mesti nganti surat tikah adat tu udah pansut baru sida ulih ke klinik. Laban sida ya mesti ngisi borang kahwin tu lalu dikepil enggau surat penerang ari tuai rumah nya tadi. Tu reti ya surat tu tadi baka surat sumpah lalu besaksika kami penghulu lah sida ya, apai indai ya bersetuju. Bakanya ko reti nya

	udah dipersetujui apai indai sida ya. Nya lah reti urang ke kawin baruh umur tu. *"Surat penerangan daripada tuai rumah ini hanya digunakan untuk mereka yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban sahaja. Cuma kalau mereka sudah terlanjur dan hamil luar nikah, kami akan berpesan supaya mereka jangan dulu datang ke klinik untuk periksa kandungan sebelum sijil kahwin adat dikeluarkan. Selepas sijil kahwin adat dikeluarkan, barulah mereka dibenarkan untuk ke klinik. Mereka hendaklah mengisi borang perkahwinan adat dan dikepilkan sekali surat penerangan daripada tuai rumah. Ini bermaksud surat penerangan tersebut adalah sebagai surat sumpah untuk mereka yang berkahwin di bawah umur dan disaksikan oleh kami penghulu dan juga telah dipersetujui oleh ibu bapa kedua-dua pasangan. Inilah dia maksud dia berkahwin di bawah umur dalam adat Iban."*
Pengkaji :	Denya, soalan nomor 2 aku ianya, aaa, kala nuan ngaduka sida ke kawin baruh umur tu ney encik? *"Seterusnya encik untuk soalan nombor dua saya adalah aaa, pernah kah encik menguruskan mereka yang berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban?"*
Responden :	Au, kala. Mayuh aaa. Asaiku bisi lebih ari sepuluh iku ke udah diaduka aku hmmm.

	"Ya, saya pernah uruskan. Aaa, saya rasa banyak sudah yang saya uruskan. Mungkin lebih daripada sepuluh orang hmmm."
Pengkaji :	Aaa, berapa taun nuan udah kala ngaduka sida ti kawin baruh umur tu encik? *"Aaa, agak-agak berapa tahun encik pernah menguruskan mereka yang berkahwin di bawah umur ini?"*
Responden :	Aaa, aku nyadi penghulu start ari 7/7/2011. Nyadi sepemanjai nya meh aku kala ngaduka sida ti kawin baruh umur ngena adat kitai Iban. Selalu nguruska utai bakanya. *"Aaa, saya sudah menjadi penghulu sejak dari tahun 2011. Semenjak dari tahun 2011 itulah saya pernah menguruskan mereka yang berkahwin di bawah umur ini dengan menggunakan adat Iban. Selalu juga saya uruskan perkara begini."*
Pengkaji :	Denya soalan numur 3 aku ianya, kati kala urang bisi ngadu baka kursus, program ataupun ceramah pasal aa sida ke kawin baruh umur tu ke kawin ngena undang-undang perkahwinan adat Iban. *"Baiklah, saya teruskan dengan soalan nombor tiga saya iaitu, mmm, pernahkah mana-mana agensi menganjurkan program, kursus, atau taklimat untuk tuai rumah dan penghulu aaa berkaitan dengan perkahwinan bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban?"*

Responden :	Au kala. Nya selalu nya, laban nya sida majlis adat urang ke ngempu tanggungjawab nya. Sida ya selalu ngangau ke kami kursus bakani ngadu ke urang ka kawin baruh umur kelebih agi maya sistem NAMES tu suba ianya sijil tikah ke online tu au. Maya sida ya baru start online suba ngaduka NAMES deh. Sida ya sigi selalu ngangau ke kami kursus lalu nerangka kami bakani ngaduka urang ke kawin baruh umur tu. *"Ya, pernah. Biasanya Majlis Adat Istiadat Sarawak yang kami panggil MAIS yang selalu menganjurkan kursus kerana mereka bertanggungjawab dengan perkara yang berkaitan dengan adat seperti undang-undang perkahwinan adat Iban. Mereka lah yang selalu memanggil kami untuk datang mengikuti kursus yang berkaitan dengan undang-undang perkahwinan adat Iban."*
Pengkaji :	Au. Sigi selalu lah sida ngangau ke kita datai enggau kursus ney? *"Ouhh. Jadi mereka memang selalu menganjurkan kursus untuk penghulu dan tuai rumah lah?"*
Responden :	Au, selalu. *"Ya, selalu mereka panggil."*
Pengkaji :	Sigi selalu la ney. Dalam setaun nya sigi bisi ney? *"Ouhh, memang selalu. Dalam setahun memang adakah mereka panggil untuk datang menghadiri kursus?"*
Responden :	Au, sigi bisi. *"Ya, memang ada."*

Pengkaji :	Au. Diatu datai ba soalan ke empat ianya, aa ulih nuan nerang agai aku pasal tauka nama maksud undang-undang perkahwinan adat Iban? *"Ouhh, baiklah. Seterusnya, soalan nombor empat saya adalah, aaa bolehkah encik terangkan kepada saya tentang apa itu yang dimaksudkan dengan undang-undang perkahwinan adat Iban?"*
Responden :	Aaa undang-undang perkahwinan adat Iban tu tadi ya nitihka utai ti dalam bup Adat Iban 1993 nya mmmm. Dalam bup undang-undang adat Iban nya, endang sigi dipadah ka bakani cara bangsa Iban tu kawin jadi melaki bini. Utai nya bisi diterangka sida ya ba setiap section-section sampaika undang-undang sarak. *"Aaa, undang-undang perkahwinan adat Iban ini terkandung di dalam buku Adat Iban 1993 mmm. Di dalam buku undang-undang adat Iban tersebut memang ada diberitahu bagaimana cara kaum Iban berkahwin. Setiap perkara yang berkaitan dengan undang-undang perkahwinan bagi kaum Iban akan diterangkan di setiap seksyen di dalam buku Adat Iban 1993 sehingga undang-undang adat yang berkaitan dengan perceraian pun ada di dalam buku Adat Iban 1993 itu."*
Pengkaji :	Ouh.
Responden :	Dalam bup adat nya sigi bisi dipadahka sida ya. *"Yaa. Dalam buku adat tu memang ada diberitahu tentang perkara tersebut."*

Pengkaji :	Nyadi diatu datai ba soalan no 5 tua Encik. Tapi nuan udah nerangka ngagai aku pasal had umur ke kawin ngena undang-undang adagt Iban tu tadi. *"Ouh. Jadi sekarang, saya teruskan dengan soalan nombor lima saya iaitu apakah had umur yang diperuntukkan di dalam undang-undang perkahwinan adat Iban? Tetapi tadi, Encik sudah terangkan kepada saya sebelum ini tentang had umur tersebut."*
Responden :	Au ya, udah. *"Ya, sudah. Awak teruskan saja lah dengan soalan seterusnya."*
Pengkaji :	Denya, tu utai ke paling ka ditemu aku ianya pasal prosedur ke perlu diaduka sida ti ka kawin baruh umur ngena undang-undang perkahwinan adat Iban deh. Ulih nuan nerang ngagai aku setiap prosedur ke perlu diaduka sida? *"Baiklah, soalan nombor enam saya adalah, apakah prosedur yang perlu dilakukan sekiranya remaja yang ingin berkahwin di bawah umur dengan menggunakan undang-undang perkahwinan adat Iban? Bolehkah Encik terangkan kepada saya."*
Responden :	Nyadi keterubah ya, sida tu enti apai indai indu enggau apai indai laki bersetuju ke anak sida ya jadi melaki bini ba baruh umur tu deh, sida ya mesti beterang ba mua tuai rumah sebenarnya. Nya meh surat penerang ari tuai rumah ko aku tadi. Surat penerang tu madahka apai indai ya setuju ke anak ya ke baruh umur tu jadi enggau pasangan sida ti baruh umur mega. Enti sida sama udah setuju, bisi surat penerang ari tuai rumah aaa tu meh

